

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH**

**PADA 2 DAN 3 SEPTEMBER, 2003  
BERSAMAAN  
5 DAN 6 REJAB 1424**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**Pejabat Dewan Undangan Negeri,  
Terengganu**

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

**daripada:**

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**PERSIDANGAN  
PADA HARI SELASA, 2 SEPTEMBER, 2003**

Hari Selasa,  
2 September, 2003

## **KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 1 ]
2. Doa [ Muka 5 ]
3. Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua [ Muka 5 ]
4. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan [ Muka 6 ]
5. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
  - Soalan-soalan Bertulis [ Muka 7 ]
  - Soalan-soalan Lisan [ Muka 8 ]

[ Bersambung ]

2 SEPTEMBER 2003

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**H A D I R**

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA**  
Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT.,JP.

**YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU**  
Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

**Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa bin Ali, DPMT.**  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

**Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.**  
WAKIL MANIR

**Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, DPMT.**  
WAKIL BATU BURUK

**Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Chik, DPMT.**  
WAKIL BATU RAKIT

**Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,**  
SSM.,PMN.,SPMT..  
WAKIL JERTIH

**Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.**  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**Yang Berhormat Haji Yahaya bin Ali, PJC.**  
WAKIL ALUR LIMBAT

**Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.**  
WAKIL TEPUH

**Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.**  
WAKIL CUKAI

2 SEPTEMBER 2003

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan, PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat,  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani, PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah, PJK.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam, PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirmain bin Abd. Kadir,  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak,  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun, PJK.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas.  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong,  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail,  
WAKIL BUKIT BESI

2 SEPTEMBER 2003

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad,  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof,  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT., DSMT., PJN., JSM., PJC., PPN., PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT., AMT., AMN., PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid, PJK.  
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh,  
WAKIL BUKIT PAYUNG

- Dengan maaf

2 SEPTEMBER 2003

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

**YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN**  
Y.M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee,  
DSMT., DPMT., PJC., PJK., BLB.

**YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI**  
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

**YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**  
Dato' Ibrahim @ Mat Nor bin A. Rahman,  
DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

**SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
Haji Azmi bin Moktar, AMT., PJK.

2 SEPTEMBER 2003

## **D O A**

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

### **UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Dato'-Dato', pegawai-pegawai kanan kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu marilah bersama kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. kerana limpah kurnia dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk Mesyuarat Kedua, Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Kesepuluh.

**Dewan kali ini akan bersidang selama dua hari. Saya sekali lagi dengan penuh hormat takzim memohon dan meminta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan Dewan ini berjalan dengan teratur dan licin sebagaimana yang pernah dicapai dalam persidangan-persidangan yang lalu.**

Saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada setiap ahli dan warga Dewan yang telah mendapat kurnia daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena ulang tahun Tuanku baru-baru ini.

Akhirnya diucapkan selamat berbincang, berbahas semoga kita mendapat taufik hidayah Allah, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

2 SEPTEMBER 2003

**KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Daerah Hulu Terengganu.  
(DUN. Bil. 8/2003)
2. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Daerah Setiu.  
(DUN. Bil. 9/2003)
3. Penyata Kewangan Tahun 2000 Yayasan Islam Terengganu.  
(DUN. Bil. 10/2003)
4. Penyata Kewangan Tahun 2001 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.  
(DUN. Bil. 11/2003)
5. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2000 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.  
(DUN. Bil. 12/2003)
6. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2001 Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).  
(DUN. Bil. 13/2003)
7. Penyata Tahunan Tahun 2002 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.  
(DUN. Bil. 14/2003)

2 SEPTEMBER 2003

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS  
[ Lampiran A ]**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah  
(Wakil Seberang Takir)
2. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali  
(Wakil Kemasik)
3. Y.B. Encik Rosol bin Wahid  
(Wakil Ajil)
4. Y.B. Dr. Haji Mamad bin Puteh  
(Wakil Kuala Berang)
5. Y.B. Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
(Wakil Rantau Abang)

2 SEPTEMBER 2003

### SOALAN-SOALAN LISAN

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir untuk mengemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

*Apakah perkembangan terakhir mengenai Kawasan Hutan Simpan Tembat seluas 40,000 ekar setelah Kerajaan Negeri membatalkan perjanjian dengan Syarikat SKKPJ?*

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir berbunyi – **Apakah perkembangan terakhir mengenai Kawasan Hutan Simpan Tembat seluas 40,000 ekar setelah Kerajaan Negeri membatalkan perjanjian dengan Syarikat SKKPJ? Kes ini telah dibawa ke mahkamah oleh pihak yang terlibat. Perkembangan terkini dalam tindakan mahkamah.**

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mendapat faham bahawa setelah perjanjian ini dibatalkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah berunding dengan sebuah syarikat lain, difahamkan kepada saya bahawa sebuah konsortium mengambil alih kerja-kerja pembalakan di kawasan ini. Adakah perkara ini betul, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya telah menjelaskan tadi bahawa kes ini berada dalam mahkamah. Dan sebagaimana prosedur biasa yang sepatutnya difahami oleh Yang Berhormat Seberang Takir, apa-apa yang berkait dengan kes ini menjadi pertimbangan mahkamah dan sama-sama memahami dia punya peraturannya. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua tidak faham sebenarnya, saya tidak faham. Yang Berhormat yang berkenaan mengandaikan saya faham, saya mengaku saya tidak faham. Tanya lagi saya, soalan tambahan Tuan Yang Dipertua, adakah ini bermakna selepas syarikat membawa perkara ini ke mahkamah maka tidak ada sebarang perundingan ataupun usaha untuk memberikan kepada pihak lain untuk membalak kawasan ini? Itu maksud yang saya nak tanya, Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertama saya nak jelaskan dulu yang beliau mengatakan dari sudut kes mahkamah ni tak boleh hubung kaitkan oleh kerana dia subjudis. Adapun soalan yang dibangkitkan kemudian itu soalan lain yang tak kena mengena dengan soalan asal. Terima kasih.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG** (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah sama kawasan pembalakan yang diberi kepada Meratin Corporation, Perakayuan Teras Jaya, PB Berangan Enterprise dan Ria Padu Sdn. Bhd. dengan kawasan yang dimaksudkan itu?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tu lagi jauh tu, telah lari daripada soalan asal.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID** (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, wakil .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG** (Wakil Telemong): Soalan saya, Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wakil Ajil?

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID** (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan setelah SKKPJ telah membawa perkara ini ke mahkamah pihak Kerajaan Negeri telah memberi kawasan ini kepada satu syarikat baru yang bernama Ria Padu Sdn. Bhd. Adakah perkara ini benar?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI** (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatutnya sebagai Ahli Dewan, perkara-perkara yang seumpama ini boleh dikemukakan sebagai satu soalan yang khusus, boleh saya beri penjelasan. Ni soalan yang tidak ada kena mengena dengan soalan asal. Patut kena fahamlah benda ni.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID** (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nampak pihak Kerajaan Negeri cuba mengelak daripada menjawab soalan ini kerana perkara ini nampaknya ada sesuatu yang tak kena dalam proses ini. Jadi saya rasa apa yang saya tanya tadi berkaitan kerana daripada SKKPJ dipindah dan diberi kepada Ria Padu. Kenapa pihak kerajaan terlalu sukar untuk menjawab soalan yang saya rasa jelas dan terang sebegini rupa?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI** (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua telah dijelaskan tadi, Wakil Ajil ke, wakil siapa ... kalau dah ada maklumat, tahu benda ni tanyalah sebagai satu soalan boleh saya jawab ... mudah. Ini perkara yang ada hubung kait dengan benda ni baru nak hubungkan benda-benda yang amat jauh dengan soalan asal. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID** (Wakil Ajil): Masalahnya, Yang Dipertua ... masalahnya kawasan ini masih lagi dilakukan pembalakan secara teruk menyebabkan berlakunya pencemaran dan sebagainya.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Itu perkara lain dah Yang Berhormat.

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Waki Ajil): Saya rasa berkait. Yang Dipertua. Tempat yang sama, kawasan yang sama cuma syarikat saja berbeza.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masalah soalan tadi berkaitan dengan SKKPJ. Sila masuk kepada soalan kedua.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, saya ingin penjelasan juga daripada kerajaan. Sebenarnya kawasan SKKPJ yang dimaksudkan di Tembat ini adalah kawasan yang sama dengan yang saya sebut tadi. Sebenarnya pihak kerajaan patut bersedia apabila soalan umum ditanya dan pastinya soalan-soalan tambahan akan mengikuti. Jadi lesen telah pun dikeluarkan kepada syarikat-syarikat empat yang saya sebut tadi di kawasan yang sama saya percaya dan terlibat nombor lesennya, antaranya L2014/2003, L2015/2003. Kalau kerajaan tak nak jawab perkara-perkara ini bermakna tidak bersedia dan bercanggah dengan apa yang dibangkitkan yang pertama tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah kata tadi. Kalau Yang Berhormat ingin kemukakan soalan yang khusus benda ini, Dewan ada lagi *budget* bulan dua belas insya Allah, pilihan raya tak dok lagi, boleh kemukakan sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini, banyak masa boleh tanya. Jangan duduk kaitkan yang berlainan daripada soalan asal yang kesnya telah berada dalam mahkamah. Boleh, yang akan datang nak tanya empat orang sekali pun boleh, insya Allah saya akan jawab.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, septunya kerajaan bersedia apa yang berlaku di kawasan ini tidak akan lari dari apa yang dipersoalkan. Perkara yang berbangkit di situ juga dan sebenarnya jawapan itu nak lari daripada apa yang berlaku, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telah diberi jaminan oleh pihak kerajaan tadi bahawa Ahli-ahli Dewan boleh mengemukakan ... pihak kerajaan bersedia untuk memberi jawapan pada soalan itu secara khusus pada bila-bila masa. Jadi sekarang kita pindah ....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tapi Dato' Yang Dipertua, soalan-soalan mengenai balak ni ditolak Dato' Yang Dipertua, banyak soalan saya pun ditolak ... tak berani nak jawab.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya pindah soalan kedua daripada Seberang Takir, silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua

*Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengenai Kawasan Hutan Simpan Tembat setelah TNB menyatakan bahawa di kawasan itu tidak akan dibina empangan?*

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua Yang Berhormat Wakil Seberang Takir berbunyi – Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengenai Kawasan Hutan Simpan Tembat setelah TNB menyatakan bahawa di kawasan itu tidak akan dibina empangan?

Sehingga ini belum ada sebarang surat daripada TNB kepada Kerajaan Negeri yang memaklumkan bahawa hasrat untuk membina empangan itu tidak akan diteruskan ataupun tidak ada *interest* lagi, minat lagi untuk diteruskan. Kita tidak ada menerima sebarang surat rasmi daripada TNB.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Adakah pihak kerajaan bersedia meluluskan sekiranya ada permintaan daripada pihak swasta yang memohon untuk membina hidro-elektrik di situ?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat, soalan itu pun soalan lain juga. Saya nak selesaikan dulu, takut ada daripada pembangkang dia nak tanya berhubung kait sebab benda ni banyak keluar surat khabar. Tanyalah benda ni saya bersedia nak jawab.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan nak buat soalan tambahan tapi nak komen sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Soalan yang pertama tadi tidak bersedia nak lawan, nak di layan tapi soalan kedua ni nampak Yang Berhormat sedia pula nak layan. Berapa kaedah Yang Berhormat pakai pagi ni?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak ada soalan tambahan, sila masuk kepada soalan berikutnya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua berhubung kait dengan TNB, TNB dari sudut projek bukan kes perjanjian mengeluarkan balak. Sepatut Yang Berhormat sebagai orang lama patut faham perbezaan antara dua ni.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nampak pihak Exco Kerajaan tidak tahu bidang tugas sebenarnya balaklah yang patut dijawab sebab dia Exco balak, TNB ni dia bukan Pengerusi TNB. Soalan tambahan saya, kalau dikatakan tadi tiada surat rasmi daripada TNB membatalkan, ada atau tidak surat rasmi daripada TNB yang nak buat. Kalau ada bila surat tersebut dikeluarkan?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sudah bersedia untuk memberikan penjelasan ini kepada ... ada satu soalan khusus yang dikemukakan oleh Wakil Kuala Berang tetapi oleh kerana ini dikehendaki lebih awal, saya bagi tahulah lebih dahulu tentang TNB yang telah berminat untuk mengadakan satu projek empangan di kawasan ini.

Oleh kerana Yang Berhormat Wakil Ajil baru sebab itulah dia tanya soalan ini, adapun wakil yang lama, yang dua-dua Exco Wakil Seberang Takir dan Wakil Telemong, dia tahu ni satu keputusan yang dibuat oleh kerajaan dulu. Dalam tahun 1995, iaitu pada 4 September 1995 ini sudah ada satu perincian daripada Kerajaan Negeri Terengganu bersama TNB telah mengadakan satu cadangan projek hidro-elektrik kedua, yang inilah yang dimaksudkan itu. Dan kemudian perjalanannya itu panjang sehingga ada tubuh jawatankuasa di peringkat bersama antara TNB dengan PTB, TNB, PTB wakil Kerajaan Negeri. Antara mesyuaratnya yang disebutkan dipengerusikan oleh daripada pihak Pusat sendiri iaitu Dato' Shamsuddin Hitam masa itu. Dan kemudian pihak TNB sendiri pada masa itu Dato' Dr. Tajuddin, ini orang-orang yang terlibat. Dan saya hanya nak sebut bahawa pada 2 Disember 1999, saya tak bacalah tiap-tiap tahun mesyuarat tu macam mana panjang, saya ambil yang akhir, pada 2 Disember 1999 TNB Research Sdn. Bhd. telah menghantar draf laporan Kajian EIA bagi Projk Hidro Hulu Terengganu. Setelah kerajaan dulu sampai kepada kerajaan baru ni, minat itu masih wujud. Dan kemudian pihak kerajaan sendiri melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 27 Februari 2002, ni saya lompat dari segi maklumatnya untuk meringkaskan, telah bersetuju pengubahan hasil hutan kawasan Tembat dan Hutan Simpan Petuang yang terlibat dengan Hidro-Elektrik kedua di Hulu Terengganu. Komitmen yang diberikan ini bagi mengelakkan pembaziran apabila projek hidro-elektrik dilaksanakan di samping meningkatkan hasil kewangan negeri. Tak mahu perkara ini berulang sebagaimana yang berlaku pada Kenyir Dam yang pertama.

Jadi ini yang saya nak sebut bahawa benda-benda yang seperti ini merupakan satu komitmen yang sudah ada di antara TNB dengan PTB. Saya nak baca salah satu daripada keputusan mesyuarat bersama yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dr. Shamsuddin Hitam yang diadakan pada 20 Januari 1997 antaranya saya nak sebut – *Mesyuarat bersetuju bahawa projek hidro-elektrik ini akan membawa manfaat kepada semua pihak memandangkan tenaga yang dijanjinya adalah dari sumber renewable* artinya boleh diperbaharui, dan terdapat faedah sampingan daripada pelaksanaan projek ini iaitu dari aspek pelancongan. Namun demikian adalah penting supaya segala aspek pemuliharaan alam sekitar yang disyaratkan itu dipatuhi pelaksanaannya oleh pemaju projek ini termasuk biomess yang telah dinyatakan dalam cadangan ini. Mengenai biomess removable, saya sebut word by word ini, Yang Berbahagia Dato' Pengerusi menyarankan agar tanya dapat dilaksanakan sebelum takungan tasik supaya keadaan yang berlaku di Kenyir tidak berulang. Peringatan dalam mesyuarat ini sendiri kebodohan yang telah dilakukan dalam Kenyir yang pertama dulu. Yang Berbahagia Dato' Pengerusi seterusnya menekankan bahawa kerajaan sangat peka mengenai perkara ini dan dengan itu pihak pemaju hendaklah memberi penekanan yang sewajarnya. Peringat supaya jangan jadi rugi macam yang dulu, dalam mesyuarat itu sendiri bawah kerajaan lama. Ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau nak tanya sama ada atau tidak TNB menyatakan hasratnya... bukan hasratlah satu jawatankuasa telah ditubuhkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, saya takut soalan saya disusun semula terkebelakang mengenai perkara yang sama. Saya ambil kesempatan ini untuk Ahli Exco yang berkenaan menjawab juga soalan saya sebab soalan saya mengikut susunan awalnya, lebih awal tapi sekarang ni nampak nombor 8 mengenai perkara yang sama.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Saya tak jelas, dia nak apa ni, Dato' Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Dia meminta supaya soalan dia yang .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Soalan saya yang pertama, sepatutnya yang keenam saya takut tak dan dia dijawab.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Telemong hari ni kita akan habiskan soalan sekali pun sehingga jam 12.00 tengah hari. Yang Berhormat jangan bimbang, soalan Yang Berhormat akan masuk, insya,Allah.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Sebab Exco kata tadi kita tidak terlibat, maknanya saya mengesahkan soalan saya itu adalah terlibat dengan perkara yang sama.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan Yang Berhormat akan masuk hari ini, saya beri jaminan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah jelas soalan tambahan dua daripada Yang Berhormat Seberang Takir.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Soalan tambahan atas perkara yang sama, Dato' Yang Dipertua. Bermakna daripada apa yang dibaca ... minit yang dibaca adalah minit awal dan tidak ada minit di antara dua pihak dengan Kerajaan Negeri untuk mengatakan *dam* ini akan dibina, sebagaimana soalan Ajil tadi.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, payah kalau orang dok retinya ni saya nak terang. Soalannya, saya dah kata tadi daripada peringkat awal tidak ada TNB menulis menyatakan nak berhenti, nak batalkan apa perancangan dia. Ajil tanya adakah surat mengatakan dia hendak. Saya dah bagi tahu ada surat hendak, surat berhenti tak dok. Ertinya dari sudut itu, teruslah pada anggapan kita melainkan ada suatu kenyataan yang jelas daripada TNB menyatakan dia tak minat, baru kita ambil satu keputusan yang wajar. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya difahamkan, kesemua yang dibaca tadi adalah di peringkat awal, mesyuarat-mesyuarat dan minit di peringkat awal dan tidak ada kata putus daripada pihak-pihak yang terbabit mengatakan pembinaan *dam* ini akan dimulakan sekian, sekian. Adakah betul dan kalau dikatakan betul, gelojohnya Kerajaan Negeri untuk mendapatkan hasil balak daripada benda yang belum tentu ... nak berselindung di sebalik Kenyir satu tapi kita tahu apa yang disebalik Kenyir dua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau dia dengar saya sebut tadi sedutan daripada mesyuarat yang

dinyatakan oleh Dato' Pengerusi sendiri. Dato' Shamsuddin Hitam mengingatkan projek ini ... saya tak baca habis kertas ini, kalau pun hendak dimulakan dia akan bermula pada tahun 2005 mengikut kertas ni Exco dulu patut tahulah, tetapi dia kata - *biomess* ini tentunya segala hasil mahsul mesti dikeluarkan lebih dulu supaya tidak berlaku pengulangan kepada Kenyir yang pertama dahulu, tenggelam habis apabila air bertakung. Ini ada dalam minda ni semua sekali. Jadi kita mengambil satu tindakan yang proaktif supaya tidak mengulangi kebobrohan yang telah dilakukan dulu, itu saja.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, saya rasa kita semua faham apa discbaliknya sebab untuk *comply* dengan izin, kepada apa-apa syarat kepada pembinaan *dam* kedua ini tentu sekali banyak yang tidak dibaca oleh pihak kerajaan sebentar tadi. Jadi saya ... dan kita merasa faham pihak TNB tidak lagi ... membuat pengumuman rasmi tidak lagi berminat untuk membina *dam* ini. Tetapi pihak kerajaan dengan rakusnya untuk mendapat hasil di sini menggunakan kebobrohan yang dimaksudkan itu, kebobrohan di pihak Kerajaan Negeri sekarang, maksud saya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang kata TNB tak dok minat ni siapa dia Wakil Telemong ni, apa kena mengenai dia dengan TNB? Yang kita boleh percaya hanya kalau ada kenyataan daripada TNB dan saya sedar Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, beberapa ... sebulan dua yang lepas ada kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi baru, Awang Adck setelah dia pegang ini menggantikan Dato' J.J. Jamaluddin Jarjis yang dinaikkan jadi Menteri maka dia menjadi Pengerusi. Saya sedar bahawa ada pemimpin UMNO Terengganu duduk main politik, buat satu kenyataan yang semacam ni hamba Allah yang bodoh tu tak tahu apa, buat kenyataan pasal ikut kebobrohan hak ada negeri Terengganu ni.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, jelas selepas tahun '99 saya rasa tidak ada perundingan lagi dengan pihak TNB walaupun keputusan Exco pada 22 haribulan tujuh 2002 membuat keputusan yang sangat diketahui oleh rakyat bahawa berkehendakkan hasil lebih daripada perkara yang sebenar. Dan sepatutnya sebelum memulakan kerja-kerja pembalakan, Kerajaan Negeri yang sepatutnya cerdik berunding dengan pihak TNB untuk mengesahkan perkara ini. Adakah ini satu perkara yang cerdik, Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalah mengeluarkan hasil, *biomess*, hutan apa ... tak ada kena mengenai dengan TNB. TNB hanya buat projek mengeluarkan hasil hutan ni tergantung kepada polisi Kerajaan Negeri. TNB hanya tahu *clear* dia masuk. Jadi sebab itu kita mengambil satu tindakan proaktif sebagaimana juga yang menjadi pandangan jangan hasil hutan ini disia-siakan, kita buat dulu, itulah tindakan yang kita ambil. Tetapi pihak pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu nak main politik dengan perkara ini, saya tahu.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Soalan tambahan, Yang Dipertua, Adakah pihak kerajaan akan meneruskan juga pembalakan di sini sekiranya pihak TNB mengeluarkan hutam putih *second dam* ini tidak akan dibina di sini?

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tu walaupun berbentuk andaian tapi saya boleh jawablah, insya Allah untuk meringankan beban perasaan Wakil Ajil, insya Allah ... boleh nasihatkan bincang dengan TNB beri satu jawapan yang jelas, nak ke tak boh, baru kita boleh ambil tindakan macam mana, mudah saja. Nasihat TNB nak atau tidak, nak buat *dam* ini baru kerajaan akan ada polisi apa yang kerajaan nak buat, sekarang ni tidak ada hitam putih. Jadi inilah yang saya minta. Yang Berhormat sendiri yang pergi mengadu perkara ini minta supaya TNB tu mengadakan hitam putih sebab apa yang saya dapat daripada Pengerusi TNB dulu, Dato' Jamaluddin Jarjis bukan sebagaimana yang keluar dalam surat khabar, saya ada berbincang dengan beliau.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey Ahli Yang Berhormat .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, boleh kita katakan berkehendaknya Kerajaan Negeri mengenai pembalakan di kawasan yang belum pasti ada projek ini dan lesen pembalakan dikeluarkan atas projek. Kemudian kita melihat rakusnya ... kemudian hasil-hasil kayu di sini tidak mendapat manfaat kepada pengilang-pengilang dan juga pekerja-pekerja dalam negeri.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat, cukuplah tu soalan saya beri lebih tiga soalan tambahan dah. Teruskan soalan yang berikut.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

*Adakah kerajaan bersetuju dengan dakwaan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi perhatian yang berat kepada penjagaan alam sekitar dalam hubungan dengan kerja-kerja pembalakan di Negeri Terengganu, khususnya di kawasan Kenyir?*

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga daripada Yang Berhormat Seberang Takir berbunyi – Adakah kerajaan bersetuju dengan dakwaan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi perhatian yang berat kepada penjagaan alam sekitar dalam hubungan dengan kerja-kerja pembalakan di Negeri Terengganu, khususnya di kawasan Kenyir? Dia tanya setuju atau tidak, jawabnya tidak bersetuju.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berdasarkan maklumat-maklumat yang tersiar dalam media yang menceritakan keadaan-keadaan tertentu pembalakan ini khususnya di kawasan Kenyir, jelaslah bahawa Kerajaan Negeri tidak bertindak untuk menjaga kepentingan alam sekitar, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Adakah benar kenyataan saya ini, Tuan Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat Seberang Takir menyebut itu laporan daripada akhbar, memang laporan akhbar tu saya pun baca tapi akhbar sendiri pun nak main politik

sebenarnya malah lebih daripada itu. Saya difahamkan, pihak Yang Berhormat daripada pembangkang sendiri dengan pimpinan UMNO Negeri Terengganu pergi naik helikopter nak *check* mana satu tempat yang tercemar dengan hutan ini, khususnya dalam kawasan yang dimaksudkan iaitu Hutan Tembat tadi tapi mereka tak berjumpa. Dan saya difahamkan, katanya dia berjumpa satu pulau Sumas namanya, iaitu bukan hak milik Kerajaan Negeri hak milik perseorangan dan itu pun tempat pemungghahan balak. Jadi yang dikatakan apa yang kita bagi kepada Hutan Tembat ni tidak betul sama sekali malah lebih daripada itu apabila laporan daripada Pejabat Hutan mengatakan tidak ada air yang keruh kerana itu, gambar yang dibawa kepada saya pun jernih, yang dihantar kepada Pengarah Hutan Persekutuan pun jernih. El pun ... pihak Kementerian Alam Sekitar pun mengatakan dia tidak ada apa-apa yang dia nak tu ... dan kita tidak menerima apa sebarang surat daripada mana-mana Kementerian yang melarang daripada pembalakan ini kerana kita *comply* dengan segala peraturan yang ada. Dan kita baru saja, sebagaimana yang telah saya jelaskan menerima ISO 9002 daripada Menteri Lim Keng Yaik. Tapi dia lanjut lagi pemimpin UMNO Negeri Terengganu, Ketua Penerangan dia ... dia boleh mencadangkan kepada kerajaan tarik balik ISO tu, tak pernah berlaku dalam dunia. Inilah ... saya ingat kalau nak lantik Ketua Penerangan, lantik hak cerdik sedikit jangan sampai taraf tu supaya tidak timbul orang nampak kita buat kerja ... bagaimana yang baru diberi bulan tiga minta ditarik balik, tak pernah berlaku perkara-perkara yang seumpama ini semata-mata kerana nak menjadi hujah bahawa Terengganu ni tak *manage* dia punya perhutanan secara baik sedang ISO 9002 itu sebagai salah satu bukti bahawa kita telah melaksanakan apa yang dinamakan *sustainable development forest* kita sebagaimana yang dikehendaki. Tapi boleh buat macam-macam cerita dan lagi ... saya tak boh sebut sangat bodoh! apap kali tak bagus.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, saya percaya dan sangat yakin ISO yang disebut oleh Ahli Exco tadi bukan bermaksud di kawasan ini dan sijil itu dikeluarkan adalah hasil daripada kerja-kerja pembalakan yang terkawal sebelum daripada '99 dan kerajaan yang tidak cerdik ini menumpang oleh kerana seperti saya kata tadi, rakus kepada hasil-hasil, kerja-kerja pembalakan di situ. Ini sebenarnya kenyataan, Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Apa benda soalnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua? Ada soalan dok?

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan mengatakan bahawa ini hasil daripada kerajaan dulu, ISO yang dikeluarkan itu bukan nilai sekarang.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Tak apalah dia nak mengaku pun dah gila mengeram memang begitu.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Yang Dipertua, itulah kerajaan hari ini benda dok buat mengaku hak dia, rasmi barang semua sekali ... memang pada 16 haribulan enam saya masuk ke kawasan Kenyir, kawasan Hutan Simpan Tembat dan Petuang. Dan kalau dikatakan air tidak keruh, mata orang tengok tu butalah ... buta mata dan yang paling teruknya buta hati. Jadi yang dilaporkan oleh pihak Kerajaan Negeri itu cuma laporan yang diterima daripada orang bawah. Saya masuk sendiri dan mendapati kawasan tersebut

2 SEPTEMBER 2003

memang berlaku pembalakan jadi saya baca Warta Darul Iman mengatakan tidak ada pencemaran. Ini satu yang pelik, adakah Warta Darul Iman juga nak main politik dalam hal yang cukup jelas menunjukkan bahawa bila berlaku pembalakan, berhampiran dengan sungai secara logiknya kita dapat melihat akan berlaku pencemaran sungai. Apakah pendapat atau pandangan kerajaan dalam hal ini?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak percaya guana kepada Wakil Ajil dia kata keruh-keruh, hak dulu dia sebut ada lori benda tak dok lori, dia sebutkata ada lori macam mana saya nak percaya. Biarlah satu laporan tu buat kepada Jabatan Hutan supaya Hutan boleh *check* hak keruh hak mana jernih barulah kita tu ... dengan fakta, dengan apa, depan-depan Dewan .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Hak lori tu Yang Dipertua, saya bawa gambar nak khabar bahawa kita tidak pelawok, pihak Kerajaan Negeri jangan bohong, Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sabar sedikit.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Jadi kalau kata saya bohong, saya minta Yang Berhormat tarik balik sebab saya bawa gambar yang diperbesarkan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Pandai juga suruh tarik balik.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Bukan marah tapi jangan buat sembaranganlah dalam Dewan yang mulia ini.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wakil Ajil duduk dulu, biar ada peraturan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Orang muda kena belajar sabar sedikit, macam Yang Berhormat Sebarang Takir tu, sabar dia Alhamdulillah.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Empat keping gambar bawak nak bukti.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Boleh bagi gambar tu kepada Pejabat Hutan tak apa.

**YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih):** Dato' Yang Dipertua ... Dato' Yang Dipertua, .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Kalau sabar belajar dengan Manir, Yang Dipertua.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih):** Gambar hak besar tu ada drebar ke tak dok. takut ada drebar Ajil jadi drebar pula.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Hak dok tahu benda dok boleh bercakap. Yang Dipertua . . . hak dok tahu benda tak usah bercakap.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wakil Ajil tolong brak sedikit ya.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat ada maklumat tolong bagi ke Jabatan Hutan, kita siasatlah benda ni. Kita bersedia siasat tapi jangan buat kenyataan akhbar, naik heli tak berjumpa lagi macam mana tu . . . . . terima kasih.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, saya salikan kawasan ini kawasan Telemong, pencemaran dan pemusnahan ini sangat ketara. Saya percaya Exco berkenaan dok pernah mari ke sini sebab dia duduk di Pengkalan Berangan. Pengkalan Berangan air bukan keruh tak dok air. Yang Berhormat Yang Dipertua, tong baldi di tepi jalan tak dok air, dia tak maklum Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Apa benda Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya . . . ada soalan dok tadi?

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak dok. Soalan berikutnya, dipersilakan Wakil Kuala Berang

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, muslimin dan muslimat sekalian. Soalan saya yang pertama -

*Apakah rasional pihak kerajaan menubuhkan DIIMC?*

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Wakil Kuala Berang ingin mengetahui apakah rasional pihak kerajaan menubuhkan DIIMC atau Pusat Perubatan Islam Darul Iman.

Bagi menjawab soalan ini, sukacitanya saya menyatakan bahawa rasionalnya pihak kerajaan menubuhkan Pusat Perubatan Islam Darul Iman ialah yang pertamanya bagi memenuhi tanggungjawab Kerajaan Negeri kepada rakyat dalam bidang pembangunan kesihatan dengan memberi dan menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkualiti dan sama rata dengan bayaran perubatan dan rawatan yang berpatutan mengikut prinsip-prinsip Islam juga lunas-lunas profesionalisma dan kecanggihan semasa. Juga untuk meningkatkan taraf kesihatan

masyarakat melalui perkhidmatan dan budaya keraja Islam. Di samping itu juga bagi menubuhkan rangkaian klinik pakar yang menyediakan perkhidmatan rawatan dan kaunseling secara Islam. Seterusnya dengan tertubuhnya pusat ini diharapkan dapat mengembalikan peranan kerajaan dan umat Islam dalam bidang perubatan Islam bagi menjaga dan memelihara kesihatan rohani dan jasmani kepada setiap lapisan masyarakat mengikut prinsip Al-Quran dan Al-Sunnah. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Soalan tambahan. Apakah kemudahan yang bercirikan kepada Islam yang dijangkakan akan diletakkan di pusat tersebut?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan ini adalah menepati dan memenuhi dengan ciri-ciri pusat rawatan Islam atau Pusat Perubatan Islam ini sama ada dari segi pengurusan dan juga dari segi kaedah-kaedah perubatan yang akan dilaksanakan di pusat ini supaya tidak bercanggah dengan hukum syarak.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah ciri-ciri Islamiknya Pusat Perubatan ini menunjukkan bahawa pusat-pusat rawatan yang lain yang sedia ada ini tidak Islamik?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Saya tidak menyatakan bahawa pusat-pusat perubatan yang lain ini tidak Islamik. Jawapan saya tadi khusus kepada persoalan yang ditimbulkan kepada Pusat Perubatan dan Rawatan Islam yang kita tubuhkan ini. Walau bagaimanapun, memang kalau dilihat secara keseluruhannya memang tidak sepenuhnya kaedah-kaedah dan rawatan yang dijalankan oleh pusat-pusat perubatan yang ada di negeri Terengganu ini yang benar-benar melaksanakan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang dikehendaki oleh Islam. Walaupun saya tidak menafikan ada juga unsur-unsur dan nilai-nilai ini tapi tidaklah meliputi keseluruhannya.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah ini bermakna .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Minta Kuala Berang dahulu.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan iaitu berkaitan dengan keutamaan kepada orang-orang miskin sebab Pusat Perubatan ini adalah sebuah pusat swasta jadi adakah Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada orang-orang miskin untuk memasuki pusat tersebut?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Kerajaan Negeri memang dalam usaha untuk memastikan kesihatan ini dapat dipenuhi bukan sahaja kepada

2 SEPTEMBER 2003

golongan yang kaya tetapi juga golongan miskin. Dan insya Allah bagi mereka yang terdiri dalam golongan miskin kita ada skim untuk memberi bantuan dalam perkhidmatan di pusat ini.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah penubuhan Pusat Perubatan ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa di Pusat ini sahajalah rawatan-rawatan yang lebih sempurna daripada segi keislaman boleh didapati dan dengan sendirinya pusat-pusat lain tidak dapat memberikan kemudahan-kemudahan mengikut tatacara Islam. Ataupun pusat-pusat lain juga perlu menambah nama Islam untuk menjadikan ia setanding atau sama darjahnya dengan Pusat Perubatan Islam ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tadi telah dijawab Yang Berhormat ... dia telah jawab dah tadi, tak perlu soalan tu.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Belum diberi jawapan tadi sebenarnya Dato' Yang Dipertua, dia berpusing-pusing tapi tidak menjawab soalan saya sebenarnya.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tidak berpusing, jelas dah soalan telah dijawab tadi.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Dato' Yang Dipertua, saya dah jawab tadi cuma soalan Wakil Seberang Takir ni berpusing dan berbelit. Itu sajalah, saya dah jawab tadi.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan kepada soalan kedua.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Macam mana ... saya Telemong pun dok faham dengan jawapan yang ditanya oleh Wakil Seberang Takir. Maknanya yang dijawab itu berbelit dan tidak menjawab soalan.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan berikutnya.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Jadi sesuaiilah Dato' Yang Dipertua, soalan berbelit kita jawab berbelitlah supaya adil namanya. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Dato' Yang Dipertua, dia mengakulah dia menjawab cara berbelit tu ... dia mengaku dahlah tidak seperti dakwaan Yang Dipertua. Terima kasih, Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

2 SEPTEMBER 2003

*Pernahkah pihak TNB atau dulunya LLN mengadakan perbincangan atau pertemuan dengan pihak Kerajaan Negeri tentang hasrat pembinaan Empangan Kenyir Kedua di Hulu Terengganu.*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua soalan kedua daripada Yang Berhormat Kuala Berang, biar saya baca soalan tu walaupun saya dah rangkum tadi – Pernah pihak TNB atau dulunya LLN mengadakan perbincangan atau pertemuan dengan pihak Kerajaan Negeri tentang hasrat pembinaan Empangan Kenyir Kedua di Hulu Terengganu.

Saya dah rangkum jawab tadi dalam menjawab soalan lain melainkan Yang Berhormat ada soalan tambahan, saya bersedia.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Oleh kerana pihak TNB telah adakan perjumpaan tentang hasratnya jadi baru-baru ini ada dalam *news paper* Pengerusi TNB kata tidak ada. Jadi itulah saya timbulkan soalan tadi bahawa sekiranya ada pihak IPS (*Independent Power Supplier*) yang berhasrat membina empangan tersebut adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka memaklumkan kepada Dewan iaitu sekitar tahun 2002, saya tidak ingat bulan, Pengerusi TNB pada waktu itu pernah datang ke Terengganu, Dato' Jamaluddin Jarjis datang berjumpa dengan pihak kerajaan dan saya wakil kerajaan secara bukan dalam satu mesyuarat tapi pertemuan masa itu membincangkan tentang *extention* daripada Kenyir yang sedia ada. Dan selepas itu juga saya tanya dia berhubung dengan *dam* kedua sama ada TNB masih minat ataupun tidak, dia kata TNB masih berminat *dam* kedua ini. Jadi sebab itulah kita ambil suatu tindakan proaktif sebagaimana saya jelaskan tadi. Itu yang dia datang sendiri. Yang saya bertemu dia di Parlimen sejak daripada awal lagi, daripada tahun 2001 kalau tidak silap sayanya, pernah saya jumpa tanya tentang ... sebab dia telah menyatakan hasrat *extention* ini tapi jumpa di Parlimen dan saya sebut yang terakhir 2002, datang ke Terengganu. Jadi itulah kalau nak dikatakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi antara Kerajaan Negeri dengan TNB tapi selepas itu pertukaran. Lepas bertukar ni yang keluar dalam surat khabar ikut dan ... ni yang saya dok faham sebenarnya.

Adapun Yang Berhormat Kuala Berang tanya sama ada pihak lain berminat, saya tidak nak jawab soalan andaian kerana dengan kita, TNB ni belum lagi putus secara rasmi. Tunggu biar putus secara rasmi baru kita berikan jawapan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Boleh kita katakan jawapan tadi *double standard*.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA.** Rantau Abang dulu.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sehingga bilakah agaknya kerajaan hendak memunggu keputusan hitam putih daripada TNB kerana kita tidak mendapat satu gambaran, satu komitmen yang baik yang ada sekarang sama ada nak meneruskan atau tidak. Sehingga bila kerajaan nak menunggu?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, memang pihak kerajaan sendiri sedang bincang sama ada kerajaan perlu tanya TNB hendak ataupun tidak. Tapi kita juga jaga adat kerana benda ni dalam tangan dia, patut orang yang mula-mula menyatakan hasrat tu dia kena bagi tahulah, dia dok bersedia barulah kita tu .... tapi kalau misalnya kita tunggu berasa munasabah lama sangat, mungkin kita ambil tindakan untuk menanyakan kepada TNB sama ada dia masih hasrat ataupun tidak. Ini berapa langkah yang sedang kita ambil.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil)** Soalan tambahan, Yang Dipertua, dikatakan tadi bahawa cadangan, cadangan ni ibaratkan pertunangan. Persoalannya adakah pihak TNB *confirm*, telah *confirm* untuk nak buat *dam* ini disitu? Kalau sekadar cadangan saya rasa tidak wajar kerajaan memungguh hasil hutan tanpa *confirmation*, Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya harap Wakil Seberang Takir, Wakil Telemong tolong ajar sedikitlah Wakil Rosol, sebab dia tak reti kaedah-kaedah yang dinamakan *proposal* yang kena buat, kajian kena buat, kemudian *confirmation* apa semua sekali. Ini benda yang dia kena faham dululah apa-apa yang disebut seumpama itu. Oleh kerana dia tidak pernah ada dalam kerajaan, saya harap dia kena belajar sedikit lagi supaya dapat memahami semua istilah-istilah yang digunakan itu.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, jawapan tu agak berbeza Pengerusi lama cakap lisan dipakai, Pengerusi baru cakap lisan dan ditulis kenyataannya dalam akhbar rasmi negara tidak dipakai dan dianggap bodoh pula kenyataan itu. Jadi ini satu perkara yang agak ... siapa yang bodoh sebenarnya, saya rasa Kerajaan Negerilah yang mencari perkara-perkara yang helah saja.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Baik, terima kasih. Bani hari ini saya dengar berita surat khabar tu rasmi, barangkali baru hari ini saya dengar. Kalau berita surat khabar tu rasmi maknanya jelaslah Utusan Melayu, Berita Harian semua surat khabar tu hak kepunyaan kerajaan bukan lagi bebaslah. Tapi walau macam manapun surat khabar tidak boleh dianggap sebagai rasmi walaupun ...

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya percaya Dato' Yang Dipertua, tapi saya membantah kerana perjumpaan dengan bekas

Pengerusi TNB itu Yang Berhormat yang tahu, Yang Berhormat boleh kata di Dewan ini kata apa-apa pun sebab kita dok dengar tetapi kenyataan akhbar itu semua orang boleh baca. TNB tidak berhasrat untuk membina empangan baru di Tasik Kenyir.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Nanti dulu .... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadi Ajil ni tak pernah duduk dalam Exco yang duduk dalam Exco pun dok faham juga ... tunggu dulu. Saya kata, setakat ini TNB tidak ada satu jawapan rasmi kepada kerajaan, surat khabar kita dok anggap rasmi. Surat khabar banyak perkara yang bohong, ada benda yang tepat ada benda yang bohong mana boleh kita anggap sebagai satu kenyataan yang rasmi.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Hak bohong-bohong Harakah dengan Warta Darul Iman, Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Apa kena mengena pula ni, Wakil Ajil ni? Belum minum lagi kok pagi ini? Terus kepada soalan ketiga.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Terima kasih. Soalan saya yang ketiga –

*Adakah pihak kerajaan sedar tentang wujudnya pembinaan Lapangan Terbang baru di Pulau Redang?*

**YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan seterusnya daripada Wakil Kuala Berang berbunyi – Adakah pihak kerajaan sedar tentang wujudnya pembinaan Lapangan Terbang baru di Pulau Redang? Soalan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang ringkas, jadi saya jawab pun ringkas jugalah. Memang kerajaan sedar.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Adakah pembinaan tersebut mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri?

**YANG BERTHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan berhubung dengan pembinaan projek ini pada 23 Julai, 2003, tahun ini juga.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan berikutnya, dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

2 SEPTEMBER 2003

*Berapa kalikah Ekspo Perdagangan yang diadakan di seluruh Negeri Terengganu sepanjang tahun lalu dan tahun ini.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' yang Dipertua, Yang Berhormat Kemasik bertanyakan soalan berapa kalikah Ekspo Perdagangan yang diadakan di seluruh Negeri Terengganu sepanjang tahun lalu dan tahun ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, sepanjang tahun lalu iaitu tahun 2002 sebanyak 36 penganjuran Ekspo Perdagangan telah diadakan di seluruh negeri Terengganu. Manakala pada tahun ini, jumlah kekerapan penganjuran ekspo perdagangan adalah sebanyak 32 kali. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD (a) ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik). Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat nyatakan bilangan peniaga-peniaga yang terlibat dalam ekspo tersebut terdiri daripada anak-anak negeri Terengganu dan luar negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kita memberikan kelulusan kepada mana-mana penganjur untuk menganjurkan ekspo ataupun karnival jualan ataupun ekspo perdagangan, kita telah pun meminta tiap Majlis-majlis Perbandaran dan juga Majlis-majlis Daerah untuk memastikan penganjur mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dari segi jumlah bilangan penyertaan kita hendak seboleh-bolehnya kuota yang ditentukan ialah paling kurang 50% peniaga tempatan mengambil bahagian. Jadi oleh yang demikian, itulah sebabnya kita akhir-akhir ini mengurangkan untuk memberi kebenaran ataupun permit kepada individu ataupun syarikat, dan kita melibatkan persatuan-persatuan peniaga sendiri yang menganjurkan ekspo dan karnival ini supaya melibatkan ahli-ahli mereka. Dan kita dapati ianya akan memberikan manfaat secara lebih menyeluruh kepada peniaga-peniaga kecil tempatan. insya Allah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang begitu banyak menganjurkan ekspo ini. Dan adakah Kerajaan Negeri sedar kebanyakan rakyat sekarang ini telah menukar logo ataupun nama Kerajaan Negeri Darul Iman ni kepada Negeri Darul Ekspo. Dan mereka sangat dukacita antara dua perkara yang berlaku, pertama seperti mana masalah sosial yang berbangkit daripada ekspo-ekspo ini yang berlaku, contohnya berlaku di Masjid Jabi, di Jabi sangat dukacita. Yang kedua, dengan buai musing, dengan kuda ... dengan lali semua sekali serta perniagaannya menjejaskan perniagaan-perniagaan ataupun peniaga-peniaga runcit tempatan. Jadi kita rasa dukacitalah dengan kepandaian Kerajaan Negeri ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan ke apa?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan, Yang Dipertua.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan apa begitu tu? Tak ada soalan, Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Yang Berhormat faham, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tidak ada soalan.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Dok apa, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya bila dikatakan ditukar nama Terengganu Darul Ekspo, saya rasa lebih baik sedikit daripada Darul Kasino. Negeri lain judi, dia boleh anjur, dia boleh beri lesen, kita tak ada. Dan kita setiap ... Dato' Yang Dipertua, apa juga kita buat kita buat kajian, impak sosial, ekonomi dalam penganjuran karnival jualan terhadap masyarakat. Jadi kita buat, UPEN buat dan hasil daripada kajian ini memang kuasa beli rakyat telah bertambah kerana dulu sebahagian rakyat habis duit pergi judi, beli nombor ekor. Sekarang ini duit itu dia boleh gunakan untuk keluarga mereka dengan memberi peluang bukan saja kepada pengguna mendapat lebih dan peluang barangan harga yang berpatutan dengan pilihan yang lebih banyak tetapi juga kepada peniaga. Sebagai contoh, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Persatuan Pasar Malam, masa kerajaan dulu ahli Persatuan Pasar Malam di Kuala Terengganu hanya jumlah dia 425 orang saja tapi sekarang ni ahli Persatuan Pasar Malam yang menjaja seluruh kawasan daerah Kuala Terengganu ni, 892 orang. Walau bagaimanapun, saya sedih juga .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Soalan, adakah Pasar Malam ni diiktiraf sebagai ekspo, Dato' Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Saya nak jawab soalan, dengar dulu .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Sebab Dato' Yang Dipertua tadi dok faham soalan.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** ..... nak khabar kuasa beli hasil daripada kajian yang kita buat telah meningkat daripada dasar dan kita kaji daripada masa ke semasa sama ada pasar malam ke, sama ada ekspo jualan ke. Oleh yang demikian, yang kita sedih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila dikaitkan ekspo ini dengan maksiat. Dan sebagai contoh dikatakan tadi berhubung dengan peristiwa yang berlaku di Jabi, saya harap Wakil Telemong siasat sebenar apa yang berlaku, berlaku kes gejala maksiat, gejala yang berlaku ni .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Penjelasan Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Nanti habis dia jawab dulu.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** .... saya dok dan jawab habis lagi.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya siasat dah ni nak khabar, takut dok dan nak khabar.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tunggu dia jawab dulu.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya siasat Dato' Yang Dipertua, maksiat ini berlaku hasil daripada hadir dalam ekspo ... kedua-dua pihak hadir ke dalam ekspo yang berada di Jabu itu, berhampir dengan tempat yang berlaku itu, yang kita dukacita yang berlaku tu di masjid.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Dato' Yang Dipertua, tak dok ekspo pun maksiat berlaku lebih teruk ... hak negeri lain pun teruk juga, teruk lagi. Sekarang ni gejala sosial sampai ke budak sekolah, bukan sekolah biasa sekolah elit, sekarang ini berlaku dan ini saya nak kaitkan ....

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, kita soalkan di Negeri Terengganu Darul Iman.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Saya harap Yang Berhormat, tolonglah sebagai orang tua hormat peraturan sedikit. Biar dia jawab siap dulu, lepas tu minta izin, saya tak pernah halang Yang Berhormat bercakap melainkan dalam keadaan peraturan yang tidak betul. Sila duduk ... sila duduk, saya benar insya Allah.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sahabat saya daripada Telemong kalau boleh biarlah kita bertenang sedikit dok dan habis jawab dia ... jadi sekarang ni saya nak sebutnya begini

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya bertenang, minta Yang Berhormat bertenang jawab kepada soalan.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada lagi perangai, dua kali nasihat dok habis lagi, duduk ... sila duduk. Duduk sekejap, biar dia jawab siap ... lepas dia jawab saya panggil Yang Berhormat. Selepas dia jawab saya panggil Yang Berhormat untuk buat soalan tambahan, sila duduk

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi saya beginilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mentaliti kalau orang nak kaitkan ekspo jualan yang kita nak bantu peniaga, nak beri peluang kepada pengguna dengan maksiat ini benda yang tak betul. Kita sebenarnya macam contoh yang dikatakan di Masjid Jabu, perkara itu berlaku lepas daripada ekspo selesai, pukul 12.00 malam ke atas. Saya difahamkan hamba Allah tu dikatakan tinggal baju

sembahyang, dia nak pergi ambil benda yang tertinggal di masjid di mana berlakunya peristiwa itu bukan waktu tengah-tengah ekspo. Dan kita juga bila kita buat ekspo kita cari tapak yang sesuai, biar dekat dengan masjid biar dia hormat waktu, dia tahu waktu sembahyang dan waktu orang bang tidaklah bergelawat begitu. Ini antara benda yang kita cuba buat peraturan tetapi nak berlaku tu di luar kuasa kita. Tetapi walau bagaimana kita usahakan untuk setiap penganjuran yang kita buat kita tetapkan syarat kita beri beberapa peraturan supaya jangan kaitkan, jangan ada unsur-unsur yang membawa kepada perkara-perkara negatif. Itu usaha kita, dah nak berlaku juga kita nak buat macam mana. Tapi jangan itu sebagai satu kes yang *isolated* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak dikaitkan dengan kes keseluruhan apa yang berlaku.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat tambahan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dulu maksiat Yang Dipertua, dalam Pejabat MB Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Pejabat MB maksiat, dok kan Yang Berhormat Exco dok ingat. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walau bagaimanapun .....

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat tambahan ... pohon izin. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pada suatu ketika saya dengar ada satu maksiat berlaku di Kenyir, ada orang kena tangkap khalwat sebagainya, itu salah buat Kenyir ke apa? Adakah salah tempat tu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BI NHAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mahulah komen andaian-andaian atau benda-benda berita yang belum tentu pasti. Selain dari itu, saya satu lagi yang saya nak sebut, Yang Dipertua, ....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada lagi gangguan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu, biar dia jawab dulu. Biar dia jawab habis dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia duduk dah, Dato' Yang Dipertua. Surat khabar hari ini, Dato' Yang Dipertua, enam lelaki rogol liwat pelajar sempena hari kemerdekaan di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, janji nak beri ke saya tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nanti dulu .....

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):**  
Paka kacau tengah jalan dok apa ....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Nanti dulu dia selesai hak tu saya berilah. Insya Allah. hari ini saya beri ... percaya dekat saya. saya beri ... biar dia dulu.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Ikut giliranlah. biar saya habis dulu Dato' Yang Dipertua. Paka dulu baru pergi Kemasik.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Paka dulu.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Saya nak sebut surat khabar hari ni, iaitu enam lelaki rogol. liwat pelajar dan peristiwa ketika menghadiri sambutan hari kebangsaan di Dataran Bandaraya di Johor Bahru. Jadi kalau ikut pandangan Telemong ni adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang kalau kes seperti ini yang berlaku di Jabu ini, kita batallah ekspo. Dan kalau kes ni berlaku sempena sambutan merdeka, jadi kita tidak usah buatlah sambutan hari merdeka. Apa pandangan Yang BERTHORMAT?

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):**  
Terima kasih ... saya, Yang Dipertua?

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Mu bekas Exco, sedar diri dok, hak nun hak tanya ...

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang ni Yang BERTHORMAT Wakaf Mempelam, saya beri peluang Wakil Telemong untuk beri soalan tambahan.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):**  
Terima kasih, Dato' Yang Dipertua sebab Paka ni dok reti sungguh, terima kasih Paka membangkitkan soalan tu. Saya setuju dengan Paka, kalau begitu soalnya dan perkara yang berlakunya dan disiasat, betul saya setuju dengan Paka. Dan saya terima kasih Dato' Yang Dipertua, kerana jawapan Exco sebentar tadi dia kata lepas pukul 12.00 malam tidak ada kait mengait dengan ekspo berkenaan. Dan saya dah sahkan mereka berdua sebenarnya hadir dalam ekspo, sebenarnya saya nak maklumkan Dato' Yang Dipertua, dah panas dalam ekspo begitu begini, panas sangat dah, dok tahan sangat dah Dato' Yang Dipertua, nak cari rumah yang BERTHORMAT Jabu dok jumpa dah, patut dibuat tangga rumah Yang BERTHORMAT Jabu. Tetapi hamba Allah anak Daulat Iman ini yang sepatutnya dari segi Islam ...

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalnya apa dia?

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):**  
.... saya nak khabar dulu Yang BERTHORMAT, Yang BERTHORMAT suruh saya jawab. ....

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan apa dia, kalau nak berucap ini bukan masa untuk berucap. Sila soalan tambahan.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Soalan ... soalnya Dato' Yang Dipertua, saya ingin pihak kerajaan sahkan bahawa perkara yang berlaku seumpama ini sangat dikesali oleh rakyat dan apa yang sebenarnya saya menyokong wakil Paka tadi, adakah patut ekspo-ekspo yang seumpama ini dikawal, kalau berniaga, berniaga lah, jualan, jualanlah jangan dikaitkan dengan perkara-perkara yang boleh memanaskan suasana sosial rakyat sehingga berlaku sedemikian rupa.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempealam):** Terima kasih wakil daripada Telemong yang juga sekurang-kurangnya memberi gambaran, dia pun prihatin Dato' Yang Dipertua, dia pun tak boh juga maksiat tu. Sekurang-kurangnya dia pun nak juga bersama-sama dengan dasar yang kita buat supaya kawal berhubung dengan apa juga kegiatan dan aktiviti diassociatekan, jangan dikaitkan dan jangan kita cuba beri ruang untuk ada program-program aktiviti yang boleh menjurus ke arah kemaksiatan. Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, memang kita dari masa ke semasa selain kita buat kajian, kita juga akan menentukan bilangan dan kita akan memperketatkan syarat dari masa ke semasa supaya untuk nak tutup apa juga *look-hole* kelemahan-kelemahan yang ada. Dan memang pernah suatu ketika dulu kalau Ahli-ahli Dewan masih ingat, pernah berlaku di Terengganu Trade Centre apabila penganjur tidak ikut arahan, tidak ikut peraturan, tidak ikut apa yang telah ditetapkan pihak Majlis Perbandaran pergi *seal* walaupun buat di TTC, pergi *seal* dan menutup ekspo berkenaan. Penguatkuasaan begini kita terus dari masa ke semasa supaya apa juga aktiviti yang kita anjur ini boleh memberi manfaat dan tidak mendorong atau memberi ruang kepada perkara-perkara negatif seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah kerajaan setuju .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan habis dah Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Se lagi Dato' Yang Dipertua, minta tolong ... ni soalan betul-betul, jawab pun pendek saja.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan habis dah Yang Berhormat. Soalan ni soalan betul tadi soalan palsu ke? Tak munasabah Yang Berhormat beri soalan palsu tadi, sila duduk. Minta soalan berikut, sila.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Kata panjang masa tadi.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan asal soalan saya, saya tak berkesempatan langsung untuk kemukakan soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okeylah, saya berilah satu. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah kerajaan sedar dengan adanya ekspo yang diterangkan tadi, 36 kali tahun lepas, 32 kali tahun ini yang boleh kita katakan keseluruhannya melibatkan peniaga-peniaga di luar daripada Terengganu telah menjejaskan peniaga-peniaga kecil di mana ekspo tersebut diadakan. Dan menjadi sungutan peniaga-peniaga kecil bahawa perniagaan mereka terjejas disebabkan ekspo tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah sebabnya saya sebutkan tadi kita kawal dari segi bilangan, kekerapan, tempat dan juga mereka-mereka yang terlibat dengan ekspo-ekspo ini. Jadi seperti mana saya sebutkan tadi kita sentiasa peka dengan permasalahan dan kita buat sesuatu perkara itu berdasarkan kajian yang telah kita buat. Dan perkara ini boleh kita dari masa ke semasa pertubangkan kalau dirasakan . . . kerana pernah berlaku sebagai contoh, ada dcaerah yang kita bagi beberapa kali tetapi oleh kerana dan kesan-kesannya kita kurangkan jumlah kekerapan yang hendak dibuat pada tahun akan datang. Jadi walau bagaimanapun tertakluk kepada kajian dan untuk makluman semua sekali, kita dari semasa ke semasa bermesyuarat dan kita panggil dialog semua persatuan-persatuan peniaga dan penjaja-penjaja kecil ini, macam di Kuala Terengganu melibatkan sampai 13 persatuan, kita dengar pandangan mereka, kita dengar cadangan mereka, komenter mereka sebelum kita buat apa-apa garis panduan ini untuk memberi peluang kepada mereka supaya mereka juga turut serta mendapat maufaat hasil daripada program ini, insya Allah. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, soalan berikut Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sedikit saja . . . adakah setelah 68 kali diadakan ekspo baru sedar kelemahan-kelemahan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan 68 Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 36. Saya nak beri sebagai contoh, tahun lepas 36 tahun ini kita kurangkan jadi 32, tahun 1999 waktu kita tak menang lagi 33, waktu kerajaan dulu pun 33 dah. Jadi walau bagaimanapun kita masih *flexiable* untuk kita tengok dan kita buat . . .

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ingat zaman dulu tak dok ekspo Yang Berhormat zaman dulu ada dah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Zaman dulu mungkin bukan bentuk ekspolah, bentuk lain-lain banyak mainanlah daripada jualan ni, banyak mainan daripada penjualan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ingat zaman le ni banyak maksiat zaman dulu tak dok nyanyi, rodak, dikir barat tak dok dulu

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tu kena tanya sebelah sanalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terus kepada soalan kedua Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua –

*Apakah rasionalnya pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu menghantar Khatib-khatib Tamu ke masjid-masjid di seluruh Negeri Terengganu sedangkan masjid-masjid tersebut telahpun mempunyai Khatib dan Imam.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai, Ketua-ketua Jabatan, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Wakil Kemasik dalam soalan nombor dua ni ingin tahu kenapa Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu masih menghantarkan Khatib-khatib Tamu ke masjid-masjid sedangkan di masjid itu sudah ada Imam dan Khatib.

Bagi menjawab Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah polisi Jabatan Hal Ehwal Agama sentiasa bekerjasama dengan pihak Jawatankuasa Masjid yang diberi juga peluang kepada mereka itu untuk mengadakan aktiviti-aktiviti tambahan kepada masjid yang berkenaan. Jadi di antara aktiviti yang dibuat oleh masjid itu ialah menjemput Khatib-khatib Tamu dalam munasabah-munasabah tertentu iaitu di antaranya Nuzul Quran, sambutan Ramadan, Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Isra' Mi'raj dan sebagainya. Jadi wajarlah sekali sekala bahawa masjid-masjid itu dibekalkan dengan Khatib-khatib Tamu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Pejabat Agama mengadakan kursus-kursus kepada Khatib-khatib Tamu, mengenal pasti mereka yang berkebolehan ataupun tidak. Sebab berlaku di kawasan saya baru-baru ini, iaitu pada 11 haribulan Julai 2003, di mana seorang Khatib Tamu telahpun dihantar oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dengan membaca khutbah yang tidak cukup syarat dan menjadi sebilangan besar jemaah-jemaah masjid pada hari itu, pada hari Jumaat tersebut yang tahu kesilapannya terpaksa sembahyang Zohor?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya ingin mendapat penjelasan, masjid mana berlaku?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Masjid Jamek Pekan Kerteh ... 11 haribulan Julai, dan saya rasa surat maklumat dan bantahan daripada Jawatankuasa Masjid ke Pejabat Agama telahpun dihantar dan Pejabat Agama Kemaman telahpun hadir sendiri untuk berbincang dan menyelesaikan masalah ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, pada kebiasaannya Khatib-khatib Tamu itu dihantar ialah bila difikirkan orang-orang yang mempunyai keupayaan sendiri untuk menyampaikan khutbah. Jadi apa yang ditimbulkan wakil daripada KemasiK saya belum lagi mendapat laporan insya Allah, saya akan siasat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak jelaskan pada hari tersebut Khatib Tamu tersebut tidak membaca khutbah yang ditetapkan oleh Pejabat Hal Ehwal Agama Terengganu sebagaimana surat yang disampaikan dan dihantarkan kepada Khatib Tamu tersebut mengatakan bahawa khutbah .. hendaklah membaca khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama. Disebabkan terlampau banyak berpolitik dalam khutbah tertinggal dalam kedua-dua khutbah *itaqullah* rukun tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau dok baca khutbah yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama, itu bukan tak cukup syarat khutbah, dok cukup rukun iaitu tak mengikut arahan Jabatan Hal Ehwal Agama. Adapun yang dikatakan tidak cukup rukun itu kita perlu laporan yang detail, sebab apa, kalau yang Berhormat pada hari itu hadir sembahyang Jumaat di situ, kita boleh mendengar laporan secara langsung daripada Yang Berhormat. Tapi kalau Yang Berhormat tidak hadir bersembahyang di situ apa yang dikatakan tidak baca *itaqullah* jadi mungkin Khatib ni bijak, dia pandai, jadi dia doklah lepas-lepas tu *itaqullah* selalu, mungkin *itaqullah* kemudian dan sebagainya sebab *itaqullah* tu tidak mesti mula-mula. Jadi sebab itu yang tidak dengar, tidak boleh membuat andaian sebegitu. Jadi saya sedang .. insya Allah, saya buat kajian dalam perkara ini, sama ada betul ke tak dok *itaqullah* ataupun ada tapi dalam bentuk yang lain tidak terawal sebagaimana biasa. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara ini telah disahkan oleh Pejabat Agama Kemaman dengan membuat penyasatan, dengan tanya Imam yang sedia ada, guru pelawat yang sedia ada, bilal yang sedia ada, semua mengaku bahawa kesilapan dilakukan oleh Khatib Tamu tersebut, boleh saya sebut nama di sini iaitu Yang Berhormat Ahli Parlimen Kemaman.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita akan jalankan siasatan insya Allah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Jadi peranan Khatib Tamu, Enakmen berapakah Khatib Tamu ini digunakan sebagaimana saya tanya dulu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tu selesai dalam persidangan Dewan yang lalu iaitu dibuat atas budi bicara Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ertinya tidak ada dalam mana-mana enakmen Kerajaan Negeri, betul atau tidak?

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak ... semua mesti ada dalam enakmen, tidak boleh berjalan kita. Semua kita berjalan ni tidak terikat kepada enakmen, ada yang terikat dan yang tidak terikat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAAMD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

*Sila sebutkan bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri kepada Pertubuhan-pertubuhan Belia di negeri ini semenjak tahun 2000 dan apakah program pembangunan belia yang dirancang bagi melahirkan belia berwawasan.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik berbunyi – Sila sebutkan bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri kepada Pertubuhan-pertubuhan Belia di negeri ini semenjak tahun 2000 dan apakah program pembangunan belia yang dirancang bagi melahirkan belia berwawasan.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pertubuhan-pertubuhan belia di negeri ini semenjak tahun 2000 ialah seperti berikut:

Pada tahun 2000 yang menerima bantuan:

1.	Majlis Belia Negeri Terengganu	-	RM15,800.00
2.	Majlis Belia Daerah Hulu Terengganu	-	RM 1,000.00
3.	GPMS (Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung) Negeri Terengganu	-	RM 800.00
4.	Pertubuhan Belia 4(B) Cawangan Kg. Undang, Marang	-	RM 2,000.00
5.	Kelab Rakan Waja Diri Daerah Kemaman	-	RM 500.00
6.	Persatuan Belia 4(B) Sri Losong, K.Trng.	-	RM 200.00

Pada tahun 2001 sehingga sekarang 2003, tidak ada apa-apa bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri setelah duit royalti kita dirompak oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab. Jumlah yang diberikan adalah sebanyak RM20,300.00.

Berhubung dengan perancangan pembangunan belia, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri telah pun melancarkan suatu dasar iaitu Dasar Pembangunan Belia Negeri Terengganu yang bermatlamat untuk membina golongan belia yang mantap dari segi akidah, akhlak, rohani dan jasmani bagi menjana sifat kepimpinan yang bertakwa dan berkaliber serta aktif di dalam pelbagai lapangan bagi mendokong agenda pembangunan sosio-ekonomi negeri yang berteraskan prinsip Islam. Dan kita juga mengadakan bengkel penghayatan Dasar Pembangunan Belia Negeri di daerah dan selain daripada itu juga pihak Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Belia Negeri

Terengganu telah dan akan terus melaksanakan Program Pembangunan Kepimpinan Belia Negeri di seluruh daerah-daerah yang sedang berjalan sekarang ini. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada program-program yang dibentangkan tadi, sila beritahu berapa ramaikah belia-belia yang terlibat?

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita di negeri Terengganu, kita tumpu kepada belia-belia yang tidak berpersatuan, belia-belia yang tidak bersukan, belia-belia yang tidak berpolitik dan belia yang tidak terlibat dengan mana-mana kegiatan. Jadi oleh demikian, penyertaan dari segi program yang kita adakan walaupun tidak ramai tetapi ia menyeluruh melibatkan wakil daripada setiap JSR dan kampung di seluruh negeri Terengganu, yang kita adakan di setiap daerah bagi memastikan bawa setiap wakil daripada JSR itu ada dia punya pimpinan belia ataupun mereka yang boleh kita bimbing untuk memimpin belia-belia yang tidak berpersatuan tadi hadir dalam program ini supaya mereka boleh menjana dan menggerakkan belia-belia tempatan. Ini berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana persatuan-persatuan belia di seluruh negara tidak terkecuali Terengganu, mereka sendiri daif. Mengikut kajian yang dibuat UPM dan juga Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2000, terdapat 8,419 buah persatuan belia di seluruh negara, tak sampai 30% aktif. Saya tak boh sebutlah alasan-alasannya kerana saya duduk dalam Majlis Perundingan Belia Negara dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dan kita bincang. Jadi oleh yang demikian, kita semacam memberi tugas, membahagikan tugas untuk pihak Kementerian menggerak dan mengupaya, dan mengaktifkan balik persatuan-persatuan yang mati dan separuh mati dan lesu ini. Dan kita memberi tumpuan kepada belia-belia yang 48% belia yang tidak menyertai mana-mana persatuan, hampir separuh belia yang tidak menyertai mana-mana persatuan. Dan memang kita akuiilah permasalahan yang ada di kalangan belia tetapi usaha telah kita dilaksanakan dan telahpun mendapat sedikit kejayaan, insya Allah akan terus kita pertingkatkan. Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan setuju dengan kenyataan saya bahawa rakan-rakan belia di seluruh negeri sangat dukacita dengan tidak ada langsung sepanjang 2001 sampai 2003, peruntukan ataupun bantuan untuk membangunkan golongan belia. Walhal setiap hari golongan belia dengan berputih mata melihat setiap hari ... tadi dengan alasan tidak ada peruntukan kerana royalti dirompak, tetapi belia setiap hari melihat balak, hutan mereka dirompak oleh Kerajaan Negeri tapi tidak diberi bantuan langsung kepada anak negeri.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini satu dakwaan yang tidak tepat. Kerajaan Negeri memang tak ada duit tetapi melalui Jabatan Belia diperuntukkan RM10 juta untuk mengupayakan persatuan-persatuan belia dan persatuan-persatuan belia di bawah Majlis Belia Malaysia Cawangan Terengganu, mereka boleh mendapatkan bantuan ini, nak menghidupkan persatuan yang telah mati, nak panggil mesyuarat pun dia bagi RM200 untuk minum kopi, minum teh, beli kuih ... dok hidup juga, RM10 juta. Dan saya rasa tidaklah adil, dahlah kita kena aniaya nak salahkah kita balik pada hal dia sendiri dok ... saya nak sebut Dato' Yang Dipertua, alasan

mengapa persatuan belia lesu. Ini disebut oleh Menteri sendiri, yang pertama sekali masalah pendaftaran, yang kedua masalah perlatan dan pejabat, yang ketiga keahlian. Orang dok minat persatuan belia sekarang ni, dan yang keempatnya dia berkait dengan kepimpinan, Menteri kata terlampau banyak politiking dan persatuan belia dipimpin oleh belia-belua tua dan belia-belua purba. Umur 65 tahun pimpin lagi Majlis Belia Negeri, tak boh lepas jawatan kerana ada kepentingan politik. Ini berlaku .....

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Yang Berhormat boleh bagi contoh gok satu?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Ya?

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Bagi contoh gok satu, hak belia purba tu?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Belia purba saya sebut daripada negeri Pahang, saya tak boh sebutlah negeri kita. Exco Pahang sebut dalam mesyuarat belia purba yang menjadi Pengerusi Majlis Belia Negeri Pahang, yang tak lagi dapat menghayati cita-rasa, nurani belia-belua muda .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, saya rasa jawapan Exco ni macam cerita Wak Dogol dalam wayang kulitlah. Jawapan kita, kita nak negeri kita dan tidak ada peruntukan macam tu kita kata sangat dukacita, tak payah meleret-leret jauh. Kerana apa yang berlaku tentu sekali di mana-mana jua sebagai kerajaan kita tahu ada masalah dan masalah ini bukan kita nak menyalahkan orang lain. Kita perlu membina, berusaha dan berikhtiar dalam rangka yang kita ada, jangan lari daripada tanggungjawab, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak doh soalan Yang Berhormat ya?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Saya dah dan habis lagi penjelasan dia tu dah ... Jadi saya kaitkan perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memberi gambaran kerana belia ni tanggungjawab kita bersama bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri saja tapi juga Kerajaan Pusat.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Okey, soalan tambahan saya, Dato' Yang Dipertua, adakah setuju .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMAD (Wakil Permaisuri):** Yang Dipertua, tolong kawal sedikit Wakil Rakyat Telemong, Wakil Rakyat Telemong tak dan somok orang nak jawab ....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Saya kalau main ... duduk ... duduk ... duduk ...

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Pemaisuri):** ..... daripada tadi lagi saya dengar ... awak tidak beradab .....

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya minta daripada Yang Dipertua, ..... Permaisuri ...

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat ... sila duduk Yang Berhormat Permaisuri. Yang Berhormat Permaisuri, macam Hang Jebat hari ni nampak. Sila Yang Berhormat Telemong duduk. Exco nak jawab. Saya hormat Yang Berhormat daripada awal Dewan tadi, habis-habis hormat, Yang Berhormat tak langsung hormat ke Dewan ni

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Yang Dipertua, biar adil. Soalan tambahan. Yang Dipertua, Yang Berhormat habis dah jawab, soalan tambahan, boleh?

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Adakah salah sebabnya Exco bersetuju bahawa kurangnya tempat riadah, tempat berkumpul, gelanggang, padang yang agak daif, rumput rampai penuh tidak sesuai berekreasi, balai-balai raya yang runtuh menjadi juga punca sebab gagalnya ataupun tidak berjayanya Kerajaan Negeri membentuk rakan-rakan belia di seluruh negeri?

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau inilah soalan yang dikemukakan kadar alasan yang diberi tu kerana padang tak dok, saya ingin jelaskan begini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak dibandingkan dengan Kuala Lumpur, nak dibandingkan dengan Selangor, belia sekarang ni makin ketara terpaksa pinda buat satu peraturan baru nak kawal padang-padang yang sedia ada, kita padang banyak, itu bukan alasan. Alasan yang saya nak sebutkan tadi, persatuan lesu, tidak berupaya kerana dasar dalam membangunkan belia itu tak betul, ini diakui oleh Kementerian sehingga terpaksa tubuh, bincang untuk nak tubuh, nak buat satu Akta baru, Akta Pembangunan Belia. Dan diakui Rakan Muda gagal, bukan kes padang. Rakan Muda program tu gagal. Sekarang timbul pula Dasar Pembangunan Sosial Negara untuk nak bangun balik belia-belia. Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ada dasar kita sendiri, di mana kita cuba daripada akar umbi memastikan belia-belia kita dibina insan ni, mereka tahu tanggungjawab ni, bukan kes padang, bukan kes balai raya, itu kecil berdohah lalu.

Jadi itulah sebabnya ... saya ucap terima kasih kepada Kementerian kerana saya duduk dalam Majlis Perundingan Belia, kita boleh bincang, kita boleh beri pandangan. Kementerian satu hal juga, bila dok rok, bila sakit sakit baru panggil kita tapi sekurang-kurangnya kita boleh beri pandangan kita dan kita boleh bertukar-tukar pandangan untuk menyelesaikan masalah belia ni bukan saja di Terengganu tetapi keseluruhan. Untuk sekurang-kurangnya khusus di Terengganu kita akan dapat membuat perancangan yang lebih baik bagi membina dan juga membangunkan belia-belia kita, insya Allah. Terima kasih.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Persilakan Yang Berhormat Rantau Abang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):**  
Saya ada satu soalan tambahan.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

*Berapakah jumlah ibu tunggal dan golongan nelayan yang mendapat bantuan JKM mengikut pecahan daerah hingga Jun 2003 serta berapakah jumlah penerima bantuan JKM yang tidak mempunyai harapan untuk dipulihkan?*

**YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang ingin mengetahui berapakah jumlah ibu tunggal dan golongan nelayan yang mendapat bantuan JKM mengikut pecahan daerah hingga Jun 2003 serta berapakah jumlah penerima bantuan JKM yang tidak mempunyai harapan untuk dipulihkan?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah ibu tunggal dan golongan nelayan yang mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut pecahan daerah hingga Jun 2003 adalah seperti berikut:

DAERAH	BIL. PENERIMA (BIL. ORANG)	
	NELAYAN	IBU TUNGGAL
Kuala Terengganu	25	969
Marang	26	329
Dungun	160	539
Kemaman	36	269
Hulu Terengganu	-	204
Setiu	7	128
Besut	9	662
JUMLAH:	263	3,100

Manakala jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tidak mempunyai harapan untuk dipulihkan ialah seramai 10,541 orang. Pecahan kategori yang tidak mempunyai harapan untuk dipulihkan ini adalah sebagai berikut:

- Orang tua daif seramai - 8,539 orang
- Pengidap berbagai jenis penyakit - 2,002 orang

Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Saya nak menyentuh tentang nelayan yang mendapat bantuan daripada JKM. Kita menyedari bahawa walaupun mereka bekerja setiap hari tetapi dari sudut kemampuan yang ada pada mereka tidak cukup, masih bergantung kepada bantuan JKM. Tambahan pula sekarang kita hampir kepada musim tengkujuh November, Disember dan Januari memandangkan bahawa musim memberi satu pulangan yang ada kepada nelayan. Setakat ini apakah kesungguhan daripada JKM sendiri, adakah telah dibuat perbincangan yang rapi dengan Jawatankuasa yang terlibat bahagian nelayan dan perikanan untuk mengatasi masalah ini dalam masa yang terdekat?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Dato' Yang Dipertua, sebenarnya sekali memang kita Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap golongan nelayan yang berpendapatan rendah ini. Dan melalui portfolio berkaitan umpamanya portfolio Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar memang kita sentiasa berbincang bagi mengatasi masalah mereka ini. Jadi oleh kerana itu beberapa agenda telahpun dirangka dan ada yang telah kita laksanakan, umpamanya bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan di musim tengkujuh ini kita galakan mereka supaya membuat kegiatan lain termasuklah pertanian dan juga kegiatan-kegiatan perusahaan kecil. Ini kita letakkan di bawah UPEN dan juga di bawah YPK serta MAIDAM. Walau bagaimanapun untuk memberi satu pemberitahuan kepada Dewan ini bahawa bagi nelayan-nelayan yang umpamanya menghadapi masalah bot-bot mereka yang mengalami kerosakan disebabkan tenggelam ataupun sebagainya, memang kita juga telah memberi bantuan kepada mereka ini, iaitu melalui Tabung Darul Iman. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan tambahan. Sehingga hari ini adakah pihak kerajaan sendiri ada membuat suatu kajian ataupun siasatan daripada keluarga ataupun adik beradik kepada yang menerima bantuan JKM? Maklumat yang diberi tadi lebih daripada 10,000 yang tidak mempunyai harapan untuk sembuh, saya yakin dan percaya jika kerajaan memanggil keluarga mereka untuk berbincang dan saya yakin di sana ada kemampuan daripada keluarga mereka untuk menyelesaikan sebahagian masalah yang dihadapi oleh peserta JKM ini. Bukan bermakna kita meminta kerajaan berlepas diri daripada tanggungjawab tetapi untuk beri satu kesedaran kepada masyarakat tanggungjawab sosial dan tanggungjawab kekeluargaan. Adakah pihak JKM sendiri bercadang untuk kita memanggil keluarga mereka, adik beradik dan semuanya supaya dapat sama berkongsi dengan kerajaan memikul amanah menjaga masyarakat orang-orang tua dan scumpamanya?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Dato' Yang Dipertua, memang kita dari masa ke semasa membuat kajian berhubung dengan keluarga penerima bantuan ini melalui pegawai-pegawai kita daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan oleh kerana itulah kita telahpun berusaha untuk membuat pemutihan bagi mereka-mereka yang mempunyai keluarga yang sudah pun dapat membantu anggota keluarga mereka dengan pendapatan yang baik, kita telah keluarkan mereka daripada menerima bantuan ini. Tapi malangnya kadang-kadang diambil peluang oleh pihak pembangkang untuk mencuruk-burukkan kerajaan. Dan memanglah sebagaimana yang telah kita amalkan bahawa keluarga yang terlibat ini kita telah mengadakan berbagai-bagai kursus dan perjumpaan melalui YPK, JKM bagi mereka menyertai program-program yang diadakan untuk memastikan bahawa tanggungjawab ini,

tanggungjawab bagi mengatasi kemiskinan bukan saja merupakan tanggungjawab kerajaan tetapi juga dari keluarga dan masyarakat di berbagai lapisan. Jadi oleh kerana itu perkara ini memerlukan masa yang panjang jugalah untuk kita membentuk sikap dan mengubah sikap mereka ini supaya mereka tidaklah semata-mata bergantung kepada bantuan yang diberikan oleh kerajaan. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Setiap tahun berapakah *target* kerajaan kita untuk membebaskan mereka yang bergantung dengan JKM? Dan mengapakah kerajaan tidak mengambil satu sikap kepada mereka yang menerima bantuan JKM yang mempunyai kekuatan dan keupayaan dengan umur yang masih bawah pada 50 yang ada tenaga, tidak dimasukkan kepada tenaga-tenaga di bawah ladang-ladang ataupun sektor-sektor tertentu di bawah Kerajaan Negeri sebagai jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh mereka?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sudah laksanakan ini secara berperingkat-peringkat iaitu ada *target* kita mengikut Pelan Tindakan Ekonomi yang kita luluskan, iaitu *target* kita ni berdasarkan kepada keupayaan agensi-agensi yang telah diberi tanggungjawab seperti Yayasan Pembangunan Keluarga, kemudiam UPEN, MAIDAM dan JKM. Dan untuk maklumatnya, sekarang ni kita telah melaksanakan Program Jaya Diri dengan meningkatkan lagi usaha kita bagi memastikan bahawa keluarga yang miskin ini dapat kira kurangkan dari masa ke semasa. Memang ada *target* kita iaitu berdasarkan kepada perancangan yang telahpun kita buat melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua?

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan dah tamat dah Yang Berhormat, masa panjang sangat. Teruskan soalan berikutnya.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan yang kedua –

*Berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu untuk pembiayaan perbelanjaan samada biasiswa atau pinjaman kepada pelajar dalam semua peringkat dalam atau luar negeri?*

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang dalam soalan keduanya pada hari ini ingin tahu berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu untuk pembiayaan pembelajaran sama ada biasiswa atau pinjaman kepada pelajar dalam semua peringkat dalam atau luar negeri?

Jadi soalan ni tak sebut tahun berapa, jadi kita jawab masa kita merintah kerajaan baru ni. Jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu kepada pelajar dalam dan luar negeri pada tahun 2000 dan ke atas sampai 2003 ialah seperti berikut:

2 SEPTEMBER 2003

- 2000/2001 perbelanjaannya ialah sebanyak RM36,843,518.00 untuk membiayai pelajar seramai 7,627 orang.
- 2001/2002 perbelanjaannya ialah sebanyak RM33,621,650.00 untuk membiayai pelajar seramai 6,968 orang.
- 2002/2003 perbelanjaannya ialah sebanyak RM32,554,830.00 untuk membiayai pelajar seramai 6,759 orang.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tidak meletakkan buruk sangka kepada pelajar yang mendapat pinjaman. Cuma saya nak minta penjelasan, adakah satu badan memantau atau pihak kerajaan sendiri memantau dari sudut perbelanjaan kewangan yang kita beri kepada pelajar-pelajar ini, adakah digunakan untuk pembelajaran dengan sebaik mungkin ataupun sebaliknya? Adakah kita memantau keadaan ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi Yayasan memberi pembiayaan atau biasiswa adalah berdasar kepada kajian berapakah sepatutnya jumlah perbelanjaan tahunan atau bulanan yang boleh memberi kesesuaian kepada para pelajar. Adapun ada pelajar yang salah guna duit itu, ini tidak belum mendapat maklumat-maklumat, laporan-laporan yang mengatakan bahawa ada di kalangan pelajar itu yang menyalahgunakan, iaitu pemantauan tidaklah dibuat secara terperinci.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Dato' Yang Dipertua, apakah sehingga hari ini syarat yang digunakan oleh Yayasan untuk memberi satu kelulusan kepada permohonan pinjaman daripada Kerajaan Negeri, adakah sama sebagaimana setakat mereka belajar, mereka minta semua kita bagi? Dan setakat ini berapa peratuskah agaknya permohonan yang ditolak dan adakah permohonan daripada mereka yang miskin juga termasuk daripada kalangan yang ditolak? Kalau ada sebarang laporan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yayasan Terengganu buat satu polisi bahawa pembiayaan diberi kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus mereka di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JPA. Jadi bagi pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di tempat-tempat yang belum diiktiraf oleh JPA maka pihak Yayasan Terengganu dengan kerjasama MAIDAM maka MAIDAM memberi pembiayaan, bantuan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus-kursus di tempat yang belum lagi diiktiraf oleh JPA tentang kelulusan mereka. Setakat yang kita tahu bahawa setiap permohonan diaju kepada kita, bila mereka layak mereka tetap dapat pinjaman tersebut. Oleh itu pemohon. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dengan maaf, syarat yang kita berilah ialah bahawa dia adalah rakyat negeri Terengganu dengan kita melonggarkan rakyat negeri Terengganu itu, sama ada dia memang dilahirkan ... ayah dia, mak dia rakyat Terengganu atau salah satunya, ibunya rakyat Terengganu atau bapaknya rakyat Terengganu maka juga layak dia. Atau yang luar daripada Terengganu tetapi beranak di sini, di Terengganu dan dia sudah berniat untuk bermastautin di Terengganu dalam jangka masa 10 tahun ke atas, maka kita juga mempertimbangkan permohonan mereka.

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, sehingga hari ini berapakah jumlah yang sebenar tunggakan pinjaman lama yang gagal dibayar kepada Yayasan dan berapa peringkat jalan penyelesaian diambil oleh pihak Yayasan sehingga ianya berjaya dibayar balik kepada kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua bukan semua pinjaman dibayar, dalam syarat pinjaman ini terutama sekali bagi orang yang mendapat kelulusan biasa saja, ijazah am maka dia dipotong 25%, bila dia dapat kepujian *jayik* maka dia dipotong sebanyak 50%. Kalau sekiranya dia mendapat *jayik yidan* maka dia dipotong 75%, bila dapat cemerlang maka mereka tak payah bayar. Salah satu daripada punca hasil atau pendapatan Yayasan Terengganu dalam pembiayai pelajar-pelajar kita ialah bayaran balik yang dipungut daripada pelajar-pelajar yang telah tamat, yang telah membuat pembayaran setiap kita dapat lebih kurang RM6 juta ke atas untuk bayaran balik. Adapun berapa orang yang tidak bayar lagi tu, saya perlu notis tidak cukup bila soalan umum begini, saya perlu notis secara terperinci. Insya Allah, kalau nak cepat pergi melawat Pejabat Yayasan Terengganu, di situ ada secara detail. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan berikutnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan nombor tiga –

*Berapakah jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk mempromosikan Terengganu ke negeri-negeri lain dari sudut pelancongan?*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga yang dikemukakan oleh Wakil Rantau Abang, jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri tidak banyak bagi promosi pelancongan dan ianya tercatat di dalam buku *burget* tahun 2003. Walaupun soalan ini agak umum dan *burget* tersebut ada dalam tahun 2002, 2001, 2000. Di mana dalam promosi negeri ini ada dua bentuk, yang pertama ialah kerajaan mengadakan acara-acara, aktiviti pelancongan dan melibatkan peserta-peserta dari acara tersebut dan pengunjung-pengunjung dari luar. Yang kedua ialah

menyertai pameran-pameran pelancongan. Dan kita juga dari segi promosi pelancongan ini bagi pihak negeri, bekerjasama dengan *Tourism Malaysia* yang juga mengambil usaha melalui Cuti-Cuti Malaysia sejak dari tahun 2000 dalam program Jejak Warisan dengan menjemput pengusaha-pengusaha pelancongan dari luar dari negeri Terengganu untuk mereka datang ke Terengganu dan diadakan aktiviti-aktiviti sempena Jejak Warisan di bawah Program Cuti-Cuti Malaysia oleh *Tourism Malaysia*. Dan walaupun dalam sumber yang terbatas dan terhad, kerajaan masih lagi mengambil satu kaedah dan pendekatan iaitu apabila ada sesuatu pameran pelancongan yang hendak dibuat seperti baru-baru ini pameran pelancongan semasa Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) dan juga *Matta Trade Fair* setiap tahun, kerajaan mengeluarkan sedikit belanja dengan ditampung juga oleh sebahagian daripada pengusaha-pengusaha yang berminat untuk bersama-sama dalam pameran pelancongan itu. Dan termasuk juga sejak dari tahun 2000, apa saja permohonan penggambaran yang dibuat berkaitan dengan tempat-tempat menarik di Terengganu diberikan kebenaran dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Dan yang teraklur baru-baru ini umpamanya apabila acara *motorcross* diadakan maka pihak kerajaan telah menyebutkan kepada pihak hos penyiar iaitu TV3 supaya menyiarkan dahulu lebih awal promosi-promosi tempat-tempat menarik di negeri Terengganu. Dan Alhamdulillah telah diambil perjalanan sebelum daripada acara *motorcross* itu pihak TV3 telah menyiarkan rakaman pada 7 Ogos 2003 sebelum daripada acara *motorcross* itu. Walaupun kalau kita melihat dari sudut itu jumlah sebenar mungkin memakan angka ratusan ribu walaupun *burget* kita kecil tapi kita mengambil beberapa kaedah dan pendekatan bagi mempromosikan negeri. Wallahuatam.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):  
Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):  
Apakah kesan negatif yang dirasakan oleh Kerajaan Negeri dari sudut pelancongan dan kedatangan pelancong luar daripada tindakan media massa yang sentiasa menggambarkan imej yang buruk tentang Kerajaan Negeri. Ada kesan negatif ataupun tidak?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):  
Sebenarnya ini jadi salah satu dari promosi terbaru sebab bila disebut tentang negeri yang tidak baik di bawah pentadbiran yang ada ini, maka kedatangan pelancong-pelancong domestik secara khusus dari luar Terengganu kelihatan meningkat dengan cukup baik, dan saya ucap terima kasih jugalah kepada promosi itu yang dibuat. Walaupun pada hakikatnya memang atas tujuan untuk memburukkan negeri Terengganu tapi sebaliknya ia juga menjadi satu promosi baru sebenarnya kepada negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):  
Soalan tambahan. Kita ada mendengar rungutan sebahagian daripada pelancong, yang merungut masalah barang di Terengganu yang agak mahal dan tahap kebersihan yang tidak membanggakan. Apakah langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Pelancongan bersama dengan Jawatankuasa

Pengguna ataupun Kerajaan Tempatan bagi mengatasi tanggapan negatif daripada pelancong terhadap barangan dan juga tahap kebersihan dalam negeri?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Terima kasih kepada soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dua perkara ini memang sentiasa dibangkitkan tapi soal kesedaran daripada pihak pengusaha sendiri kerana kalau sekiranya perkara yang dibangkitkan itu tidak diberikan perhatian di antara perkara yang sentiasa di dalam mesyuarat-mesyuarat pelancongan ialah berkaitan kebersihan dan juga harga makanan di Terengganu. Tetapi soal ia kembali kepada pengusaha-pengusaha yang jika sekiranya sekali pun kita mengeluarkan arahan tetapi kepatuhan tidak diberi maka ia juga akan menjejaskan promosi yang dilakukan. Walau bagaimanapun pihak kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan dua perkara ini diberikan perhatian yang telah pun sebahagiannya diambil perjalanan, oleh kerana kedatangan pelancong ni sebahagian daripada penekanan pelancongan domestik ialah tempat-tempat persinggahan mereka, yang kita dapati telah dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama ialah seperti yang diminta supaya tempat-tempat persinggahan di masjid-masjid, tandas-tandas itu sudah diberi suatu permarkahan, yang juga diberi perhatian kepada sudut kebersihan hotel-hotel. Dan soal-soal yang lain itu akan sentiasa akan diambil tindakan dari semasa ke semasa, insya Allah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Sebenarnya saya bukan nak buat soalan tambahan tapi saya nak rujuk kepada soalan asal sebab Yang Berhormat yang berkenaan tidak menjawab. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan? Itu yang tidak jawab, sebenarnya.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** *Budget* 2003, 2002, 2001 sebanyak RM50,000 saja dan lebih daripada itu kita belanjalah tetapi melalui *smart partnership*. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua *budget*, *budget* ialah anggaran perbelanjaan, yang kita nak tahu daripada *budget* sebanyak itu banyak mana dibelanjakan?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Lebih daripada *budget*, yang lebih tu .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yalah yang lebih daripada *budget* tu banyak mana, boleh dua kali, empat kali ganda daripada *budget*?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Lebih daripada *budget*lah, itu tanya semulalah.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):**  
Jadi jawapan-jawapan itu untuk mengelakkan daripada tanggungjawab, Yang Bert hormat.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Bert hormat, oleh kerana masa begitu lanjut saya nak rehat sekejap Dewan sekitar 20 minit dan akan disambung balik pada jam 11.45. Dewan ditangguhkan.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.25 PAGI.**

2 SEPTEMBER 2003

PUKUL 11.45 PAGI

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Wakil Ajil.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin hadirat, tuan-tuan dan puan-puan. Soalan yang pertama –

*Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 dan Kebawah Duli DYMM Al Sultan telahpun memperkenankannya. Sehingga sekarang mengapa enakmen tersebut masih belum diwartakan dan belum diimplementasikan.*

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat sekalian, Wakil Ajil dalam soalan satunya ingin tahu Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telahpun memperkenankannya. Sehingga sekarang mengapa enakmen tersebut masih belum diwartakan dan belum diimplementasikan.

Bagi menjawabnya di dalam proses pewartaan dan kerajaan sedang mencari waktu dan tarikh yang sesuai untuk diwartakan. Sekian.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Soalan tambahan, Yang Dipertua. Boleh atau tidak kerajaan memberi tarikh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menandatangani enakmen tersebut, tarikh menandatangani enakmen tersebut oleh Kebawah Duli Al-Sultan?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, ini soalan lain, saya tak ingat tarikh bila.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bererti Tuanku telah tandatangan enakmen tersebut?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dok dengar satni, apa?

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Maknanya Tuanku telahpun menandatangani enakmen tersebut, telahpun sain enakmen tersebut?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Sudah menandatangani ... sudah perkenan.

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua. Soalan seterusnya, agak-agaknya bilakah ianya akan diwartakan dan akan diimplementasikan memandangkan banyak lagi perkara-perkara yang perlu diperkemas, adakah akhir tahun ini? Mesti ada satu perancangan yang rapi daripada pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebelum akhir tahun ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebelum akhir tahun ni tu, bulan berapa kalau boleh dipesifikkan, sama ada bulan dua belas ke, 30 hari bulan dua belas ke?

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kerajaan belum tetap tarikh, tarikh masih dirahsiakan lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak nampak pihak kerajaan akan mampu melaksanakannya memandangkan Fasal 66 dan Fasal 67 belum dibuat ataupun belum dinyatakan iaitu Mahkamah Rayuan Syariah Khas dan Mahkamah Bicara Syariah Khas. Adakah kerajaan menyedari hal tersebut?

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pandangan Yang Berhormat Ajil dia tak nampak, betulah dia tak nampak. Dulu dia kata kita tidak akan buat, lepas tu dia kata tak nampak untuk laksana. Kita nampak, insya Allah orang tak nampak ikut orang nampak cukuplah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kurang jelas ... kurang jelas.

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Kurang jelas jawapan.

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Wakil Ajil tak nampak bagaimana laksanakan, maka saya beritahu orang yang tidak nampak mengikut saja orang yang nampak, insya Allah selesai.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya bimbang Yang Dipertua, ikut orang nampak bawa dalam parit, yang itu bimbang. Sebab .....

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok apa dia bukan sama nampak saja buat lari, sama-sama dok nampak ada juga yang buat lari. Ada kisah Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, orang hak dok nampak sama-sama dok nampak ni, dia duduk pasar masing-masing dah dapat duit ni. Kawan ni nak pergi bilik air dia suruh kawan ni pegang, jadi dia ingat orang ni berlagak buat dok nampak "tolong pegang duit hamba sekejap hamba nak pergi bilik air." Sudah dia ambil buat lari selalu, hak dok nampak ni buat lari. Jadi dia kata "guana buat lari duit hamba?" "Eh," dia kata "mu nampak juga." Jadi ni makna sama-sama dok nampak pun ada juga kerja benda begini.

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hak nampak tu takut orang PAS barangkali. Yang Dipertua, hak buat lari tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak nampak tu boleh jadi orang PAS hak dok nampak tu orang UMNO saya yakin, mungkin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ... soalan berikutnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua. Soalan yang kedua –

*Jabatan Hisbah telah berpindah ke Bangunan Mahkamah Syariah Terengganu. Nyatakan berapakah kos mengubahsuai bangunan tersebut untuk dijadikan pejabat Hisbah dan berapakah perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk mengendalikan Hisbah.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Ajil bertanya – Jabatan Hisbah telah berpindah ke Bangunan Mahkamah Syariah Terengganu. Nyatakan berapakah kos mengubahsuai bangunan tersebut untuk dijadikan pejabat Hisbah dan berapakah perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk mengendalikan Hisbah.

Jawabnya, kos mengubahsuai ialah RM36,650 dan jawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, secara umumnya ada ataupun tidak ada kerana jabatan ini mengandungi kakitangan dua pegawai tertinggi yang diambil secara kontrak, dengan sebab itu tidak mustahak mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Kemudian Jabatan Hisbah ini juga dibantu oleh kakitangan penyokong mengandungi 5 orang pegawai dan semua pegawai-pegawai ini ialah pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi jumlah semua 7 orang, dua orang pegawai kontrak dan 5 orang pegawai Kerajaan Terengganu yang dipindahkan untuk bertugas di Jabatan Hisbah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Dinyatakan tadi tidak ada perjawatan yang diluluskan oleh JPA untuk Jabatan Hisbah ini. Apa pandangan pihak kerajaan memandangkan tidak ada perjawatan diluluskan dan kos ataupun tanggungan yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri memang besar untuk membayar gaji mereka-mereka ini dan kesannya sehingga kini nampaknya tidak memberangsangkan. Apakah kalau cadangan bahawa Hisbah ini dibubarkan? Apa pandangan pihak Kerajaan Negeri?

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang BERTHORMAT Wakil Ajil, membuat soalan biar tepat jangan merata-rata macam tu. Apakah soalan yang sebenarnya?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalanlah, Yang Dipertua, sebab tidak memberangsangkan, perjawatan tidak ada, tanggungan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri berat, apa kiranya kalau dibubarkan saja? Itu soalan.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Apa benda?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok dengar pula. Apa kiranya kalau dibubar, dimansuhkan saja Jabatan Hisbah?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Jadi, Yang BERTHORMAT Wakil Ajil ni meminta kerajaan memansuhkan Pejabat Hisbah? Itu memang tak boleh kerana Kerajaan Terengganu sudah berhasrat dan sudah menubuhkan Jabatan Hisbah ini dan undang-undang sudah ada. Dan soal bayar gaji, setakat ini kerajaan mampu membayar gaji.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Satu jawapan yang tidak mantap, kalau nak dibubar tidak boleh itu jawapan yang saya rasa cukup rendah mentalitinya, Yang Dipertua, sebab benda ni tidak ada dalam Quran, tidak ada dalam sunnah, nak bubar, nak kena bubar bukan bendanya wajib, kesannya saya rasa tidak memberangsangkan sehingga kini. Dan saya pernah diketemui oleh Pesuruhjayanya dan dikatakan bahawa cuma buat laporan saja, itu saja tidak lebih daripada itu. Apa pandangan pihak Kerajaan Negeri mengenai hal tersebut?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Jadi oleh kerana jawapannya, dia kata tidak mantap yang sebenarnya soalan itu tidak tepat, tidak betul. Itu saja, tak usah nak komenkan lagi, kalau cakap ini *berbahih* kata orang *argue, it is not a question of argument*. Ini bukan *argument*.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua, kalau soalan tidak tepat bakpa jawab juga. Soalan tambahan Yang Dipertua, .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadilah tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... adakah pihak kerajaan negeri menyedari bahawa berlaku percanggahan mengikut *Al-Mawardi dalam Al-Ahkam Al-Sultaniah* bahawa Hisbah tidak wajar duduk, diletakkan, dilokasikan satu bangunan dengan Mahkamah Syariah? Adakah kerajaan sedar benda ni? Bercanggah, Yang Dipertua ni. Kalau pihak kerajaan negeri selalu merujuk *Al-Marwardi, Al-Mawardi dalam Al-Ahkam Al-Sultaniah* apakah kerajaan menyedari hal tersebut berlaku di dalam negeri yang dikatakan Islam. Apa pandangan pihak Kerajaan Negeri berkenaan dengan hal tersebut, Yang Dipertua? Percanggahan objektif antara Hisbah dan juga kehakiman.

**YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih):** Nak mencari keadilan juga sebagai menyokong keadilan, keadilan tu luas. Hisbah yang sebenarnya kalau kira betulnya, semua sekali Hisbah belaka, apa yang kita buat itu mesti ditimbang, mesti diassesskan ... dengan Pejabat Audit pun hisbah, Pejabat BPR pun hisbah. Jadi kita mewujudkan Hisbah ini ialah sebagai nak kembalikan semula warisan Islam dan juga kita tak menyokong segala hisbah-hisbah yang ada sekarang ini, di antara kita, kita semua hisbah di sini. Kalau nak cakap hal-hal lain, saya hal polisi ini saya tinggal kepada Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besarlah kerana dia yang tahu hal ehwal agama ni, dia tahu saya tidak tahu.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Kalau menyerah dok tahu begitu senang pula Yang Dipertua, kalau khabar dok tahu.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, soalan berikutnya Yang BERTHORMAT.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Terima kasih, Dato' Yang Dipertua jawapan diberi walaupun kurang berpuas hati. Soalan yang ketiga –

*Negeri Terengganu adalah sebuah negeri Islam. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah dua sembahyang Jumaat di dalam satu qaryah/kampung yang masih berlaku di negeri ini.*

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga Wakil Ajil hari ini berbunyi – Negeri Terengganu adalah sebuah negeri Islam. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah dua sembahyang Jumaat di dalam satu qaryah/kampung yang masih berlaku di negeri ini.

Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sedar bahawa adanya berlaku sembahyang dua Jumaat dalam satu qaryah. Kerajaan Negeri mengambil satu pendekatan yang lembut iaitu berunding dengan pihak-pihak yang terlibat. Hasil daripada perundingan melahirkan dua perkara, yang pertama penutupan atau pemberhentian sembahyang-sembahyang dua Jumaat dalam satu qaryah itu, pemberhentian oleh salah satu daripadanya. Dan hasil daripada perbincangan juga, kita dapati bahawa untuk mengatasi masalah itu dinaik tarafkan tempat sembahyang itu kepada taraf masjid yang diiktiraf oleh Jabatan Hal Ehwal Agama melalui Majlis Fatwa. Jadi hasil daripada itu, Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, setakat ini hasil daripada perbincangan dan perundingan Besut telah menutupkan sebanyak 18 buah pusat sembahyang Jumaat dalam satu qaryah, telah ditutup, kemudian Setiu 4 buah, Marang satu buah.

Hasil daripada perundingan juga kita telah menaik tarafkan beberapa buah masjid di antaranya Masjid Simpang Empat, Cendering, Masjid Bukit Gasing, Marang. Kemudian dalam tindakan untuk menaik tarafkan ialah Masjid Pak Da Malik, Besut, Surau Bukit-Puteri Dalam, Besut dan Surau Padang H Angus, Kuala Terengganu. Ini hasil daripada perbincangan, perundingan dan penelitian yang baik daripada Jabatan Agama dengan pihak terlibat maka pihak terlibat bersetuju untuk ditutup. Walau bagaimanapun dia belum habis lagi, ada lagi dan sedang dalam perundingan untuk kita bertindak selanjut. Sekian, Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BI NWAHID (Wakil Ajil):** Soalan tambahan. Yang Dipertua. Dinyatakan tadi masih ada lagi 18 ... 18 lokasi ...

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** 18 sudah ditutup ... 18 sudah ditutup.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang masih hidup? Kalau ditutup hak tu, dimatikan hak tu, yang masih hidup ada berapa belas lagi?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Ada lagi ... ada di antaranya yang baru Surau Gong Pak Jin, Surau Gelang Gajah, Surau Kampung Awck, Surau Jabi, Surau Tengkwang, Surau Simpang Empat Genting. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Ertinya masih ada enam lagi?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dia kalau enam, enamlah, kalau tujuh, tujuhlah.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Saya tanya jumlah, saya dok suruh khabar nama tadi, saya tanya jumlah jawab pun dok betul juga. Persoalannya Yang Dipertua, bila hendak diselesaikan yang di Hulu Terengganu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Insya Allah, dalam waktu yang dekat kita hendak selesai. Kita berunding, pada peringkat awalnya yang mengepalai sembahyang Jumaat hak di Hulu Terengganu, di Tengkwang tu seorang Imam kita. Kemudian kita berunding dengan Imam dan bercakap dan dia dah balik sembahyang di masjid baru tapi Imam lak lama hak dah pencen nun pergi sembahyang Jumaat di situ pula. Jadi kita sedang berunding dengan dia kalau dia boleh balik sembahyang di masjid baru. Jadi tak payah lagi mengadakan sembahyang Jumaat dekat masjid lama yang telah dibatalkan itu. Dan kalau sekiranya Wakil Telemong dan Wakil Ajil boleh kerjasama untuk mereka tu pindah balik berhenti, dalam Hulu Terengganu maknanya ada satu tu akan hilanglah, insya Allah.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Soalan tambahan, Yang Dipertua. Dikatakan Hulu Terengganu berkait dengan Wakil Telemong, bagaimana pula dengan Pusat Khidmat Masyarakat dan Pembangunan Insan dan Pejabat Ahli Parlimen dan ADUN Jabi yang dikatakan mengadakan sembahyang Jumaat juga di tempat mereka? Adakah tindakan yang telah diambil, puak sama sendiri ni?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, kita sedang berunding untuk dinaik tarafkan pusat itu, dalam perundingan. Jadi insya Allah, jika berjaya perundingan dinaik tarafkan maka tidak timbul lagi sembahyang Jumaat dalam dua qaryah. Kita dalam tindakan ni kita buat satu tindakan yang agak halus juga, jadi kita pergi ukur jarak di antara tempat sembahyang Jumaat satu lagi dengan satu yang lain, kita ukur. Jika sekiranya dianggapkan satu tempat yang berjauhan maka kita boleh naik tarafkan dan kita iktiraf sebagai masjid baru, insya Allah.

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Yang Dipertua kalaulah di Jabu ingin dinaik tarafkan, apa salahnya tempat-tempat lain yang masih ada dinaik tarafkan juga? Dan saya .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** .... dok habis soalan lagi.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dok habis lagi?

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Dok habis lagi. Yang kedua, apakah ianya tidak berkait dengan fatwa dalam proses menaikkan taraf masjid ini, adakah ianya tidak berkait dengan fatwa kerana ... macam contoh di Jabu itu satu Mukim, satu lokasi ataupun satu qaryah, adakah ia tidak menjejaskan ataupun tidak berkait dengan Majlis Fatwa Negeri, Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, mengikut prosesnya mesti ada kaitan dengan fatwa, kita kemuka kepada fatwa dan fatwa membincangkan, dan bila mereka puas hati mereka naik taraf. Di antaranya yang saya sebutkan tadi Masjid To' Ku Paloh lepas dia buat masjid baru, masjid lama tu orang nak sembahyang lagi. Bila bawa ke Majlis Fatwa, Majlis Fatwa bersetuju kita buka. Begini juga perkara ini, sekarang ni Masjid Pak Da Malik, saya pergi sendiri dah ukur jauh mana. Ini membantu Majlis Fatwa, jauh mana jarak di antara satu sama lain jika layak maka kita boleh luluskan. Sebab itu proses lambat sedikit, Majlis Fatwa pergi siasat dulu, buat mesyuarat nak bincang macam mana fatwa jadi bukan sewenang-wenang saja menaik tarafkan itu. Kita galakkan sekarang ini jika cukup syarat supaya mereka tu naik taraf, senang minta naik taraf.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Ajil. Persilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggul.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu –

*Pada awal tahun 2003 didapati kerja-kerja mengorek muara sungai Terengganu telah dijalankan dan ini telah memberi kemudahan kepada nelayan-nelayan, tetapi sekarang ini didapati projek tersebut telah diberhenti tanpa diteruskan dengan pembinaan benteng pemecah ombak. Apakah pakej projek ini tidak termasuk pembinaan benteng pemecah ombak? Jika termasuk, apakah statusnya sekarang?*

2 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT DATO` HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya suka menjawab soalan yang dikemukakan ini dengan menyebut sedikit tentang pertanyaan itu, iaitu pada awal tahun 2003 didapati kerja-kerja mengorek muara sungai Terengganu telah dijalankan dan ini telah memberi kemudahan kepada nelayan-nelayan, tetapi sekarang ini didapati projek tersebut telah diberhenti tanpa diteruskan dengan pembinaan benteng pemecah ombak. Apakah pakej projek ini tidak termasuk pembinaan benteng pemecah ombak? Jika termasuk, apakah statusnya sekarang?

Dato` Yang Dipertua, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggul kerana prihatinnya terhadap masalah nelayan. Seperti yang sedia dimaklumi sebelum daripada ini yakni sebelum daripada projek pengorekan dilakukan, memang muara sungai Terengganu tercetek acap kali ukurannya sampai di antara satu hingga tiga meter saja dan acap kali telah menyebabkan kemalangan bot nelayan di muara tersebut. Jadi menyedari hakikat permasalahan berlaku itu maka apabila kerajaan pimpinan Barisan Alternatif Terengganu yang mengambil alih kerajaan pada empat tahun yang lalu, kerajaan melalui portfolio Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar telah berunding dengan Menteri Pertanian Malaysia dan pegawai-pegawai untuk mengatasi masalah ini. Setelah itu maka satu projek telah diperakui di negeri Terengganu iaitu nama projeknya ialah Projek Merekabentuk dan Membina Benteng Pemecah Ombak dan Kerja-kerja Mendalamkan Muara Sungai Terengganu". Dan pada tahun yang lalu projek ini telah diluluskan iaitu diusahakan MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. dan Inai Kiara Sdn. Bhd. Joint Venture. Memandangkan skop projek yang diberikan kalau kita teliti ada tiga bidang, projek merekabentuk dan membina benteng pemecah ombak dan kerja-kerja mendalamkan muara sungai.

Sebenarnya kerja-kerja merekabentuk untuk struktur pemecah ombak telah siap, menurut maklumatnya 95% dan kerja-kerja pengorekan telahpun siap. Tetapi didapati sekarang kerja-kerja yang berikutnya telah diberhentikan dan bagi pihak Kerajaan Negeri kita tidak mengetahui apakah sebab projek membina benteng pemecah ombak ini diberhentikan. Pada pandangan kita adalah menjadi satu perkara yang tidak munasabah kerana satu perbelanjaan yang sangat besar telah dibelanjakan. Dan kalau diberhentikan pada musim tengkujuh ini yang akan datang ini, dia akan memulihkan balik pantai kalau pun tidak seperti sedia kala mungkin dalam jangka setahun dua akan datang, pantai ataupun kuala akan tertimbus balik dan kembali seperti sebelum daripada ini. Diharapkan bahawa projek ini akan diteruskan. Tetapi untuk mengatakan bahawa projek pembinaan benteng pemecah ombak ini tidak termasuk di dalam perancangan asal maka kita mengatakan dianya tidak kerana nama projek yang diperakui itu memang seperti mana yang saya bacakan tadi, iaitu Projek Merekabentuk dan Membina Benteng Pemecah Ombak dan Kerja-kerja Mendalam Muara Sungai Terengganu. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** Soalan tambahan, Dato` Yang Dipertua. Sebagaimana Yang Berhormat Batu Rakit menjelaskan iaitu belanja yang dikeluarkan adalah besar, duit itu walaupun swasta yang buat duit rakyat belaka. Pusat ke, negeri ke, jadi benteng ni kalau tidak dibuat dengan segera sudah tentulah duit yang belanja begitu besar akan membazir begitu saja. Oleh itu apa yang saya ingin tahu, apakah usaha-usaha pihak Kerajaan Negeri sendiri bagi memastikan bahawa projek ini dapat diteruskan dengan kadar yang segerakan, tak kiralah sama ada berunding dengan Kerajaan Pusat yang memang menjadi

penaja ataupun yang bertanggungjawab dalam menguruskan projek ini kerana ia melibatkan kepentingan rakyat khususnya kaum nelayan yang kita selalu sebut kaum yang daif, yang ketinggalan dan sebagainya. Kalau kita masih lagi ... dalam soal ini pun berpolitik, begitu rendah taraf politiknya, cuba menyekat kemudahan rakyat, saya rasa ini satu perkara yang sangat malang yang berlaku pada rakyat negeri Terengganu, khususnya Seberang Takir, wakil dia wakil sama dengan Kerajaan Pusat, saya di Bukit Tunggul ramai yang terlibat dengan nelayan. Saya harap kerjasama yang baik akan dapat diteruskan dan cadangan saya supaya pihak Kerajaan Negeri berjumpalah .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan, Yang Berhormat?

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** ..... sekejap lagi, ini latar belakang soalan ..... berjumpa dengan Kerajaan Pusat supaya benda dapat diteruskan dengan sebaik-baiknya. Jadi soalnya ialah dalam kita memastikan kebajikan rakyat ini terjaga, sejauh manakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam projek membina benteng pemecah ombak ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Seperti yang sedia dimaklumi memang kuasa Kerajaan Negeri untuk membenarkan kerja-kerja pengorekan itu dilakukan kerana ianya berkaitan dengan tanah. Dan ini dari segi Kerajaan Negeri memang telahpun memberikan kelulusan sehingga projek ini dapat dilaksanakan. Jadi insya Allah, apa-apa saja kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri tidak akan menjadi masalah bagi meneruskan projek ini bahkan Kerajaan Negeri telah memberi jaminan untuk membantu apa saja bagi menyelesaikan masalah yang ada.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pertanian pernah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang berhentinya projek ini secara yang rasmi, secara beradablah sebagai bapak kepada anak? Sebab kita federalisma ini kita ada hubung kait antara Negeri dan Pusat.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Setakat ini saya difahamkan tidak ada apa-apa pemakluman ataupun surat rasmi memberhentikan projek ini kepada Kerajaan Negeri. Tetapi saya suka memaklumkan ketika perundingan dulu dengan Menteri Pertanian, maka memang Yang Berhormat Menteri Pertanian mengatakan dia akan berusaha untuk membawa projek ataupun memberikan projek berkenaan kepada Terengganu, membuat projek seperti yang berlaku sekarang ini dan Alhamdulillah, janji itu ditunaikan tetapi diberhentikan sekarang ini kita tidak tahu. Saya memang ada cadangan untuk bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian dalam masa yang seberapa segera juga.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana tidak ada sebarang kenyataan bertulis yang memberhentikan atau yang menyatakan berhenti projek ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa projek ini sebenarnya diteruskan? Adakah Yang Berhormat bersetuju?

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya bersetuju pada dasarnya projek ini diteruskan tapi seperti yang dimaklumi kontraktor sudah memberhentikan kerja dan menarik mesin daripada tempat kerja. tak ada lagi kerja-kerja berjalan. Jadi pada zahirnya berhentilah, begitu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat. ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Boloh saya tambah satu soalan tambahan lagi. Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah kira tu soalan tambahan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Menyokong Wakil Bukit Tunggal tadi sebenarnya Yang Berhormat belum menjawab. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menyambung semula kerja-kerja ini? Ini saya rasa Yang Berhormat belum jawab lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia dah jawab dah tadi. dia akan berunding dengan Menteri Pertanian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya minta izin sedikit sebab Wakil Seberang Takir tak jelas itu. Saya menjawab usaha kerajaan kita, kita telah lakukan memberi kebenaran di atas projek berkenaan kerana itu bidang kuasa negeri. Adapun bidang kuasa pengorekan kuala, pantar dan sebagainya ini adalah Pusat dan projek berkenaan projek Pusat. Kalau Pusat berhentikan projek itu maka itu adalah satu kemalangan yang berlaku. kita harap teruskan, negeri telah berikan bantuan yang telahpun kita beri di bawah peruntukan yang ada pada kita. di bawah kuasa kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. soalan nombor dua –

*Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan peristiwa sebuah bot pelancong yang tenggelam dalam perjalanan dari Kuala Besut ke Pulau Perhentian yang melibatkan pelancong-pelancong luar negara. Apakah punca kemalangan tersebut dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengelakkan dari peristiwa seperti itu dari berulang?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berdasarkan siasatan yang telah dibuat berkaitan dengan sebuah bot pelancong yang tenggelam dalam perjalanan dari Kuala Besut ke Pulau Perhentian yang melibatkan jumlah 13 orang penumpang yang kesemuanya dapat diselamatkan adalah bot yang dilesenkan oleh Jabatan Laut Wilayah Timur, TK00134P. Punca kemalangan setelah siasatan yang berlaku pada 28 Julai, 2003, di perairan Pulau Perhentian adalah pertamanya disebabkan oleh kabel

kemudi bot yang terputus. Oleh kerana tanpa kawalan itu maka alunan ombak yang kuat telah memukul bot dan air laut masuk menyebabkan bot tersebut tenggelam.

Dan bagi memastikan bahawa perkara yang berlaku pada tarikh tersebut ini sebagai suatu jejak langkah keselamatan yang diambil dan memang menjadi langkah keselamatan biasa, sebelum sesuatu bot dilesenkan pemeriksaan dilakukan, yang pertama berkait dengan empat perkara, iaitu pemeriksaan sebelum lesen dikeluarkan bagi bot layak belayar. Yang kedua, kelengkapan alatan keselamatan, yang ketiga jentera dalam keadaan baik dan yang keempat kelayakan pemandu atau jurumudi yang bertauliah.

Kemudian selepas bot dilesenkan, pemeriksaan mengejut di tempat pendaratan dilakukan juga oleh Jabatan Laut Wilayah Timur, kemudian memastikan kelayakan jurumudi yang berkelayakan memandu bot berkenaan, pemeriksaan ke atas had muatan penumpang, kemudian pemeriksaan bot semasa beroperasi. Kadang kala operasi-operasi mengejut dilakukan dalam rondaan penguatkuasaan yang melibatkan tahun 2003 sehingga Jun adalah berjumlah 35 rondaan bersamaan dengan 72 hari, 179 pemeriksaan telah dibuat ke atas bot-bot penumpang, 89 kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Laut Wilayah Timur. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Adakah pada masa kejadian tersebut setelah siasatan dibuat, didapati bot tersebut memenuhi segala ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut?

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Semasa berlakunya peristiwa ini ada dua versi yang dimaklumkan yang Jabatan Laut Wilayah akan terpaksa mengadakan siasatan peringkat jabatan. Yang pertama ialah laporan dari pihak penumpang yang mengatakan tidak dibekalkan peralatan keselamatan tapi dari pihak jurumudi sendiri menyatakan peralatan keselamatan ada tapi penumpang tak enggan memakainya. Ini akan terpaksa jabatan melakukan siasatan. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih ... ada lagi?

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang ditimbulkan perkara ini kerana ia telah menjadi suatu isu, pelancong asing telah buat satu kenyataan akhbar seolah-olah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ini tidak memberi suatu tahap ... menjaga tahap keselamatan yang sewajarnya kepada pelancong-pelancong. Oleh itu kita harap perkara ini kalau boleh diperbetulkan balik oleh Kerajaan Negeri demi untuk meningkatkan balik imej pelancongan kerana aset pelancongan utama kita adalah di pulau-pulau.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Kenyataan itu tidak benar sebabnya ialah kerana Jabatan Laut Wilayah Timur ini, Pengarahnya berada di dalam jawatankuasa maknanya apa yang dibekalkan kepada kita ini adalah hasil daripada siasatan dibuat sebagai ahli jawatankuasa kepada Jawatankuasa Pelancongan di peringkat negeri. Terima kasih.

2 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Kalau kenyataan yang dibuat oleh pelancong itu tidak benar, tidakkah menjadi suatu kewajipan dirasakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi penerangan dalam surat khabar supaya tidak menakut-nakutkan pelancong-pelancong yang lain. Saya rasa ini tidak dibuat barangkali, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kadang-kadang kenyataan ini kita dikeluarkan tapi kadang-kadang pihak akhbar tak keluar. Saya nak beri contohlah, saya selalu ingat apabila *motorcross interview* kita tapi tak keluar pun kenyataan apa yang kita ucap. Sebab itu kadang-kadang kita ambil sikap kita sendirilah. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Adakah mengenai hal ini dikeluarkan kenyataan tapi tidak disiarkan oleh surat khabar? Adakah dibuat berhubung dengan perkara ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya telah sebutkan, bila kita ada sikap kita sendiri ada masa kita perlu keluar kenyataan, ada masa kita tak perlu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Maksudnya secara khususnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak keluarkan kenyataan kerana kita ada sikap kita sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Assamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama telah ditolak oleh Dewan. Soalan kedua, terima kasih telah dijawab oleh pihak kerajaan, soalan nombor tiga -

*Apakah produk-produk halal Terengganu yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa dan sila nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk membina infrastruktur dan rangkaian pemasaran bagi produk-produk tersebut?*

dan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud – *Sesiapa di kalangan kamu melihat perkara yang mungkar hendaklah dia mengubah dengan tangan, kalau tidak mampu maka dengan hati, kalau tak mampu maka dengan lidah, kalau tak mampu benci dalam hati dan benci dalam hati adalah sedai-f-daif iman.*

Para ulama mengatakan mengubah dengan tangan itu ialah dengan tindakan undang-undang, menguatkuasakan undang-undang. Maka semua pihak yang diberi tugas untuk menguatkuasakan undang-undang hendaklah melibatkan diri di dalam mencegah maksiat ini. Sekiranya tidak menjalankan tugas itu bermakna kita juga telah melakukan satu maksiat yang ditanggung bersama kerana ia adalah satu amanah yang mesti ditunaikan secara bersama. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari penerangan yang panjang lebar yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, saya faham bahawa secara khususnya mengenai polis mengadakan konsert di mana perempuan dan lelaki bercampur gaul adalah perkara yang agak kecil jika dibandingkan dengan tidak bersedianya pihak polis untuk memberi kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang dan berbagai-bagai hal yang ada hubungannya dengan undang-undang. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju dengan pandangan saya ini, dengan pendapat saya ini?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak bersetuju kerana pandangan itu tidak menjelaskan perkara yang sepenuhnya. Kita perlu menyedari bahawa di sini ada beberapa perkara yang melibatkan polis, yang pertama mereka sendiri menganjurkan konsert tanpa mendapat keizinan daripada pihak yang berkuasa di daerah dan di negeri, dan konsert yang dianjurkan itu melibatkan penyanyi-penyanyi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, itu yang pertama. Yang kedua ialah kenyataan yang menyatakan bahawa mereka tidak boleh bekerjasama dalam perkara yang berkait dengan Undang-undang Hudud, Qisas dan Takzir, dia sebut tiga-tiga perkara sekali secara umum. Dan ini menggalakkan ahli-ahli maksiat terutamanya kaki-kaki judi untuk membuka snuker, untuk membuat dengan secara yang berleluasa. Kenyataan ini merupakan satu galakkan yang kita hendaklah sedar bahawa mendiamkan diri terhadap perkara yang mungkar adalah merupakan 'syaitan-syaitan bisu' bagaimana yang disebut oleh para ulama yang bermaksud – *Berdiam diri dalam perkara kebenaran adalah syaitan bisu.* Itu kepada yang tak bercakap, ini kepada yang bertindak, kepada yang bertindak tiba-tiba tidak bertindak dan membuat kenyataan-kenyataan yang menunjukkan seolah-olah berlepas tangan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk berlaku adil kepada pihak polis yang selama ini saya rasa cukup berjasa kepada kita, sekali lagi saya mengulangi pertanyaan saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mana yang lebih penting pada pandangan Kerajaan Negeri dan pada pandangan Yang Amat Berhormat Menteri sendiri di antara dua perkara tadi, mengadakan konsert dan hal-hal yang seumpamanya ataupun ketidaksediaan ataupun penafian pihak polis untuk bekerjasama dalam pelaksanaan undang-undang dalam maksud itu. Mana yang lebih penting pada Kerajaan Negeri? Itu yang saya nak tanya.

3 SEPTEMBER 2003

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Dua-dua perkara itu lebih penting. Tuan Yang Dipertua. Dua-dua perkara ini tidak boleh dipandang ringan. mengadakan konsert dan kenyataan. kedua-dua perkara ini adalah satu perkara yang sangat besar yang tidak boleh dipandang ringan yang boleh memberi kesan yang sangat negatif kepada masyarakat. Sekiranya pihak yang berkenaan sendiri boleh melanggar peraturan-peraturan yang ada dalam negeri sudah tentulah rakyat biasa lebih berleluasa. Apabila pihak yang berkenaan sendiri membuat kenyataan yang longgar sudah tentulah mereka yang mahu mengerjakan apa saja lebih telus dan lebih berani.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Soalan tambahan. Yang Dipertua. Hadis yang dibacakan tadi adalah 15 perkara berkaitan dengan bala yang akan dihantar terus kepada umat yang mengamalkan kelima-lima belas perkara tersebut. Cuma kalau boleh, saya pohon Yang Dipertua, perkara yang mengatakan nyanyian ataupun konsert tadi tu. Apa yang saya fahamkan daripada hadis ini ialah kaitannya dengan arak dan memanggil penyanyi-penyanyi perempuan serta memuja penyanyi-penyanyi perempuan. Itu yang dimaksudkan dengan hadis tersebut. Apa pandangan pihak Dewan, Yang Berhormat Yang Dipertua?

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua, saya terpaksa mengajar kelas Bahasa Arab dalam Dewan ni. Perkataan *itaqadar* dalam hadis tersebut, dalam Bahasa Arab dengan makna mengambil penyanyi-penyanyi, itu maknanya. Penyanyi tu satu, orang yang mengambil penyanyi-penyanyi wanita. Ini jelas di dalam hadis ini kalau kita memahami perkataan dalam Bahasa Arab itu.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Kita sedar bukan hanya pihak polis saja menganjurkan konsert seperti ini tapi yang dipimpin oleh pemimpin UMNO sendiri, macam yang dilakukan dalam sambutan Ambang Merdeka yang dihadiri oleh Nurul dan Ajai dan dihadiri oleh saf pimpinan daripada UMNO sendiri. Dan apabila pernah ditimbulkan di dalam Dewan ini masalahnya, maksud Yang Berhormat Seberang Takir kata dia tengok tarian dok tengok penari, jadi payah juga bab ni. Jadi apa pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri?

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjawab soalan yang berkaitan dengan soalan asal saja dan soalan Yang Berhormat itu walaupun ada kaitan secara hujung-hujungnya oleh kerana itu saya perlu memberi masa untuk memberi penjelasan kepada soalan yang asal. Sekian.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang terakhir ya?

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Terima kasih. Adakah pihak Kerajaan Negeri juga melakukan maksiat apabila pembbohongan berleluasa terutamanya pihak Menteri Besar sendiri membuat pembbohongan sebagaimana di

3 SEPTEMBER 2003

Dewan ini ataupun di luar Dewan dan juga berlakunya pengesahan semalam bahawa *fun fair* ataupun ekspso yang berkeluasa di negeri ini?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERTI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua, saya merasa gembira bila Yang Berhormat kata saya bohong, saya sedih kalau Yang Berhormat kata saya benar. Sekurang-kurangnya macam Yang Berhormat bila kata saya bohong itu menandakan saya betul ini Alhamdulillah, saya terima kasih. Cuma jelas daripada soalan ini menandakan bahawa Yang Berhormat sendiri tidak memahami istilah perkataan *fun fair* ni, kaitan-kaitan, cabang-cabang yang disebut dalam soalan ini. Pameran bermacam-macam jenis pameran, karnival bermacam jenis karnival, *fun fair* beberapa jenis permainan yang ada dalam tu. Sekiranya permainan yang di dalam itu ada permainan yang jenis maksiat maka dia dianggap ia adalah maksiat. Kerana permainan yang ada dalam *fun fair* tu permainan bukan jenis maksiat, yang tak ada unsur-unsur judi kita tidak boleh melarang, bukan semua hiburan dilarang. Itu perlu difahami, terima kasih.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Bagaimana dengan pembohongan Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan dah tamat.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Nak sambung yang tadi Yang Berhormat, contohnya fail penyelewengan Barisan Nasional berlori ....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan dah tamat dah. Soalan berikutnya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan kedua –

*Bagaimanakah pandangan/anggapan Kerajaan Negeri Terengganu terhadap Polis Terengganu amnya dan bekas Ketua Polis Terengganu, khususnya?*

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERTI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua daripada soalan Yang Berhormat Seberang Takir – Bagaimanakah pandangan/anggapan Kerajaan Negeri Terengganu terhadap Polis Terengganu amnya dan bekas Ketua Polis Terengganu, khususnya?

Bagi menjawab soalan ini saya suka menyatakan pandangan Kerajaan Negeri Terengganu terhadap polis adalah sangat baik, sangat baik dan kita mengadakan kerjasama yang baik dengan pihak polis daripada awal kerana pihak Kerajaan Negeri sering kali mengadakan perbincangan dengan pihak polis dari semasa ke semasa apabila ada masalah. Dan Kerajaan Negeri menyatakan kesediaan untuk berbincang dengan polis dan perbincangan diadakan dari semasa ke semasa untuk menangani masalah-masalah kerjasama di antara rakyat dengan polis. Ini dilakukan dari semasa ke semasa. Apapun perkara yang berlaku dengan bekas Ketua Polis itu dalam lipatan sejarah silam yang dekat

3 SEPTEMBER 2003

yang kita anggap dia adalah satu lipatan sejarah di mana bagi menjelaskan perkara tersebut ianya telah dapat diselesaikan melalui keterangan-keterangan yang saya berikan kepada pihak Bukit Aman yang datang berjumpa dengan saya. saya memberi penjelasan secara satu persatu. Dan penjelasan yang dibuat oleh Peguam Negara melalui perbincangan di antara Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang dengan Peguam Negara berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negeri bahawa Ketua Polis Negeri tidak boleh bekerjasama dengan Undang-undang Hudud, Qisas dan Takzir, disebut tiga-tiga sekali, di mana terdapat kenyataan rasmi daripada pihak Penasihat Undang-Undang dan Peguam Negara bahawa mengikut Akta Polis adalah wajib bagi polis mengadakan kerjasama di mana negeri yang dia bertugas. Begitulah pegawai-pegawai Persekutuan di mana negeri yang dia bertugas dia hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri yang dipilih oleh rakyat. Ini adalah merupakan perkara yang difahami daripada Perlembagaan termasuk yang berkait dengan Akta Polis, di mana saya mengatakan bahawa kenyataan itu sudah cukup bagi menyelesaikan masalah. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Amat Berhormat bersedia untuk memberikan secara ringkas perkara-perkara yang telah didakwa oleh Yang Amat Berhormat tadi selesai. Kerana pada setengah-setengah orang ramai bahawa perkara sebenarnya belum selesai kerana Yang Amat Berhormat sendiri tidak bersedia untuk memberi maklumat-maklumat berhubung dengan perhubungan terutamanya dengan bekas Ketua Polis, Tuan Yang Dipertua.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Saya rasa yang tak selesai dan yang menjadi masalah ialah ahli-ahli pembangkang adapun dengan polis dan dengan pihak rakyat secara umumnya perkara ini telah selesai dan kelihatan satu hubungan yang bertambah baik dari semasa ke semasa di antara kita dengan pihak polis. Yang malangnya ialah pembangkang melibatkan polis dalam aktiviti yang dianjurkan oleh parti mereka. Sebagai satu bukti ialah pembangkang yang menganjurkan seminar yang membincangkan Undang-undang Hudud yang pernah diadakan pada tarikh yang diketahui dan disiarkan oleh media, di mana dalam seminar ni dijemput Ketua Polis Negeri membentangkan kertas kerja yang berkait dengan hukum Hudud, Qisas dan Takzir sedangkan pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab mengemukakan undang-undang ni tak dipanggil. Ini adalah satu cara yang tidak bertanggungjawab dan ini adalah menjerat polis kepada satu kancah pergesiran di dalam masyarakat.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat itu terlalu melulu, ini memperkecil-kecilkan kewibawaan polis bila mengatakan polis dengan senangnya dapat dijerat oleh pihak pembangkang. Polis boleh berfikir, pegawai-pegawai polis berfikir, kita memanggil dia untuk turut sama membincangkan aspek penguatkuasaan undang-undang itu sendiri sedangkan undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kita nak tahu apakah sebabnya pihak polis tidak boleh melaksanakan undang-undang ... tidak boleh bersama-sama menguatkuasakan undang-undang ini. Itu yang kita minta. Jadi adalah satu hal yang sangat sedih dan saya menyesal kerana Yang Amat Berhormat terlalu angkuh menyatakan bahawa polis dengan mudah masuk ke perangkap pembangkang, Tuan Yang Dipertua.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato ' Yang Dipertua, saya minta kepada Yang Berhormat Seberang Takir merujuk kepada kenyataan bekas Setiausaha Kerajaan Negeri dalam persidangan Dewan Undangan Negeri di awal kerajaan yang baru ini, berhubung dengan arahan supaya pegawai-pegawai kerajaan hadir dalam majlis yang dianjurkan oleh UMNO dengan kedatangan Menteri di atas sifat pemimpin UMNO. Di mana pegawai-pegawai Kerajaan Negeri telah diberi surat jemputan supaya hadir dan pihak Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan pada masa itu telah membuat arahan melarang hadir. Dan merujuk kepada bekas Ketua Setiausaha Negara yang telah bersara juga dan beliau telah merujuk kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, mengatakan ini adalah satu kerja yang bodoh padanlah UMNO Terengganu kalah kerana dia bodoh dalam perkara ini.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekali lagi Yang Amat Berhormat membohongi Dewan ini, UMNO tidak menganjurkan majlis forum yang disertai oleh polis, pihak lain yang menganjurkan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada kertas kerja. Kertas kerja yang ditulis oleh bekas Ketua Polis Negeri dan kertas kerja ni memang dibentang dalam seminar yang dianjurkan oleh parti pembangkang itu dan aktivitiya disiarkan dalam akhbar di negara ini.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak dianjurkan oleh parti pembangkang .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan terakhir.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** ..... tidak dianjurkan oleh parti pembangkang sebenarnya. Itu kenyataan yang salah yang sengaja dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Seberang Takir sengaja nak menafikan perkara yang sebenar.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan berikutnya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

*Berapa tempatkah "Fun-fair" telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam bulan-bulan Mei, Jun dan Julai 2003 dan berapa hari satu-satu "fun-fair" itu dibenarkan berjalan? Dan berapa banyakkah kutipan bayaran untuk mengadakan "fun-fair" itu diperolehi oleh Kerajaan Negeri atau agensi kerajaan yang berkenaan?*

3 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Assalamualaikum waraahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan – Berapa tempatkah "Fun-fair" telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam bulan-bulan Mei, Jun dan Julai 2003 dan berapa hari satu-satu "fun-fair" itu dibenarkan berjalan? Dan berapa banyakkah kutipan bayaran untuk mengadakan "fun-fair" itu diperolehi oleh Kerajaan Negeri atau agensi kerajaan yang berkenaan?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak pernah memberi kelulusan kepada mana-mana pihak untuk mengadakan "fun-fair" di negeri ini. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam Yang Berhormat Wakaf Mempelam ada menyatakan dengan kerangkaan ekspo dan hal-hal yang ada hubungan dengannya atau hal-hal yang seumpamanya, diadakan tahun yang lalu 36 kalau, saya tidak salah, tahun ini sehingga ini 32 dan ada kemungkinan besar menjangkau sampai 50. Tidakkah hal-hal yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi ada hubungannya atau ada persamaannya dengan "fun-fair" yang saya tanya dalam soalan ini?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Dewan daripada Seberang Takir ni dia sebagai ahli bahasa, dia sepatutnya tahu bezanya antara "fun-fair", ekspo perdagangan, karnival jualan dia ada perbezaan jangan kita pakai pukol borong, pakai "fun-fair" begitu. Jadi kalau ahli bahasa pun dok berapa nak reti bahasa jadi susahlah kita jawab, kita jawab cara tulah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Tambahan, Dato' Yang Dipertua, Bagaimana pula dengan penganjuran "Thai Fair", pameran "Thai Fair", saya pun dok faham ni "Thai Fair" di Kuala Terengganu yang juga melibatkan pergaulan malah ada urut mengurut antara percempunan dan lelaki?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini lagi satu pertuduhan. Saya nak sebutnya begini Yang Berhormat, kita anjur ... memang kita memberi kebenaran untuk mengadakan karnival jualan dan ekspo perdagangan. Bila kita bagi satu kumpulan untuk menganjurkan "Thai Fair" dalam bentuk mempamer dan mengekspo ataupun menjual, mempertunjukkan, mempromosikan barang-barang daripada Thailand. Cuma dia guna "Thai Fair" tu pasal benda mari daripada Thailand belaka, bukan itu "fun-fair". Jadi ini kalau boleh, kalau ahli bahasa dok reti ni bukan ahli bahasa lagi dok reti tuan-tuan.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Tak apalah Yang Dipertua, tak reti tetapi maksud saya "Thai Fair" ini, saya ucap tahniahlah kepada Exco yang memberi tahu bawa barang-barang daripada Siam tadi, sehingga yang dikaitkan dengan soalan yang pertama tadi, maksiat berlaku dalam "fair" ini. Jelas percempunan mengurut lelaki dalam keadaan yang terbuka dengan kaedah tawaran yang terbuka dan sebagainya.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Lelaki Islam ke tu ... saya pun dok pernah pergi gok dok tahu?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sewaktu kita memberi kelulusan kepada pihak penganjur untuk menganjurkan apa yang disebutkan "Thai Fair" itu memang kita tentukan syarat dan kita berikan dia punya peraturan untuk dipatuhi. Dan antara yang dia bawa memang adaurut kaki yang dibuat secara terbuka. Dan saya minta pihak pengurusan untuk mempasti dan pihak Majlis Perbandaran yang mengeluarkan permit mempastikan tidak ada unsur-unsur yang berbentuk maksiat. Perkara itu dihebohkan, kita buat siasatan memang ada urut kaki itu yang dilakukan ... dan kebanyakan pelanggan tu, yang hadir tu ialah bukan Islam dan dia buat secara terbuka, dan kalau yang perempuan urut yang perempuan ada suaminya pula duduk sama-sama tengok dan orang ramai boleh sama-sama duduk, bukan tempat tertutup, dia letak bangku depan orang ramai. Jadi jangan cuba nak membuat fitnah ataupun nak menyatakan sesuatu nak kaitkan segala yang kita buat ni berbentuk maksiat. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Kalau Yang Berhormat Telemong lihat perbuatan maksiat berlaku kita ada proses undang-undang, report kepada pegawai dan kita boleh jalankan siasatan. Kalau betul-betul adalah tapi tak perlu kita tunggu Dewan ni bersidang baru nak tanya apa begitu begini, ini tanggungjawab dan kewajipan *citizen* rakyat.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya bertanya atas soalan tambahan atas maksud selindung dan juga hasrat kerajaan nak menghapuskan maksiat malah kerajaan sendiri buat maksiat. Dan saya juga macam yang Berhormat Wakaf Mempelam melihat pameran ini dan satu-satu ketika jelas tempatnya tertutup, yang diurutnya lelaki yang mengurutnya wanita dan tidak ada orang lain dalam kawasan berkenaan melainkan dua pasang itu saja. Dan .....

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Dia urut benda ni Yang Berhormat, royatlah hak nun khabar urut kaki. Dia urut benda?

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Itu Yang Berhormat boleh jelas sebagai kerajaan, memberi lesen, dok usah berselindung perkara ini berlaku dan kalau dia melanggar peraturan yang dilesenkan, adakah .....

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi):** Dato' Yang Dipertua, bagaimana dia nampak?

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BINTENGKU AWANG (Wakil Telemong):** .... kerajaan sepatutnya memberi arahan supaya ditutup ataupun ditamatkan perkara-perkara yang melanggar peraturan berkenaan.

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, bagaimana dia nampak kalau dia kata dua orang saja dalam tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, soalan terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak minta penjelasan daripada Wakil Wakaf Mempelam, kalau saya dikatakan tidak faham bahasa, apakah penjelasan apa yang dimaksudkan dengan "fun-fair" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kadang-kadang payah juga bila orang bukan bahasa kena khabar kepada ahli bahasa ni tapi daripada "fun-fair" tu "fun" tu dengan izin daripada perkataan Ingeris, bersuka ria, berseronok-seronok, "fair" tu macam peristiwa karnival, market ... benda-benda atau satu kegiatan untuk bersuka-suka. Tetapi yang kita anjurkan ini karnival jualan ataupun ekspo perdagangan untuk mempromosikan barang jualan daripada mana-mana tempat .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya dok habis lagi ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Ajil): Faham dah ... nak khabar tu faham dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dia jawab dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Faham dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri peluang dia jawab dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dia duduk dah. Adakah dengan adanya *merry-go-round*, kereta berlanggar, semua sekali itu adalah karnival jualan ataupun apa yang dimaksudkan dengan keseronokan "fun" itu ... kuda melayang dan sebagainya itu, adakah itu termasuk dalam kategori karnival jualan bukan kategori "fun-fair"? Jadi kalau nak main bahasa di sini saya rasa mengaku sajalah bahawa ini juga satu cara macam "Thai Fair" tadi tu maksiat sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ni bila kena hala ke orang maksiat, hala kepada Kerajaan Negeri benda tu ibadat. Jadi pohon penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong): Tambahan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila beri jawapan dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada peringkat awal apabila kita mengambil alih pemerintahan dan kita menyusun sekali kegiatan supaya tidak menjuruskan kepada apa juga bentuk maksiat. Kita meluluskan apa yang disebut sebagai karnival jualan dan ekspo perdagangan ini dengan tidak benarkan apa bentuk jenis permainan diadakan dalam satu-satu ... Tetapi selepas dua tahun ada permohonan yang dikatakan hanya ... dan kita pun memberi kelulusan apa yang dipohon itu, hanya untuk budak-budak dan anak-anak. Kita ada keretapi musing yang kita beri, ada tiga, yang keduanya *merry-go-round* jenis kuda hak bangsa musing tu dan yang ketiganya ialah kereta langgar untuk kanak-kanak saja, bila keluarga pergi membeli-belah ataupun melihat, ataupun menyertai dalam program yang dianjurkan yang bawa anak-anak untuk ... selain daripada itu memang kita tidak benarkan. Dan kita akan kaji kalau sekiranya ini juga akan memberi kesan negatif, ini juga tidak akan kita benarkan lepas pada ini, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa tak perlu dikaji .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama –

*Apakah perancangan pihak kerajaan di masa akan datang untuk memajukan Pulau Bidong yang tersohor itu sebagai kawasan pelancongan?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak dengar Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Berang minta kuat sedikit, tak dengar.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan saya yang pertama, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Kuala Berang ialah mengenai rancangan pihak kerajaan di masa akan datang untuk memajukan Pulau Bidong yang tersohor itu sebagai kawasan pelancongan?

Pulau Bidong pada mulanya dijadikan tempat perlindungan terutamanya pada musim tengkujuh dan sekitarnya menjadi kawasan penangkapan ikan bagi nelayan. Pada 1 Ogos '78, dengan pewartaan P.U.(A) 227 ia mula dikenali di peringkat antarabangsa sebagai tempat penempatan pelarian Vietnam. Lebih suku juta orang pernah mendiami pulau ini, kumpulan terakhir yang dikeluarkan daripada pulau ini adalah seramai 227 orang iaitu pada 15 November '91 dan pada 30

November '91. ia diserahkan secara rasmi kepada Kerajaan Terengganu. Itulah latar belakangnya sedikit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Pulau ini tidak termasuk dalam Taman Laut. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan pulau ini sebagai pulau peringatan, persinggahan nelayan dan pusat peranginan berasaskan Islam juga kesihatan. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Soalan saya, adakah pihak Kerajaan Negeri mengawal dalam kelulusan tanah kepada orang-orang bukan Melayu kerana apa yang berlaku kepada tanah di Pulau Redang, sebagaimana soalan bertulis saya pada kali ini, sebanyak 333 hektar atau 825 ekar telah diluluskan kepada 49 syarikat atau orang-orang bukan Melayu. Jadi kita tidak mahu perkara yang sama berlaku di Pulau Bidong ini di dalam kita mengejar dan mencari pelancong, negeri kita ini diberi milik kepada bukan bumiputera.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Minta izin soalan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Adakah Kerajaan Negeri mengawal di dalam pemilikan tanah kepada bumiputera dan bukan bumiputera?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Terima kasih. Kerajaan Negeri sebenarnya belum memberikan tanah kepada mana-mana pihak kecuali kepada UPM ataupun sekarang KUSTEM yang telahpun mempunyai tapak penyelidikan di situ. yang lain belum lagi diserahkan kepada mana-mana pihak dan insya Allah, kerajaan mengawal pulau ini.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Adakah Pulau Bidong ni nak dijadikan Pusat Pelancongan di masa akan datang?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Ya, jangka panjangnya seperti yang saya sebutkan tadi dan insya Allah tertakluk kepada dasar Pembangunan Pulau Bidong maka ianya akan dikawal. Dan diharapkan tidak berlaku seperti mana tanah- tanah yang pernah diberikan kepada pihak-pihak tertentu pada waktu kerajaan yang dulu yang tidak mendatangkan keuntungan kepada negeri.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Terima kasih. Yang Berhormat Dato', soalan saya yang kedua –

*Adakah pihak kerajaan bersetuju untuk menyerahkan Pengurusan Bekalan Air di negeri ini kepada Kerajaan Persekutuan?*

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Wakil Kuala Berang berbunyi -- Adakah pihak kerajaan negeri bersetuju untuk menyerahkan Pengurusan Bekalan Air di negeri ini kepada Kerajaan Persekutuan?

Bagi menjawabnya, suka saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak bersetuju untuk menyerahkan pengurusan bekalan air kepada Kerajaan Pusat dan tidak pernah membuat kenyataan sama ada daripada Ketua Kerajaan ataupun wakil kerajaan yang hadir mesyuarat di peringkat Pusat, tidak pernah membuat kenyataan bersetuju menyerahkan pengurusan bekalan air kepada Kerajaan Pusat. Sebabnya ialah kerana air ialah salah satu daripada keperluan asas manusia maka rakyat setempat wajib diutamakan terlebih dahulu daripada tempat lain tanpa menafikan hak kemanusiaan yang wajib ditunaikan kepada negeri-negeri yang bermasalah dan tanpa mengengapikan semangat federalisme yang ada.

Yang kedua, air merupakan salah satu daripada bidang kuasa Kerajaan Negeri di samping agama Islam, tanah, hutan dan lain-lain. Perkara ini adalah satu satu daripada ciri mewujudkan federalisme yang melahirkan Malaysia dan sebelumnya Persekutuan Tanah Melayu. Langkah untuk merampas pengurusan air daripada negeri menjerumus kepada menghakiskan federalisme yang telah diberi pengorbanan oleh negeri-negeri setelah sebelumnya kuasa agama Islam telah dicincang dengan begitu rupa, kuasa raja-raja ditikus *baiki labukan*, Kanun Tanah Negara telah dibuat beberapa pindaan yang menghakis kuasa Kerajaan Negeri.

Yang ketiga, Kerajaan Negeri telah mengkorporatkan bekalan air kepada SATU dan mampu menguruskannya dengan masalah yang minimum. Negeri Terengganu tidak patut menjadi mangsa kelemahan dan kegagalan negeri-negeri lain. Dan Negeri Terengganu dapat menyelesaikan masalah pinjaman dengan secara yang sebaik-baiknya.

Yang keempat, mengikut amalan biasa Kerajaan Pusat memberi pinjaman tanpa riba kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam pengurusan air. Sebagai balasan sumbangan rakyat negeri seluruhnya tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik melalui berbagai-bagai bagi negeri, yang diberi oleh negeri termasuk negeri Terengganu, dan termasuklah hasil bumi dan laut ini bukan hak parti-parti tertentu yang memerintah semua rakyat membayar cukai. Dan sebagai balasannya maka Kerajaan Pusat memberi negeri dengan bentuk *capitation grant* di antaranya bentuk *road grant*, bentuk pinjaman bekalan air. Ini adalah di antara amalan yang telah dilakukan dalam masa negara kita ditubuhkan dengan semangat federalisme. Apa yang menjadi masalah pinjaman biasa yang dilakukan kepada negeri dalam perkara pengurusan air ni ialah tanpa riba, tanpa *interest*. Tetapi akhir-akhir ini telah dibuat perubahan, hanya Terengganu dan Kelantan saja yang dikenakan riba. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk menjual air ni sekiranya ada negeri-negeri lain yang sudi membeli?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita terlebih dahulu perlu membuat kajian bagi keperluan negeri kita sendiri, sekiranya keperluan negeri telah mencukupi sama ada jangka pendek ataupun jangka panjang perlu diambil kira. Sekiranya lebih daripada itu maka Kerajaan Negeri sedia menjual air kepada negeri lain dan mana-mana negeri saja. Dan insya Allah kita akan membuat perjanjian yang lebih bijak, tidak sebagaimana Johor dengan Singapura dengan perjanjian yang begitu

3 SEPTEMBER 2003

memalukan, 3 sen 1,000 gelen. Insya Allah bagi negeri Terengganu, kita akan membuat satu perjanjian yang lebih bijak. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Jadi tidak timbullah dengan 3 sen 1,000 liter untuk 100 tahun. Apakah perkara-perkara lain yang membimbangkan pihak Kerajaan Negeri yang akhirnya membuat keputusan untuk tidak bersetuju menyerahkan kepada Kerajaan Persekutuan?

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di antaranya ialah kebimbangan kita dihantui oleh perjanjian air dengan Singapura, ini satu. Yang keduanya, kebimbangan kita kerana timbulnya isu nak mengambil alih air daripada negeri ini apabila adanya negeri-negeri yang gagal dalam mengendalikan urusan air, yang tidak berjaya dalam mengendalikan hutang dan memikul bebanan hutang yang begitu banyak dan rakyat mengalami masalah. Kita menyedari bahawa walaupun SATU, syarikat air kita bukan tidak ada masalah, ada masalah selagi rakyat yang tidak mendapat bekalan air yang cukup, masih ada lagi masalah di beberapa daerah, ini kita sedar. Tapi ini semua adalah saki baki daripada warisan lama, di masa kita ada duit banyak kita tidak tukar paip-paip lama, masa kita mewah dan masa kita senang. Masa kita senang kita tak selesaikan kerana duit lebih tertumpu kepada hal-hal lain, kita tidak tumpu kepada masalah-masalah utama yang dihadapi oleh rakyat. Sebagai contohnya loji air di Kepong, loji yang besar yang menelan belanja yang begitu banyak, diberi kepada kontraktor yang tidak mampu menyelesaikan masalah sehingga tak selesai mengikut jadual. Bila kita mengambil alih terpaksa dicari kontraktor yang lain untuk menyelesaikan ... bagi menyempurnakan loji air di Kepong. Ini semua menghantui kita mengapa kita tak mahu serah kepada Kerajaan Pusat.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):**  
Dato' Yang Dipertua, ....

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau ABang):**  
Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Rantau Abang.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):**  
Saya tertarik dengan jawapan Yang Amat Berhormat berkenaan dengan pembayaran yang melibatkan riba 2%. Setakat ini apakah alasan yang kukuh yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada kita, mengapa kita dikenakan riba sehingga 2% atas pembayaran air? Tidakkah kerajaan bercadang untuk menyelesaikan perkara ini sama ada di peringkat rundingan ataupun peringkat mahkamah kerana menyalahi sebagaimana peraturan yang sedia ada sebagaimana kita menyelesaikan masalah royalti petroleum?

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak menerima apa-apa alasan kita hanyalah menerima keputusan yang telah dibuat dan sehingga hari ini kita tidak bercadang untuk mengambil tindakan mahkamah kerana kita lebih mengambil sikap yang lebih bersemangat persaudaraan dengan

3 SEPTEMBER 2003

Kerajaan Pusat kerana kita berada dalam sebuah negara yang sama dan kita menjadi salah satu daripada anggotanya walaupun ada masalah, kita bersabar dalam mengatasi masalah ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat dah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Dok beri peluang ke Dato' Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis dah ni, empat soalan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan saya yang ketiga –

*Berapa buahkah makmal komputer yang dibina dalam negeri ini yang tidak selamat digunakan?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan ketiga telah dikemukakan oleh Yang BERTHORMAT Wakil Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, minta maaf saya ... saya ingat bukan saya jawab soalan ni. Berapa buahkah makmal komputer yang dibina dalam negeri ini yang tidak selamat digunakan?

Jadi menurut laporan daripada Jabatan Kerja Raya Negeri menyatakan bahawa jumlah sebenar makmal komputer yang tidak selamat digunakan belum diputuskan. Jadi tak dok maklumat sebenar lagi, dalam siasatan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Jadi adakah pihak Kerajaan Negeri sendiri yang membinanya atau melalui Kerajaan Persekutuan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, bukan Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Adakah dicadangkan kepada sekolah-sekolah agama kepunyaan kita juga?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jika kita buat sendiri, kita beli sendiri tak dok masalah sekarang.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang BERTHORMAT Wakil Kemasik.

3 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Apakah alasan Majlis Perbandaran Kemaman yang belum lagi mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) untuk Pusat Rakan Muda di Kemaman.*

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kemasik ingin tahu apakah alasan Majlis Perbandaran Kemaman yang belum lagi mengeluarkan Sijil Layak Menduduki yakni CF, bukan "untuk" ni "kepada" Pusat Rakan Muda di Kemaman, bukan "untuk Pusat Rakan Muda".

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bangunan ini tidak dibina mengikut undang-undang semasa.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat jelaskan, apa yang tak sempurna tersebut?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Bukan apa yang tak sempurna. Dato' Yang Dipertua, bangunan itu dibina tidak mengikut undang-undang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):**  
Apa yang dok kena bangunan tersebut ... mengikut undang-undang mana?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak berhasrat menjadi guru dalam Dewan ini. Semua bangunan dan saya yakin Yang Berhormat ni bekas Yang Dipertua, Majlis Daerah Kemaman, memerlukan banyak bendanya sebelum CF atau CFO dapat diizinkan. Kalaulah bangunan ini dibina tanpa pelan, macam mana nak minta CFO?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa semua jabatan teknikal telah pun memberi persetujuan kepada bangunan ini. Kalau semalam katanya untuk meningkatkan program-program belia negeri Terengganu, ini juga merupakan satu pusat di mana kegiatan belia boleh dijalankan. Mengapakah Kerajaan Negeri ataupun Majlis Perbandaran Kemaman tidak mengambil iktibar daripada apa yang dikatakan oleh Exco Belia semalam?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pembangkang boleh soal tapi bukan dia kata, saya difahamkan, saya reti, saya begini ... Saya menjawab mengikut undang-undang dan mengikut fakta dalam Majlis Perbandarannya, bangunan ini tidak dikemukakan pelan bangunan

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau perkara tidak mengikut undang-undang dipentingkan berbanding dengan belia, bagaimana dengan status masjid-masjid yang dibina tanpa mengikut peraturan, tanpa ada pelan dan sebagainya terutamanya masjid di Rusila? Adakah berlaku *double standard* di sini, Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Masjid mana?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Masjid Rusila, contoh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dia tak perlu pelan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab apa tak perlu pelan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Masjid dok perlu pelan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dia di atas undang-undang, ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bukan ... dia ada pengecualian undang-undang ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh sebab seksyen berapa pengecualian undang-undang untuk Masjid Rusila? Boleh sebab seksyen berapa, subseksyen berapa mengatakan Masjid Rusila terkeluar daripada undang-undang, boleh sebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan lain, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon supaya melalui Dewan ini bangunan tersebut, atas ehsan Kerajaan Negeri supaya diluluskan atau diberi kelayakan menduduki, ataupun diluluskan pelan sebagai kemudahan kepada belia-belia di daerah Kemaman.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, wakil rakyat tidak ada hak nak membuat permohonan bagi pihak orang lain, itu peraturan dia. Pemohon ialah tuan punya bangunan yang boleh pohon untuk dapat kelulusan. Ehsan tidak ada dalam Dewan ini tetapi peraturan-peraturan mestilah dipatuhi dan pemohon bangunan minta pada Majlis, Majlis boleh pertimbangan. Dan perkara ini telahpun diuruskan dan segala peraturan-peraturan telahpun diminta patuh oleh mereka yang bertanggungjawab. Tapi sayang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli pembangkang di dalam Dewan ini tidak ada mempunyai *authority* dalam UMNO, dia tidak mewakili pentadbir

3 SEPTEMBER 2003

UMNO di dalam negeri ini. Apa yang diputus dalam Dewan ini, tidak ada siapa yang boleh ambil tindakan. Jadi tidak diberi kepercayaan oleh kepimpinan UMNO sendiri dan pada hari ini UMNO mengatakan dia masih lagi kerajaan.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Canggahan Yang Dipertua, sebagai mewakili rakyat kenyataan itu kenyataan jahat dan tidak ....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Saya tak beri laluan, .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Beri dia jawab dulu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Dan pada hari ini kita lihat UMNO memasang papan-papan tanda di merata kampung Desa Wawasan di sini. Desa Wawasan di sana seolah-olah dia berasa dia kerajaan lagi.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Pada hal dengan UMNO ni, Desa Wawasan mana UMNO yang tampal? Ikut undang-undang sedikit bercakap. Yang Dipertua, Cakap tidak ikut undang-undang, dok betul. UMNO tidak terlibat dengan Desa Wawasan, dengan papan tanda Desa Wawasan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Telemong sila duduk .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Kalau dok minta peluang ni. Yang Dipertua dok beri, saya minta dia tarik balik sebab UMNO tidak terlibat dengan papan tanda Desa Wawasan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Saya dok beri laluan. Yang Berhormat Yang Dipertua, sila disiplinkan dia.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada peraturan, orang tak beri kita tak boleh curi begitu.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Tetapi saya minta tarik balik kerana UMNO tidak terlibat dengan papan tanda Desa Wawasan. Wakil Batu Buruk.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila duduk Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan sekadar papan tanda dipasang di merata-rata tetapi sekarang ni tanam pasu bunga pula dalam Majlis Perbandaran Kuala Terengganu ni, pasu bunga kerja Majlis Perbandaran tanam bunga pula UMNO pada hari ini. Inilah perkara-perkara yang kita rasa janggal, kalaulah kita tak dapat tunggu 4 tahun pilihan raya tunggulah pilihan raya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini dia ... persidangan khas, perjumpaan khas yang

3 SEPTEMBER 2003

diadakan di Grand Contenantel pada 21 haribulan sembilan tahun 2000. Ini UMNO minta ni, peruntukan kepada KUSZA mestilah dikaji balik, pastikan pengurusan kanan Lembaga mesti orang UMNO. Ni UMNO mintalah ni .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Saya dok beri laluan.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** .... sebab apa mengarut ni, berkait dengan belia, dengan bangunan Rakan Muda .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya minta Yang Dipertua adil kepada Dewan jawapan ini tidak ada kait mengait dengan Rakan Muda di Kemaman.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Baca Yang Berhormat, hamba nak dengar juga.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Nanti dia nak beri hujah.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Ke nak buat soalan .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu dulu sehingga wakil daripada Ajil duduk. Sila.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Jangan beri bantuan kepada sekolah agama kerana guru dan murid adalah penyokong PAS.....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Yang Dipertua, ini tidak ada kaitan dengan soalan yang dibangkit di Dewan ini.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri):** Yang Dipertua, .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat sila duduk ... sila duduk Yang Berhormat. Sekejap lagi saya beri Yang Berhormat, ada lagi masa untuk Yang Berhormat bertanya ... adillah ni. Sila Yang Berhormat duduk dia nak beri hujah, dia nak buat contoh, duduk dulu. .... apa kena mengena pula ni, saya kata Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Nak dengar Yang Berhormat, sila teruskan.

3 SEPTEMBER 2003

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. ....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wakil Paka ... wakil Paka, Wakil Permaisuri ... wakil Permaisuri duduk. Wakil Permaisuri baju merah, terang nampak bila dia bangun, duduk. Sila Yang Berhormat teruskan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Saya menceritakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bahawa gangguan-gangguan yang seumpama ini tidak seharusnya dilakukan yang menghanu-birukan pentadbiran negeri. Dan ini jelas bahawa datangnya daripada UMNO dan keputusan UMNO sendiri. Apa-apa cadangan kepada KUSZA dan sekolah agama mesti dirujuk .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong):**  
Yang Dipertua, jawapan yang diberi tidak mengikut undang-undang, peraturan Dewan. Minta jelas Yang Dipertua, apa yang dibangkit pada tahun 2000 .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat dia belum habis lagi ayat, apa yang dia nak pergi, dia rumus sekejap lagi tahulah. Sila duduk ... duduk. Sila duduk ... sila duduk.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Dato' Yang Dipertua, kalaulah perkara-perkara yang saya jawab tadi terlalu sensitif saya nak minta supaya UMNO bawa jadi Ketua Pembangkang ini orang yang ada *authority* dalam .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong):**  
Dato' Yang Dipertua, saya minta Dewan adakan sesi perbahasan jangan soalan saja. Kita ada sesi perbahasan, kerajaan boleh berbahas, kita boleh berbahas. Sesi sekarang ni jawapan kepada soalan yang dikemukakan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak apa, Yang Berhormat boleh bahas dalam Dewan akan datang, insya Allah. Sila duduk ... sila duduk yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. ....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong):**  
Jawab yang tidak betul .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** ..... inilah sebabnya .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri):** Bodoh ... bodoh, main apa bodoh, bodoh ni. Kurang adab tu dia ni ... dia kurang adab dia kata saya bodoh. Saya tegur dia, nanti orang jawab dulu

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Permaisuri ... Permaisuri jangan marah .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Orang yang jawab nun bodoh, Permaisuri cerdik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Permaisuri jangan marah ... duduk Permaisuri. Orang yang paling bekeng sekali Yang Dipertua tapi dia sejuk hari ni, Permaisuri kena sejuk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Majlis .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): ..... Perbandaran Kemaman, yang .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): ..... soalan saya tadi berhubung dengan bangunan Rakan Muda, .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Ni sedang jawab ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu, biar dia habis dulu ... dengar dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tidak setuju, kalau tadi jawapan Yang Berhormat mengikut undang-undang tapi sekarang tak ikut undang-undang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dengar dulu ... dengar dulu, dekat mana tempat tak betul undang-undang, dengar dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut surat Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kemaman 241/8/02/4 bilangan (16) bertarikh 16 Jamadilakhir, 1424 bersamaan Ogos, 14 Disember, 2002 kepada Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, orang yang bertanggungjawab dengan bangunan ini. *Sebagai penjawat awam saya yakin tuan memahami peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan kemajuan pembangunan seperti Akta Perancang Bandar dan Desa, Akta 172, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974, Akta 133 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang memerlukan mana-mana kelulusan CFO yang hendak diminta itu mestilah berasaskan kepada bangunan yang terlebih dahulu diluluskan pelan pembinaannya.*

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya minta maaf ... saya dok .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Sedikit saja ... sedikit saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah habis Yang  
Berhormat, Yang Berhormat Wakil Kemasik .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya minta supaya bangunan ini dapat digunakan sebab masih ada bangunan-bangunan yang tidak  
mendapat kelulusan CF daripada Majlis Perbandaran tapi tidak diambil tindakan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat Yang  
Berhormat, sila masuk kepada soalan berikutnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya nak sebut sedikit lagi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila masuk soalan berikutnya, Yang  
Berhormat. Sila masuk soalan berikut, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu  
Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk tidak menjadi keliru .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok ... dok, teruskan kepada soalan  
berikutnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua –

*Apakah semua Wakil Rakyat dan EXCO Kerajaan Terengganu telah  
mengistiharkan harta masing-masing dan jika belum, bilakah pengistiharan  
itu hendak dibuat.*

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan kedua Yang Berhormat Wakil Kemasik berbunyi – Adakah semua Wakil-wakil Rakyat dan Exco Kerajaan Terengganu telah mengisytiharkan harta masing-masing dan jika belum, bilakah pengisytiharan itu hendak dibuat.

Bagi menjawab soalan ini, suka saya menyatakan hanya ahli-ahli Exco saja yang diminta mengisytiharkan harta masing-masing dan telah dilaksanakan dan berada dalam maklumat saya sebagaimana diperlukan. Adapun wakil-wakil rakyat yang bukan ahli Exco tidak termasuk dalam arahan tersebut. Walaupun demikian, pihak parti PAS yang memerintah negeri telah melaksanakan cara-cara mengikut hukum syarak atau siasah syariah, yang pertama setiap orang calon PAS yang bertanding diwajibkan berbe'ah supaya menunaikan amanah menegakkan syiar Islam dan adab-adabnya dalam perkara kepimpinan apabila mereka dipilih menjadi wakil Rakyat. *Be'ah* ialah ikrar setia yang lebih berat daripada sumpah yang dinyatakan penyaksian daripada Allah dan amaran yang keras kiranya melakaukan khianat sebagaimana yang dinyatakan oleh firman Allahutaala dalam surah al-Fatah yang bermaksud – *Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka yang berbe'ah maka sesiapa yang mengkhianati maka sesungguhnya dia mengkhianat yang menempah bala ke atas dirinya sendiri. Dan sesiapa menunaikan apa yang dijanjikan maka Allah mengurniakan kepadanya ganjaran yang sangat besar.*

Yang kedua, apabila kami mengambil alih kerajaan tiap-tiap orang wakil rakyat diminta sekali lagi supaya bersumpah mengikut hukum Islam dan laknat Allah sekiranya menyalahgunakan kuasa dan khianat. Yang ketiga, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Suruhanjaya Hisbah, Suruhanjaya ini diberi kuasa dengan setelus-telusnya untuk menyasat dan bertindak sekiranya menerima pengaduan. Yang keempat, Kerajaan Negeri mengatur majlis dialog bersama pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan rakyat di tiap-tiap daerah untuk melakukan muhasabah diri dan menerima soalan-soalan dan kritikan daripada rakyat dalam semua perkara. Yang kelima, pihak Kerajaan Pusat melalui BPR, Polis dan lain-lain diberi peluang dengan telus untuk melakukan pemantauan secara sekiranya berlaku apa-apa penyelewengan. Dan mereka diarah bertindak terlalu cepat menerima laporan daripada UMNO sehingga pegawai kerajaan yang tidak berpolitik menjadi mangsa didatangi oleh pihak-pihak yang menerima arahan sehingga terjun tak bertangga apabila berlaku sesuatu isu. Ini adalah kita menghadapi dengan penuh tenang Alhamdulillah, kita masih dipelihara daripada kesilapan yang boleh diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan. Bila perisytiharan itu dibuat kepada Exco-exco saja?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana mereka daripada beberapa orang di mana perisytiharan itu dibuat secara tidak sekali gus. Sekian.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

3 SEPTEMBER 2003

*Bilakah Kerajaan Negeri Terengganu hendak melaksanakan pembinaan lebuhraya sendiri, iaitu dari Jabur ke Besut, dan sehingga kini apakah perkembangannya.*

**YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan Wakil Kemasik berbunyi – Bilakah Kerajaan Negeri Terengganu hendak melaksanakan pembinaan lebuhraya sendiri, iaitu dari Jabur ke Besut, dan sehingga kini apakah perkembangannya?

Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk melaksanakan pembinaan projek ini seberapa segera yang mungkin. Soal bilakah pembinaan projek ini, tidak berbangkit oleh kerana memang bagaimana saya telah memberi jawapan di persidangan yang lepas perkara ini sedang dalam peringkat pelaksanaan. Perkembangan sekarang ini ialah kerajaan telah menerima boleh dikatakan sebahagian besar perkara-perkara yang telah dikehendaki keperluan-keperluan dari segi kajian teknikalnya. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri, saya ingin nyatakan secara terbuka dalam Dewan ini menyatakan rasa tidak puas hati kepada syarikat yang berkenaan oleh kerana dari segi apa yang termaktub dalam perjanjian, dari segi jadual pelaksanaan kerjanya tidak dipatuhi dalam erti kata dalam keadaan sekarang ia telah terlewat daripada jadual asalnya. Maka oleh kerana itu sebagai memantau supaya projek ini diberi perhatian serius oleh pihak syarikat yang diberi konsesi supaya dia mengambil satu tanggungjawab yang serius. Maka oleh kerana itu Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya dikeluarkan notis kepada syarikat yang berkenaan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian supaya dalam tempoh enam bulan syarikat berkenaan mestilah melaksanakan perkara-perkara yang telah dipersetujui walaupun dari segi jadual pelaksanaan kerjanya telah terlewat tetapi Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya perkara ini dibuat penyusunan semula dan mestilah dipatuhi dalam tempoh enam bulan ini. Sekiranya tidak maka Kerajaan Negeri berhak untuk menamatkan perjanjian yang telah ditandatangani.

**YANG BERHORMAT DATO` HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dimaklumkan dalam Dewan yang lepas bahawa projek ini diserahkan kepada satu kontraktor yang bernama Diamond Link Sdn. Bhd. Dan kita dapati bahawa kontraktor ini telah gagal melaksanakan tanggungjawab dan tugas-tugas yang dipersetujui bersama Kerajaan Negeri. Sudah ataupun pernahkah pihak kerajaan menyelidik dan mengetahui status sebenarnya syarikat Diamond Link ini?

**YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Saya dimaklumkan dalam sidang yang lepas berhubung perkara ini, status syarikat ini telah saya maklumkan dalam sidang yang lepas.

**YANG BERHORMAT DATO` HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Soalan tambahan, Dato` Yang Dipertua. Betulkah modal berbayar syarikat ini RM2.

**YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Itupun sudah saya jawab dalam sidang yang lepas. Kalau nak kira syarikat ini modal berbayarnya RM2 sama juga dengan syarikat UEM yang UMNO ada kepentingan yang menguruskan beratus-ratus juta ataupun bilion

projek tentang projek PLUS, asalnya *two dollars company* juga, saya telah jawab dalam sidang yang lepas. Dalam tempoh perjalanan untuk menguruskan projek ini tentulah ada perkara-perkara yang mesti diambil kira oleh kerajaan dari sudut kelemahan pengurusan syarikat, soal pembiayaan kewangan dan seumpamanya. Oleh kerana itu saya nak jelaskan dalam Dewan ini, tidak berbangkit bahawa syarikat yang berkenaan telah gagal secara *total* untuk melaksanakan projek ini, dia telah menyempurnakan sebahagian besar kerja-kerja dari segi teknikal, saya dah maklumkan dalam sidang yang lepas, syarikat ini telah berbelanja tak kurang RM3 juta untuk menyiapkan perkara-perkara yang diperlukan dari segi kajian-kajian teknikal. Oleh kerana itu untuk mengatakan syarikat ini tidak ada keupayaan langsung pun tidak berbangkit sebenarnya, cuma kerajaan sekarang ini membuat pemantauan. Sebagaimana termaktub dalam perjanjian supaya dalam tempoh enam bulan sekiranya tidak dilaksanakan perkara-perkara dipersetujui termasuklah berhubung dengan penyusunan semula jadual pelaksanaan kerjanya maka kerajaan berhak untuk menamatkan perjanjian ini.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Kalau kita ibaratkan kompi dua ringgit ni, jadi Diamond Link dengan UEM, PLUS *highway* Jabur ke Besut dibandingkan dengan dua Mamatlah, Mamat dua ringgit belaka tapi Mamat PLUS ni Mamat gagah siap terbukti *highway* siap semua rakyat bangga. Tapi Mamat Diamond Link ni Mamat dok rok yang diakui oleh Exco sebentar tadi. Boleh dikatakan Mamat ni *ramoknya* pentingkan benda lain bukan jalan, dia pentingkah balak dan sebagainya. Adakah kerajaan setuju?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Sebenarnya tidak berbangkit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek ini sedang dalam pelaksanaan. Kita tidak boleh hukum dia lagi bahawa dia telah gagal. Kalau kita katakan gagal, ni nak baca ni dengar molek ... kalau dikatakan gagal kita ambil contoh satu laporan daripada Ketua Audit Negara yang inilah yang menghantui kita, kita nak belajar daripada pengalaman supaya perkara ini tidak berbangkit. Laporan daripada Ketua Audit Negara berhubung dengan projek Pelancongan Taman Safari Hulu Dungun, iaitu Kerajaan Negeri menyediakan tapak pembinaan seluas 870 hektar .....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Adakah laluan *highway* ni .....

YANG BERTHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Nanti dulu ... dengar dulu ni giliran saya jawab ....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dok saya nak tanya .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kenapa Yang Berhormat *jetat* cepat sangat tu dok dan nak jawab *jetat* dah. Duduk dulu, biar dia jawab dulu, sekejap lagi tanyalah, biar dia jawab dulu masa ada Yang Berhormat.

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya nasihatkan wakil daripada Telemong ni Dato' Yang Dipertua, kena disiplinkan dia sebab saya nampak dia *nano* sangat sekarang ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya terima nasihat, saya dok *nano* tapi jawapan tu agak *nano* ke lain, *nano* ke Taman Safari yang tidak terlibat dengan lauan *highway* yang ditanya oleh Kemasik.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Nak jawab harga dua rial ni ... dengarlah dulu sheikh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ... Yang Berhormat Telemong duduk.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya baru nak jawab yang disebutkan oleh wakil daripada Telemong tadi, yang dia kata tak dok kerja lain nak balak juga, ini saya nak jawab ni. Sebab kita manusia ni kita mesti belajar daripada pengalaman .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tanya, setuju tidak setuju, jawab tidak setuju sudahlah jangan bangkit Taman Safari dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Nanti dulu saya nak jawab ni, inilah peringatan kita ni ...

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): ..... jadi jawapan tu *nano* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini bukan pasar borong ni ... Yang Berhormat Telemong ini bukan pasar borong, bukan Pasar Tani Telemong ni, ini Dewan ini, sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat ... sila duduk Yang Berhormat ... tidak, saya sebut pasar tani untuk Yang Berhormat lebih cepat faham saya sebut Pasar Tani Telemong, sebut tempat lain tak nampak. Sila duduk ... sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Kita kalau kita hidup makin umur kita lanjut kita belajar daripada pengalaman, biar ada kematangan, biar belajar sabar ... sekarang ni saya nak jawab tunggu dulu baru kata. ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila jawab Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): ..... sekejap lagi boleh kata balik kepada saya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bagi contoh, oleh kerana laporan Audit Negara ada menyebutkan supaya dia menjadi suatu pengalaman dimana dia menyatakan di sini pada pandangan Audit, Projek Taman Safari tidak dapat disiapkan mengikut perancangan asal kerana syarikat pemilik projek dan syarikat pemaju tidak mempunyai kemampuan

dari segi kewangan, pengalaman dan kepakaran. Selain daripada itu syarikat pemilik projek dan syarikat pemaju lebih menumpukan kepada penebangan balak untuk mendapatkan sumber kewangannya. Saya nak jawab ni, ini saya nak sebutkan sebagai suatu pengalaman supaya perkara ini tidak berlaku dalam projek *motorway* yang sedang kerajaan membuat pemantauan. Kerana dalam perkara ini ada disebutkan dalam laporan Audit ini, Jabatan Audit Negara mendapati tiada sebarang kriteria yang ditetapkan bagi memilih syarikat yang ingin memajukan kawasan tersebut. Syarikat pemilik projek yang dipilih adalah semata-mata kerana kertas kerja yang terima oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai kedudukan syarikat seperti kemampuan kewangan, pengalaman dan peralatan pembinaan serta lain-lain maklumat yang berkaitan. Jadi oleh kerana itu dikatakan di sini, pihak syarikat pemilik projek dan syarikat pemaju didapati lebih menumpukan kepada kerja-kerja penebangan balak kerana tiada sebarang pembinaan dibuat daripada tahun 1991 hingga 1995. Malah kegagalan syarikat pemilik projek dan syarikat pemaju untuk menjayakan projek adalah akibat tiada dalam perjanjian tentang tempoh pelaksanaan projek ini serta denda yang perlu dikenakan ke atas mereka. Ini saya nak jawab.

Makna sekarang walaupun projek *motorway* ini sedang berjalan dan saya dah sebutkan, saya sebut secara terbuka tadi, kerajaan mengakui ada kelemahan di peringkat awal dari segi jadual pelaksanaan kerjanya. Tapi oleh kerajaan nak mengambil tanggungjawab secara serius kerajaan telah mengarahkan supaya dikeluarkan notis kepada syarikat berkenaan supaya dalam tempoh enam bulan sekiranya syarikat berkenaan tidak melakukan satu kerja yang lebih efisien, yang tidak memberi kepuasan kepada kerajaan, maka kerajaan berhak sebagaimana termaktub dalam perjanjian akan menamatkan perjanjian ini. Saya ingat tidak ada masalah, ini merupakan suatu perkara yang agenda kita masih panjang. Sebab itu saya tertarik kepada apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, ada projek-projek yang dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu umpamanya. Projek Loji Air Kepong dan komponen-komponen projek yang di *award* diberikan pada tahun 1998. Dan projek tersebut sepatutnya siap pada 4 Disember tahun 2000, bayangkan oleh kerana kelemahan kerajaan dahulu memilih kontraktor, Kerajaan Negeri sekarang ni terpaksa menanggung hampir tiga tahun dari segi masalah bekalan air yang tidak mengikut jadual pelaksanaan kerjanya. Kerajaan Negeri terpaksa memikul beban oleh kerana apa yang dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu. Oleh kerana itulah soal dikatakan kawasan-kawasan yang tidak mendapat air secara sempurna, tekanan yang rendah ... ada kita membuat keputusan terbaharu menghantar lori tanker dengan tangki-tangki statik, itu semua adalah usaha kerajaan untuk nak basuh balik tahi-tahi dulu, benda-benda yang tak selesai dulu supaya rakyat ini tak jadi teruk menerima akibat apa yang dilakukan telah sebelum daripada ini. Terima kasih, Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ini untuk rehat sehingga jam 11.15 pagi. Dewan ditangguhkan.

3 SEPTEMBER 2003

PUKUL 11.15 PAGI

**YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dengan mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang, silakan.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan yang pertama –

*Berapakah jumlah pelajar di Terengganu yang tercicir dari meneruskan pembelajaran kerana kemiskinan dan kegagalan dalam peperiksaan?*

**YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, wakil daripada Rantau Abang dalam soalan pertamanya ingin tahu berapakah jumlah pelajar di Terengganu yang tercicir dari meneruskan pembelajaran kerana kemiskinan dan kegagalan dalam peperiksaan?

Setakat ini tidak ada maklumat yang dilaporkan kepada kita, pelajar-pelajar Terengganu yang tidak dapat menyambung pelajarannya kerana disebabkan oleh faktor kemiskinan.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Dato` Yang Dipertua, kalau mengikut media massa akhir-akhir ini bagaimana keadaan gejala pelajar yang tak bermoral yang berlaku di beberapa negeri lain. Adakah juga terdapat beberapa kes di Terengganu yang mana pelajar-pelajar disingkir daripada sekolah sehingga mereka tak dapat meneruskan pembelajaran kerana masalah disiplin?

**YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, di dalam sekolah-sekolah yang di bawah jagaan Kerajaan Negeri perkara ini tidak terdapat.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Dato` Yang Dipertua, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan sebagai suatu persiapan terutama kepada mereka yang gagal dalam peperiksaan supaya mereka tidak menjadi kutu-kutu yang lepak selepas daripada keluar daripada sekolah-sekolah mereka?

**YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua untuk menjawab soalan ini memang panjang, terutama sekali saya ingin menjelaskan usaha Kerajaan Negeri sekarang ini untuk mengatasi masalah keciciran pelajar oleh sebab kemiskinan dan juga lain-lain. Di antara lainnya Kerajaan Negeri bukan saja memberi bantuan kepada pelajar-pelajar menyambung pelajaran di Pusat Pengajian Tinggi malahan Kerajaan Negeri juga memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang miskin peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan juga menengah atas melalui dua pembiayanya iaitu Yayasan Terengganu yang juga memberi bantuan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah yang didapati miskin dan juga sekolah rendah. Begitu juga Jabatan Hal Ehwal Agama melalui Majlis Agama Islam dan Adat

Melayu Terengganu (MAIDAM) mengadakan bantuan kepada pelajar-pelajar miskin sama ada di sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah dan juga sampai peringkat tinggi jika ada permohonan daripada orang-orang yang bertanggungjawab.

Selain daripada itu juga ialah Yayasan Terengganu menjadikan beberapa buah sekolah di pedalaman umpama sebagai anak angkat. Ini adalah untuk membekalkan sekolah tersebut dan pelajar-pelajar tersebut dengan keperluan-keperluan yang diperlukan bagi memajukan mereka dalam bidang pendidikan dan pembelajaran memandangkan mereka hidup jauh daripada bandar. Ini langkah yang telah dilakukan oleh Yayasan Terengganu yang menyebabkan bahawa masalah keciciran kita dapati adalah terlalu sedikit.

Walau bagaimanapun untuk mengatasi pelajar-pelajar yang memang tidak dapat lagi mengikuti pelajaran disebabkan oleh daya fikirnya tidak kuat atau kecegasan otaknya tidak bagus maka beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan, di antaranya mengadakan bengkel-bengkel, bengkel kemahiran seperti membaiki motosikal, kereta yang dijalankan oleh TESDEC. TESDEC juga menjalankan kerja ini dengan kerjasama MAIDAM, TESDEC membekalkan kemahiran tapi MAIDAM memberi pembiayaan kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Begitu juga melalui YPK, pusat-pusat latihan kemahiran seperti jahitan dan sebagainya diadakan melalui kerjasama dengan MAIDAM kerana MAIDAM ada duit, MAIDAM beri pembiayaan perbelanjaan kepada para pelajar maka YPK menguruskan pentadbiran kelas-kelas yang diadakan. Ini di antara langkah-langkah yang diambil supaya kita dapati mengatasi pelajar-pelajar kita yang tidak dapat meneruskan pelajaran peringkat lebih tinggi tidak terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan tambahan. Apakah pihak Kerajaan Negeri pada hari ini diberi suatu peluang oleh sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pusat untuk memberi suatu sumbangan untuk memajukan pelajar-pelajar sama ada menganjurkan program seumpamanya ataupun sebagainya. Kerana saya melihat bahawa satu saja mereka berharap daripada Kerajaan Negeri dari sudut kelulusan tanah saja, apakah selepas daripada itu tidak ada satu sumbangan ataupun tidak diberi ruang kepada Kerajaan Negeri untuk sama-sama membangunkan pelajar. Saya beberapa bulan lepas, kami daripada semua wakil rakyat kawasan Dungun mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai KETENGAH tentang permohonan kawasan untuk meluluskan Kolej KETENGAH. Tapi kita bertanya kepada mereka adakah masa nak minta tanahnya saja bergantung kepada wakil rakyat dan kerajaan, lepas boleh, lepas dah ada bangunan, apa sumbangan yang kami boleh beri kepada pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Kerajaan Pusat. Jadi soalan saya, adakah diberi ruang kepada pihak Kerajaan Negeri, agensi Yayasan ke untuk membantu dari sudut seminar dan seumpamanya kepada pelajar-pelajar di bawah Kementerian Kerajaan Pusat?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan ini menyulitkan saya untuk menjawab kerana membuka rahsia orang. Pada peringkat awal memang Yayasan Terengganu mempunyai asrama-asrama di segenap daerah untuk menempatkan pelajar-pelajar daripada kampung-kampung untuk menduduki asrama tersebut dan melalui asrama itu berbagai-bagai kemudahan dapat diberi kepada pelajar-pelajar tersebut bukan saja dari sudut kepentingan pembelajaran semasa tetapi juga adalah untuk pembedahan moral dan pembinaan iman kepada anak-anak ini. Tapi selepas daripada tahun 2000 maka kemudahan-

3 SEPTEMBER 2003

kemudahan itu ... walaupun Asrama Yayasan masih ada tapi program-program ke arah membina ketahanan iman dan sebagainya yang dianjurkan oleh Yayasan tidak dapat dilakukan kerana tidak mendapat kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan. Itu kenyataan yang berlaku.

Jadi oleh kerana itu, kita walau bagaimanapun kita tidak ada halangan mana-mana untuk buka pusat pengajian tinggi dalam negeri ini kerana itu adalah suatu pembangunan pendidikan yang akan memberi peluang kepada anak-anak kita untuk belajar. Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, sekian.

**YANG BERTHORMAT DATO` YANG DIPERTUA:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan berikutnya.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Soalan tambahan?

**YANG BERTHORMAT DATO` YANG DIPERTUA:** Dah tamat dah.

**YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan yang kedua ditolak, soalan yang ketiga -

*Sehingga Jun 2003, berapakah jumlah kes yang masih belum diselesaikan di Mahkamah Syariah, mengikut pecahan daerah dan nyatakan tiga jenis kes yang terbanyak?*

**YANG BERTHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan ketiga wakil daripada Rantau Abang ingin tahu sehingga Jun 2003, berapakah jumlah kes yang masih belum diselesaikan di Mahkamah Syariah, mengikut pecahan daerah dan nyatakan tiga jenis kes yang terbanyak?

Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, sebelum saya jawab soalan ini ada satu benda kelmarin yang ditimbulkan oleh Wakil Kemasik, saya telah mendapat laporan bahawa seorang Khatib Tamu di Bandar Baru Kerteh yang berkhotbah tidak memakai teks dan katanya tidak sebut *'itaqullah*. Jadi bila saya hubungi dengan Jabatan Agama perkara ini belum ada laporan lagi dan Pejabat Agama Kemaman pun belum ada lagi. Dan saya cuba berhubung dengan Khatib Tamu yang dimaksudkan oleh Wakil Kemasik semalam iaitu Ahli Parlimen Kemaman, maka dia hantar teks kepada saya yang dia baca, teks Pejabat Agama. Tapi walau bagaimanapun masih beri peluang kepada Wakil Kemasik untuk terus buat penyiasatan, kita pun akan buat siasatan lagi. Ini sebagai maklumat awal saja, tak payah minta penjelasanlah. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO` HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, .....

**YANG BERTHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Nak tanya juga?

**YANG BERTHORMAT DATO` HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Saya pohon penjelasan sebab ada kaitan dengan saya. Pasal apa kita pergi siasat tanya orang yang

buat salah? Pejabat Agama Kemaman telah pun membuat siasatan dengan memanggil semua Jawatankuasa Masjid, Imam, Bilal dan Guru Pelawat, keputusan telahpun diambil bahawa apa yang berlaku itu betul.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, saya semalam dah rujuk kepada Jabatan Agama Kemaman tak dok lagi keputusan yang dibuat, tak dok apa tindakan lagi. Jadi maknanya ... macam mana orang pejabat kata tak dok lagi, Yang Berhormat Wakil Kemasik ada. Saya ingat berhenti setakat itu dulu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Perjumpaan telahpun dibuat di masjid ..... saya tak tahulah Pejabat Agama nak susut perkara ni?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Saya kata saya maklumat awal saya beri. Jadi tak guna balah dalam ni, maklumat awal saya beri, yang dia dapat macam tu, yang saya dapat macam tu. Hari lain kita cubalah ... kalau sekiranya maknanya kita kata kalau ada satu kesalahan tidak boleh tanya orang yang dituduh yang melakukan kesalahan, tak betul, kita kena tanya dua-dua pihak. Jadi kalau tanya orang yang menuduh pun satu hal juga, dia orang menuduh dia buat-buat ada saja tuduhan, boleh dia buat. Sebab itu kita dalam kaedah Islam yang bermakna *orang yang mendakwa dia kemukakan bukti, orang yang mengengkar dia bersumpah*, kita ada kaedah dia. Jadi maklumat awal begitu, saya ada maklumat begini Wakil Kemasik maklumat begitu, kita tinggal begitu saja kita balah pun dalam ni dok selesai lagi kita sedang buat kajian. Boleh bersetuju begitu, ke nak cakap lagi?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Boleh saya tambah sedikit saja?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak payahlah, kita terus kepada soalan. Sekarang ni maklumat awal, simpan maklumat tu, *check* dulu siasat, sila duduk. Sila Yang Berhormat menjawab soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, saya menjelaskan perkara itu timbul dalam Dewan kelmarin, saya ada maklumat saya terangkan. Adapun kes yang belum selesai dibicarakan di Mahkamah Syariah sehingga Jun 2003 seperti berikut:

Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu	1,377 kes
Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu	901 kes
Mahkamah Rendah Syariah Kemaman	607 kes
Mahkamah Rendah Syariah Dungun	351 kes
Mahkamah Rendah Syariah Marang	257 kes
Mahkamah Rendah Syariah Hulu Terengganu	229 kes
Mahkamah Rendah Syariah Setiu	191 kes
Mahkamah Rendah Syariah Besut	353 kes

Adapun kaitan soalan yang berikutnya, tiga jenis kes yang terbanyak ialah:

3 SEPTEMBER 2003

- Permohonan pengesahan Nikah -  
Ramai orang bernikah hak belah alik sana barangkali nak mengesah tu, lebih-lebih lagi orang hak tambah satu tu dibuat belah sana. Jadi lambat sedikit proses dia.
- Permohonan pengesahan cerai -  
Nak bercerai kerana Enakmen lama tu nak bercerai mesti di hadapan Hakim, depan Qadi jadi untuk pengesahannya menyebabkan kes dia lama sedikit.
- Permohonan untuk cerai -  
Lama sedikit proses dia.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan tambahan. Adalah sehingga hari ini jumlah hakim yang mengelola kes di mahkamah mencukupi bagi menyelesaikan kes-kes yang masih banyak tertunggak terutama di kawasan bandar sehingga hampir kepada 1,000 kes. Adakah hakim-hakim kita mencukupi untuk *handle* semua perkara ini?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Kena kuat sedikit, saya tidak berapa jelas.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Adakah jumlah hakim di Mahkamah Syariah kita pada hari ini mencukupi untuk menyelesaikan masalah kes yang masih tertunggak?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Alhamdulillah, sejak tahun 2003 kita dah penuh kuota Hakim di Mahkamah Rendah kita dan juga Mahkamah Tinggi. Dan Mahkamah Tinggi kita akan tambah lagi, insya Allah hakim pelantikan secara kontrak sebabnya mengikut kuota dia yang diluluskan oleh JPA maka cukup dah sekarang, satu Ketua Hakim, dua orang Hakim Mahkamah Tinggi dah cukup kuota. Jadi oleh sebab memandangkan kita memerlukan penyelesaian segera kes-kes tu kita akan tambahan dua orang Hakim lagi insya Allah, secara kontrak dan juga akan melibatkan pelaksanaan Hudud dan Qisas nanti akan kita bekalkan dengan Hakim-hakim tambahan di Mahkamah Khas dan Mahkamah Khas itu diambil Hakim daripada Mahkamah Tinggi mengikut Enakmen kita, iaitu Hakim hendaklah melantik Hakim-hakim Mahkamah Khas untuk membicarakan kes Hudud dan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Khas untuk membicarakan kes Hudud dan Qisas. Insya Allah.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Soalan tambahan. Berkenaan Hudud dan Qisas yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, langkah awal yang kerajaan ambil terhadap persiapan kepada Hakim-hakim kita dari sudut kefahaman, kursus dan seumpamanya. Apakah langkah yang telah diambil untuk masa yang terdekat ini sebelum pelaksanaan Hudud dan Qisas?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan lain dah tu, Yang Berhormat.

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan lain dah, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan lain dok apa ... saya boleh jawab belaka, tak nak beri jawab tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan hadirin, hadirat yang dihormati sekalian. Sebelum saya meneruskan soalan saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut Fasal 30.(1) iaitu hal Usul Tergempar. Di sini saya ingin mencadangkan satu usul tergepar pada Dewan yang bersidang pada hari ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... untuk membolehkan ..... ini usul penting Yang Dipertua, berkenaan dengan rakyat dan kebajikan rakyat di negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok ... dok ... tak perlu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Untuk membahaskan ataupun untuk membentangkan demi kepentingan orang ramai dan rakyat negeri Terengganu. Usul tersebut ialah – *Menyedari bahawa kerajaan berbohong kepada rakyat atas projek yang tidak wujud serta kesedihan rakyat miskin, daif di pedalaman yang terpaksa menggunakan air kesihatan dan air bukit yang kotor dan tercemar. Kerajaan juga telah menipu rakyat dengan menganugerahkan kawasan balak tanpa tender kepada puak-puak sendiri. Kerajaan juga telah melanggar Akta 127 .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang ni sesi soal jawab .... Yang Berhormat sekarang soalan ... sekarang ni sesi soalan. Peraturan Dewan mana Yang Berhormat pakai tu? Sila Yang Berhormat ... duduk Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat Wakil Ajil boleh mengemukakan soalan yang telah diberi notis, kalau Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya mohon ditangguhkan untuk membahas hal ini demi kepentingan rakyat terutama di pedalaman yang terpaksa minum air kotor, mengguna air kotor kesan daripada pembalakan yang tidak terkawal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Usul tu ada notis ke tidak tu?

3 SEPTEMBER 2003

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Saya mohon untuk mengemukakan notis ini

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Notis 24 jam Yang Berhormat, sekurang-kurangnya bukan notis serta merta, peraturan mana pakai ni. Sila duduk. Yang Berhormat, sila kemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Notis selepas soalan ni dulu. Selepas daripada soalan ni selesai ... soalan tu belum selesai lagi. Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat orang lama faham peraturan Dewan, dok perlulah ... sila duduk. Apa-apa cara sekalipun saya tidak membenarkan usul ini dibuat sekarang, sila teruskan dengan tertib pekerjaan Dewan yang ada. Sila kemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Sebelum saya kemukakan soalan, Yang Dipertua, saya mohon jaminan.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan ... soalan, soalan jangan paksa, Yang Dipertua tidak boleh dipaksa oleh sesiapa. Sila kemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Saya mohon jaminan sahaja ... mengikut Peraturan 30.(1), hak saya sebagai Ahli Dewan.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bila selesai soalan boleh dikemukakan, kalau Dewan boleh terima mengikut peraturan, kita terima. Teruskan soalan sekarang.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Saya mohon .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan soalan sekarang Yang Berhormat, sila faham. Saya paling lembut dua hari ini, sila ... saya persilakan wakil daripada Bukit Tunggal.

**YANG MULIA BERTHORMAT TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telcmong):** Dato' Yang Dipertua, perkara ini lebih mustahak kepada negeri Terengganu dan rakyat .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, sila kemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Mana keadilan Yang Dipertua?

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila kemukakan soalan Bukit Tunggal.

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): ... kerana Yang Dipertua tidak bercadang untuk memberi jaminan untuk kami membawa usul tergepar, kami menyatakan bahawa kami keempat-empat orang pembangkang akan keluar daripada Dewan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang BERTHORMAT.

[ *Yang BERTHORMAT Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Wakil Seberang Takir, Yang BERTHORMAT Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang, Wakil Telemong, Yang BERTHORMAT Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik dan Yang BERTHORMAT Encik Rosol bin Wahid, Wakil Ajil keluar daripada Dewan. ]*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT Bukit Tunggul sila.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu –

*Sejak akhir-akhir ini Bandar Kuala Terengganu telah menjadi sibuk dengan kedatangan pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negeri. Bagi memeriahkan dan menarik lebih ramai lagi pengunjung ke Bandar ini, kerajaan telah mewar-warkan pembesaran dan pengindahan "waterfront" dari Pulau Kambing ke Kedai Binjai. Apakah status rancangan pembesaran projek tersebut sekarang?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan nombor satu telah dikemukakan daripada Bukit Tunggul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, Waki Bukit Tunggul ingin tahu sejak akhir-akhir ini Bandar Kuala Terengganu telah menjadi sibuk dengan kedatangan pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negeri. Bagi memeriahkan dan menarik lebih ramai lagi pengunjung ke bandar ini, kerajaan telah mewar-warkan pembesaran dan pengindahan "waterfront" dari Pulau Kambing ke Kedai Binjai. Apakah status rancangan pembesaran projek tersebut sekarang?

Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, status rancangan projek "waterfront" telah memasuki Fasa III yang merupakan fasa terakhir pembinaan "waterfront" ini. Dan penyerahan tapak kepada kontraktor Era Sebatl Sdn. Bhd. telah dilakukan pada 11 Ogos 2003. Projek ini dijangka siap, mengikut jadualnya pada 9 Ogos 2004. Tempoh kontrak selama 52 minggu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Projek ini apa yang kita difahamkan telah lama dimaklumkan untuk dilaksanakan khususnya pembesaran tersebut, cuma apa saya dapati apakah tarikh 11 haribulan lapan ni mengikut jadual perancangan asal ataupun berlaku kelewatan? Sekiranya kelewatan, di manakah sebab-sebab kelewatan tersebut?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal memberikan tender, mengeluarkan tender, memanggil tender tidak ada *time frame* tidak ada masa yang dihadkan. Selepas kita beri tender, barulah jadual itu bermula. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Dato' Yang Dipertua, maksud saya daripada perancangan asal fasa yang ketiga bila bermula dan sebagainya, adakah ini timbul kelewatan dalam pembinaannya?

**YANG BERHORMAT DATO' WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa jua rancangan kerajaan ianya memerlukan hasrat daripada hasrat dia akan berjalan melalui beberapa proses pentadbiran. Dalam masalah ini, bukanlah projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tetapi di bawah Kementerian Pelancongan dan peruntukannya datang daripada Kementerian. Jadi kuasa untuk mengawal dan memberi perhatian kepada ini bukan kuasa negeri. Kerajaan Negeri membantu mengenai pengambilan balik tanah dan pengurusan-pengurusan yang lain dari sudut perancangan dan sebagainya. Selepas ianya siap, ianya akan diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Apa yang saya timbulkan di sini kerana memandangkan banyak projek-projek yang khususnya daripada peruntukan Pusat yang memerlukan kerjasama Kerajaan Negeri, sejak akhir-akhir ini banyak dilewat-lewatkan. Contoh yang saya beri, macam semalam benteng pemecah ombak, pembesaran jalan di Batu 6 sendiri, gali parit di Bukit Tumbuh dan beberapa projek lain, termasuk air seolah-olah ini ada suatu ... boleh dikatakan sengaja dilewat-lewatkan dari segi peruntukan dan sebagainya walaupun projek telah diluluskan. Oleh itu kita harap, projek-projek untuk kepentingan rakyat, kemajuan negeri Terengganu ini supaya dapat kerjasama yang baik daripada Pusat supaya segala projek yang diluluskan peruntukan itu tidaklah dilewat-lewatkan. Jadi harap perkara ini dalam pertimbangan Kerajaan Negeri untuk memastikan berjalan sebaik mungkin.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kuasa pelaksanaan dan keupayaan pelaksanaan memerlukan kuasa politik. Kalau kita nak kuasa pelaksanaan cepat, kita kena ubah Kerajaan Pusat.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Terima kasih. Soalan saya yang kedua –

*Baru-baru ini pertandingan "motorcross" telah diadakan di tapak projek Kompleks Sukan, Gong Badak. Siapakah penganjur pertandingan itu dan apakah kesan kepada industri pelancongan di negeri ini?*

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penganjur *motorcross* ialah Tri-Mus Motorsports (M) Sdn. Bhd. yang beralamat di Bandar Baru, Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan. Dan kesan kepada industri pelancongan negeri ini, yang pertama ialah hos penyiar pihak TV3 telah buat liputan menyeluruh

kepada acara ini dan telah menyiarkan beberapa tempat dan lokasi menarik yang telah dilakukan penggambaran sebelum daripada siaran rakaman acara *motorcross*. Kemudian yang keduanya ialah kepada pihak penganjur yang juga mempunyai krew-krew mereka sendiri yang merupakan pelancong, oleh kerana takrif "pelancong" ialah bila mereka bermalam satu malam di negeri Terengganu maka mereka dikira pelancong, peserta-peserta juga yang terlibat, pelumba-pelumba. Dan yang ketiganya ialah oleh kerana laporan-laporan negatif terhadap Kerajaan Negeri dengan kita menganjurkan, dengan memberi keizinan kepada pihak penganjur untuk menganjurkan kejohanan menunjukkan keterbukaan Kerajaan Negeri terhadap aktiviti-aktiviti sukan. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah lebih kurang kalau boleh diberi bilangan pelancong-pelancong luar yang datang untuk menyaksikan pertandingan tersebut khususnya luar daripada negeri Terengganu?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Oleh kerana ini melibatkan angka, saya memerlukan notis Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan membuat kajian tentang kesan yang baik atau tidak baik terhadap belia-belia atau remaja-remaja yang berada di sekitar tempat berlangsungnya *motorcross* tersebut. Di sebelah tempat kita buat itu sudah ada satu medan latihan mereka, di sebelah PSM tu dan itu pun kadang-kadang menimbulkan dari segi pengaruh kepada remaja kita yang tidak ada motosikal pun dia buat dengan basikal *cross* di tengah jalan. Apa kajian dari segi baik buruknya dibuat oleh kerajaan sebelum penganjuran ini diteruskan?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Sebenarnya dalam penganjuran aktiviti atau *event* *motorcross* itu telah ada satu permohonan dari pihak Persatuan Lumba Basikal untuk menganjurkan *mountain bike* mereka sendiri di situ. Tetapi oleh kerana beberapa masalah yang akhir yang tak mendapat peserta maka tidak diadakan. Tapi yang ada di sebelah daripada tempat Kompleks Sukan tu ialah satu kawasan yang kecil sebenarnya tidak mencapai taraf untuk diadakan kejohanan, yang ada itu adalah mungkin untuk latihan. Tapi kesan yang baiknya ialah kita dapat hasil daripada pembabitan *marshal* tempatan yang diuruskan oleh AAM iaitu *mashal* tempatan kita yakni belia-belia seramai 38 orang. Yang kelulusan diberi oleh AAM ini jika ada mana-mana kejohanan *motorcross*, *mashal* tempat ini boleh dipanggil dan mereka layak untuk menjadi *mashal* di dalam kejohanan-kejohanan besar termasuk kejohanan antarabangsa. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam satu siaran, apakah benar perkara ini berlaku di mana kalau disebut di sini dalam Al-Haq, ditunjuk gambar berlakunya *motorcross* ini sehingga ke subuh ... gambar saya tak bawa tapi ada disiarkan bahawa Kerajaan Negeri telah membenarkan suatu *motorcross* berlaku daripada pagi hingga ke subuh. Adakah benar dakwaan ini?

3 SEPTEMBER 2003

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak benar tu, tu bukan *motorcross*, tak benar. Al-Haq tu jadi Al-Batil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong ... oh tak dok dah. Yang Berhormat Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Terima kasih Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua. Olch kerana ada orang nak balik awal tu jadi giliran saya awal sedikit. Soalan yang pertama -

*Apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula organisasi JSR.*

YANG BERHORMAT DATO` HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya cadang soalan pertama dengan soalan kedua tu disekalikan jawapannya dan saya ingin baca -

*Apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula organisasi JSR.*

Yang keduanya, lanjutan saja -

*Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap peranan JSR pada masa kini.*

Boleh Yang Berhormat ya, saya rangkumkan sekali gus.

Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, mana-mana jabatan, institusi perlu menjalani pengkajian daripada masa ke semasa. Dan untuk itu juga tidak ketinggalan JSR akan menjalani proses pengkajian daripada masa ke semasa untuk mendapat keberkesanan semaksimum mungkin dan kebaikan pentadbiran dan organisasi terbaik. Untuk itu daripada masa ke semasa perkara ini sedang dilihat, dipantau dan diperhatikan untuk kajian.

Yang kedua, pandangan kerajaan terhadap peranan JSR ini adalah penting dan mustahak sebagai akar umbi pembantu kepada jentera pentadbiran kerajaan. Dan penglibatan rakyat ini telahpun dimasukkan di dalam hasrat dan cita-cita kerajaan baru iaitulah menjadi *syura* pemerintahan bersama di antara kerajaan dan rakyat. Dan melalui JSR ini yang tidak ada peranan jabatan tetapi peranan sumbangan kepada jabatan ianya penting dan mustahak untuk memberi fikiran, tenaga dan sebagainya kepada jentera pentadbiran.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pandangan Yang Berhormat atau kerajaan sendiri, ada kebaikan untuk membawa atau menyertakan parti-parti politik dalam JSR walaupun termasuklah cawangan UMNO sendiri?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan tidak berhasrat untuk mencampur-adukkan politik dengan kerajaan tetapi kerajaan berhasrat mengekalkan parti menguasai kerajaan kerana parti adalah suara rakyat. Oleh itu dibezakan jentera pentadbiran dengan mereka-mereka yang tak terlibat dengan politik tapi dipandu oleh dasar politik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan ada sedikit barangkali cadangan daripada kerajaan sendiri untuk mengubahsuai kedudukan pengendalian Penghulu-penghulu Mukim. Saya rasa ada baik juga jika mungkin barangkali penyusunan semula dari segi bentuk organisasi JSR untuk diletakkan Pengerusi JSR sebagai Penyelia Desa dan diberi elaun tetap supaya mereka dapat beri tumpu yang penuh, sebagaimana yang diberi kepada barangkali Penyelia-penyelia UPI dan sebagainya dan mereka barangkali boleh berkhidmat lebih baik untuk membuka pusat-pusat khidmat dan sebagainya di tempat desa masing-masing. Apa pandangan kerajaan dalam hal ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini soalan lain. Penyusunan semula pentadbiran Mukim mempunyai ciri-ciri susunan dan kesusilaan pentadbiran yang tersendiri dan ianya belum lagi bermula secara insentif, ianya masih lagi dalam usaha-usaha untuk memulakannya. Jadi kerajaan berhasrat melihat sejauh mana keberkesanan penyusunan semula ini akan memberi kesan kepada memberi efisien yang lebih lagi kepada jentera pentadbiran.

Dan mengenai dengan elaun tetap JSR, Pengerusi, Timbalan dan Setiausaha telahpun diberi elaun imbuhan tetap. Tetapi sehingga hari ini kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan ianya sebagai institusi perkhidmatan ataupun *establishment* pentadbiran.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya bagi peranan JSR. Adakah kerajaan merasa tersinggung dengan keadaan yang disebut oleh setengah pihak bahawa JSR sedang mengganggu-gugat atau mencampur-aduk dengan urusan Pentadbir Tanah di mana mereka mengumpul maklumat-maklumat daripada orang ramai untuk disyorkan kepada kerajaan atau Pejabat Tanah bagi diberi tanah-tanah milik secara berkelompok dan sebagainya. Ini satu dakwaan, adakah kerajaan mendapat maklumat bahawa ini adalah satu ugutan atau komplin daripada Pejabat Tanah sendiri setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Kerajaan ada maklumat dakwaan tetapi kerajaan sedikit pun tidak merasa terganggu di atas dakwaan itu kerana itu adalah tidak benar.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat seluruh soalan-soalan telah kita selesai pada pagi ini.

3 SEPTEMBER 2003

## TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Marilah sama-sama kita tangguhkan dengan *tasbih khafarah* dan *surahtul Ashr'*.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.55 PAGI.

**LAMPIRAN A**



**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH**  
**PENGGAL YANG KELIMA**  
**PERSIDANGAN YANG KEDUA**  
**PADA 02 DAN 03 SEPTEMBER 2003**  
**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH**  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

SOALAN 1 : Apakah strategi-strategi Kerajaan Negeri pada masa ini untuk lebih memperkasakan institusi-institusi pengajian Kerajaan Negeri iaitu KUSZA, Kolej Seri Iman, Kolej Yayasan Terengganu, TATI dan Kolej Islam Sains Terengganu (KIST). Sila senaraikan bilangan kemasukan pelajar-pelajar ke institusi pengajian tersebut mengikut kursus pada tahun-tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003. Sila nyatakan pencapaian pelajar-pelajar di institusi-institusi tersebut mengikut tahun-tahun yang dinyatakan itu.

JAWAPAN : Diantara strategi Kerajaan Negeri bagi memperkasakan Institusi-Institusi Pengajian Kerajaan Negeri seperti KUSZA, Kolej Seri Iman, Kolej Yayasan Terengganu, TATI dan Kolej Islam Sains Terengganu (KIST) ialah :-

a. **Peringkat Persekolahan**

- i. Memperlengkapkan alatan pembelajaran seperti makmal komputer, makmal sains. Bengkel Kemahiran hidup, Pusat Sumber Pembelajaran dan sebagainya.
- ii. Menghantar guru-guru untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan pembelajaran.
- iii. Memperbanyakkan aktiviti-aktiviti kem mata pelajaran kepada pelajar dengan menjemput guru-guru pakar mengikut bidang masing-masing.
- iv. Selain akademik pelajar-pelajar juga dimestikan mengikuti aktiviti kokurikulum seperti pakaian beruniform, sukan, musabaqah, syarahan, hafazan dan sebagainya.
- v. Bagi membuka minda pelajar sesi lawatan diadakan sama ada dalam Negeri Terengganu ataupun luar Negeri Terengganu.

- vi. Tahap perkembangan akademik pelajar dipantau melalui ujian bulanan/ujian penggal. Pembetulan/perubahan akan dibuat sekiranya perlu.
- vii. Mempastikan PIBG berperanan bagi menjalankan aktiviti pelajar dan juga sebagai penghubung di antara sekolah dengan ibubapa.

b. **Peringkat Pengajian Tinggi**

- i. Bermula dengan mengendalikan Program Pra Diploma kepada Diploma seterusnya Diploma Lanjutan dan ke peringkat Ijazah.
- ii. Mempelbagaikan program-program mengikut keperluan-keperluan semasa.
- iii. Mengadakan usahasama-usahasama dengan Universiti-universiti tempatan dan luar negara.

Senarai bilangan kemasukan pelajar-pelajar seperti berikut :-

	2000	2001	2002	2003
KUSZA	1207	1485	1514	764 *
KSI	-	144	48	63
KYT	741	1431	1261	812
TATI	187	189	135	156
KIST	166	212	137	105

\* Tidak termasuk pengambilan sesi Oktober 2003

Pencapaian pelajar di Institusi-Institusi tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut :-

- Jadual 1 - Pencapaian Pelajar-pelajar KUSZA
- Jadual 2 - Pencapaian Pelajar-pelajar Kolej Sri Iman
- Jadual 3 - Pencapaian Pelajar-pelajar Kolej Yayasan Terengganu
- Jadual 4 - Pencapaian Pelajar-Pelajar TATI

**JADUAL 1****PENCAPAIAN PELAJAR KUSZA TAHUN 2000 HINGGA 2002**

TAHUN/SEMESTER	2000				2001				2002			
	MEI	%	OKT	%	MEI	%	OKT	%	MEI	%	OKT	%
SEKOLAH/PUSAT												
<b>SEKOLAH PENGAJIAN ISLAM</b>												
Bilangan Pelajar	947		974		1367		1379		1545		1522	
Lulus	863	91.13	923	94.76	1360	95.10	1346	97.61	1452	93.98	1481	97.31
Lulus Bersyarat	70	7.39	21	2.16	43	3.15	13	0.94	66	4.27	15	0.99
Anugerah Dekan	48	5.07	41	4.21	101	7.39	119	8.63	148	9.45	178	11.70
Gagal	14	1.48	30	3.08	24	1.76	20	1.45	27	1.75	26	1.71
<b>SEKOLAH PENGAJIAN PENGURUSAN</b>												
Bilangan Pelajar	665		487		713		574		862		650	
Lulus	622	93.53	459	94.25	673	94.39	545	94.95	781	90.60	608	93.54
Lulus Bersyarat	31	4.66	8	1.64	28	3.93	11	1.92	59	6.84	25	3.85
Anugerah Dekan	12	1.80	5	1.03	16	2.24	23	4.01	19	2.20	28	4.31
Gagal	12	1.80	20	4.11	12	1.68	18	3.14	22	2.55	17	2.62
<b>SEKOLAH PENGAJIAN UMUM</b>												
Bilangan Pelajar	81		80		85		69		86		71	
Lulus	79	97.53	45	75.00	76	89.41	63	91.30	82	95.35	67	94.37
Lulus Bersyarat	2	2.47	5	8.33	2	2.35	4	5.80	1	1.16	2	2.82
Anugerah Dekan	2	2.47	1	1.67	7	8.24	3	4.35	1	1.16	3	4.23
Gagal	0	0.00	10	16.67	7	8.24	2	2.90	3	3.49	2	2.82

**JADUAL 2****PENCAPAIAN PELAJAR-PELAJAR KOLEJ SRI IMAN****PENCAPAIAN TAHUN 2001**

BIL	KURSUS	JUMLAH PELAJAR	LULUS	GAGAL	% LULUS
1	Pra Diploma TATI sesi 2000/2001	38	21	17	55%

**PENCAPAIAN TAHUN 2002**

BIL	KURSUS	JUMLAH PELAJAR	LULUS	GAGAL	% LULUS
1	Pra Diploma TATI sesi 2001/2002	41	24	17	59%
2	Persediaan Ijazah UNITAR sesi Mac, Jun & Nov 2002	103	91	12	88%

**PENCAPAIAN TAHUN 2003**

BIL	KURSUS	JUMLAH PELAJAR	LULUS	GAGAL	% LULUS
1	Pra Diploma TATI sesi 2002/2003	12	10	2	83%

**JADUAL 3**

KURSUS	2000	2001	2002	2003
Pra Perdagangan	75.40	70.77	73.27	66.21
Pra Perakaunan	76.27	100.00	85.00	60.00
Pra Sains	66.80	74.73	81.75	40.00
Diploma Pengajian Permagaan	93.91	93.11	92.24	95.90
Diploma Perakaunan	96.23	95.91	92.54	93.55
Diploma Sains Komputer	68.42	87.20	94.32	67.78
Diploma Sains	-	95.83	96.83	99.03

TAHUN/SEMESTER	2000				2001				2002			
	MEI	%	OKT	%	MEI	%	OKT	%	MEI	%	OKT	%
PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT												
Bilangan Pelajar	413		379		570		487		433		385	
Lulus	385	93.22	372	98.15	540	94.74	434	89.12	386	89.15	338	87.79
Lulus Bersyarat	22	5.33	6	1.58	23	4.04	34	6.98	23	5.31	28	7.27
Anugerah Dekan	12	2.91	35	9.23	21	3.68	4	0.82	5	1.15	0	0
Gagal	6	1.45	1	0.26	7	1.23	19	3.90	24	5.54	19	4.94
SEKOLAH KEJURUTERAAN												
Bilangan Pelajar	197		148		185		150		142		131	
Lulus	190	96.45	142	95.95	174	94.05	135	90.00	129	90.85	121	92.37
Lulus Bersyarat	5	2.54	4	2.70	6	3.24	8	5.33	8	5.63	4	3.05
Anugerah Dekan	5	2.54	4	2.70	4	2.16	2	1.33	3	2.11	3	2.29
Gagal	2	1.20	2	1.35	5	2.70	7	4.67	5	3.52	6	4.58
PUSAT BAHASA												
Bilangan Pelajar	51		49		75		68		80		80	
Lulus	49	96.08	47	95.92	73	97.33	68	100	80	100	78	97.50
Lulus Bersyarat	2	3.92	0	0	1	1.33	0	0	0	0	1	1.25
Anugerah Dekan	0	0	0	0	5	6.67	10	14.71	2	2.50	16	20.00
Gagal	0	0	2	4.08	1	1.33	0	0	0	0	1	1.25
SEKOLAH PENGAJIAN PENDIDIKAN												
Bilangan Pelajar	132		130		128		123		127		122	
Lulus	130	98.48	128	98.46	126	98.44	122	99.19	126	99.21	118	96.72
Lulus Bersyarat	2	1.52	0	0	1	0.78	0	0	1	0.79	2	1.64
Anugerah Dekan	2	1.52	3	2.31	9	7.03	16	13.01	5	3.94	16	14.75
Gagal	0	0	2	1.54	1	0.78	1	0.81	0	0.00	2	1.64

**SENARAI PENCAPAIAN PELAJAR TATI**

KURSUS	2000			2001			2002		
	KB	KG	%	KB	KG	%	KB	KG	%
DIPLOMA IN INFORMATION TECHNOLOGY	14	1	93	14	0	100	38	2	95
DIPLOMA IN MECHATRONICS	27	0	100	23	1	96	22	4	85
DIPLOMA IN TOOL & DIE DESIGN	35	0	100	38	0	100	26	2	93
DIPLOMA IN TOOL & DIE MAKING	33	0	100	41	1	97	37	4	90
JUMLAH	109	1	99	116	2	98	123	12	91

KURSUS	2000			2001			2002		
	KB	KG	%	KB	KG	%	KB	KG	%
HND IN MANUFACTURING ENGINEERING	19	9	68	27	1	96	26	0	100
HND IN ELECTRICAL & ELECTRONICS ENG	27	2	93	35	1	97	25	0	100
HND IN SOFTWARE ENGINEERING	24	2	92	38	2	95	34	0	100
HND IN BUSINESS & COMPUTING	0	0	0	20	0	100	20	0	100
JUMLAH	70	13	81	120	4	97	105	0	100

KURSUS	2000			2001			2002		
	KB	KG	%	KB	KG	%	KB	KG	%
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KIMIA	40	2	95	30	2	95	21	0	100
HND IN BUSINESS & COMPUTING	28	5	85	20	6	77	20	0	100
JUMLAH	68	7	91	59	8	88	41	0	100

**SENARAI BILANGAN KEMASUKAN PELAJAR**

KURSUS	2000	2001	2002	2003
DIPLOMA IN INFORMATION TECHNOLOGY	15	14	40	35
DIPLOMA IN MECHATRONICS	27	24	26	43
DIPLOMA IN TOOL & DIE DESIGN	35	38	28	33
DIPLOMA IN TOOL & DIE MAKING	33	42	41	45
JUMLAH	110	118	135	156

KURSUS	2000	2001	2002	2003
HND IN MANUFACTURING ENGINEERING	17	9	0	0
HND IN ELECTRICAL & ELECTRONICS ENGINEERING	16	9	0	0
HND IN SOFTWARE ENGINEERING	18	16	0	0
HND IN BUSINESS & COMPUTING	0	20	0	0
JUMLAH	51	54	0	0

KURSUS	2000	2001	2002	2003
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KIMIA	11	6	0	0
IJAZAH SARJANA MUDA KEJ. MEKANIKAL	15	11	0	0
JUMLAH	26	17	0	0

SOALAN 2

: Berapakah jumlah perbelanjaan dan jumlah pendapatan (termasuk grant daripada kerajaan) institusi pengajian Kerajaan Negeri Terengganu iaitu KUSZA, Kolej Seri Iman, Kolej Yayasan Terengganu, TATI dan Kolej Islam Sains Terengganu pada tahun-tahun 2000, 2001 dan 2002 ?. Daripada manakah sumber pembiayaan mereka ?

Jumlah perbelanjaan dan pendapatan (termasuk grant daripada Kerajaan) Institusi-institusi pengajian Kerajaan Negeri Terengganu iaitu KUSZA, Kolej Seri Iman, Kolej Yayasan Terengganu, TATI dan Kolej Islam Sains Terengganu (KIST) adalah seperti berikut :-

Lampiran 1 – KUSZA

Lampiran 2 – Kolej Seri Iman

Lampiran 3 – Kolej Yayasan Terengganu

Lampiran 4 – TATI

Lampiran 5 – Kolej Islam Sains Terengganu (KIST)

LAMP IRAN 1

KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN  
KUALA TERENGGANU

JUMLAH PERBELANJAAN/PENDAPATAN/SUMBER  
PEMBIAYAAN KUSZA TAHUN 2000 - 2002

PERKARA	TAHUN 2000 (RM)	TAHUN 2001 (RM)	TAHUN 2002 (RM)
Jumlah Perbelanjaan	22,284,725	21,927,493	26,321,833
Jumlah Pendapatan	23,125,637	39,293,807	25,801,093
Sumber Pembiayaan			
a Caruman Kerajaan Negeri	16,000,000	12,000,000	
b Yuran Pelajar	1,872,442	2,825,617	2,790,235
c Pelbagai Pendapatan/ Sewaan	4,746,805	6,039,190	8,102,598
d Dana Khas	-	18,429,000	15,429,000

LAMPIRAN 2

KOLEJ SRI IMAN

Kolej Sri Iman mula mendapat kelulusan lesen IPTS pada 19 Disember 2000. Oleh itu operasi hanya bermula pada tahun 2001. Sebelum itu hanya program kecil sahaja dijalankan.

Jumlah perbelanjaan dan jumlah pendapatan (termasuk Geran daripada Kerajaan) yang diterima bagi tahun 2000, 2001 dan 2002.

	2000	2001	2002
JUMLAH PERBELANJAAN		RM1,529,275.39	RM952,483.48
JUMLAH PERBELANJAAN		RM317,368.95	RM276,995.73
GERAN KERAJAAN		RM630,000.00	RM1,683,200.00

Sumber Pembiayaan Diperolehi dari sumber-sumber berikut :-

1. Geran Kerajaan.
2. Yuran Pelajar.
3. Sewaan Kemudahan Kolej (Bilik Kuliah, Bas dll)

#### LAMPIRAN 3

Kolej Yayasan Terengganu merupakan anak Syarikat Yayasan Terengganu dan milik penuh Syarikat Wawasan Wibawa Sdn. Bhd. Sumber utama pendapatan KYT ialah daripada yuran pengajian pelajar yang dibayar oleh pihak penaja.

Pada tahun 2000, jumlah pendapatan KYT ialah sebanyak RM2,810,678.86 juta, perbelanjaan bersih sebanyak RM2,607,505.33

Pada tahun 2001, jumlah pendapatan KYT ialah sebanyak RM3,002,580.27 juta, perbelanjaan bersih sebanyak RM2,976,510.16

Pada tahun 2002, jumlah pendapatan KYT ialah 2,928,314.00 juta, perbelanjaan bersih sebanyak RM3,406,718.85. Kekurangan pendapatan tahun 2002 ditampung dari pendapatan tahun-tahun sebelumnya dan sumbangan daripada Yayasan Terengganu. Perbelanjaan tahun 2002 banyak melibatkan penyediaan alat-alat bantuan mengajar seperti 3 bilik makmal sains, 2 bilik makmal komputer 1 bilik makmal bahasa dan ubahsuai perpustakaan.

#### LAMPIRAN 4

TERENGGANU ADVANCED TECHNICAL INSTITUTE (TATI)  
Kampus TATI, Jalan Panchor, Teluk Kalong, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman  
PENYATA GERAN, PERBELANJAAN DAN HASIL  
Bagi Tahun 2000 Hingga 2002

PERKARA	2000 (RM)	2001 (RM)	2002 (RM)
<b>A. GERAN</b>			
Kerajaan Negeri Terengganu (KNT)	9,200,000	(2,899,100)	-
Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU)	2,380,000	-	-
Kementerian Pendidikan Malaysia/Wang Ehsan (KPM)	-	14,596,400	7,298,200
<b>JUMLAH GERAN DITERIMA</b>	<b>11,580,000</b>	<b>11,697,300</b>	<b>7,298,200</b>
<b>B. PERBELANJAAN PENGURUSAN</b>			
Emolumen	3,051,777	3,447,886	4,186,206
Susutnilai	1,059,965	1,375,253	1,510,186
Lain-lain Belanja Pengurusan	3,351,172	2,793,595	2,761,306

JUMLAH PERBELANJAAN PENGURUSAN	7,462,915	7,616,734	8,457,698
C. <u>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MODAL</u>	3,868,519	2,214,717	1,230,095
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN	11,331,434	9,831,452	9,667,794
D. <u>HASIL</u>			
Yuran Pelajar	5,494,508	4,690,296	3,256,240
Royalti Kursus (SMIDEC)	-	174,917	101,057
Lain-lain	186,519	283,085	356,132
JUMLAH HASIL	5,681,027	5,148,298	3,713,429
E. KEUNTUNGAN (KERUGIAN)	(1,781,888)	(2,468,436)	(4,744,269)

Dibayai Oleh :-

1. Kerajaan Negeri Terengganu (KNT)
2. Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU)
3. Kementerian Pendidikan Malaysia/Wang Ehsan (KPM)
4. Kutipan Yuran Pelajar & Lain-lain Hasil.

LAMPIRAN 5

Jumlah perbelanjaan serta jumlah pendapatan KIST mengikut tahun ialah :-

Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan
2000	RM102,908.00	RM698,582.20
2001	RM84,341.00	RM957,848.37
2002	RM120,066.00	RM902,570.27
JUMLAH	RM307,315.00	RM2,559,000.84

\* Hasil pendapatan di atas adalah daripada yuran pelajar dan juga hasil sewaan asrama kepada genasi-agensi luar.

Pembiayaan ini diperolehi daripada yuran-yuran pelajar, bantuan pendidikan daripada MAIDAM, aktiviti-aktiviti projek dan pelaburan Yayasan Terengganu dan juga sebahagian daripada grant Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman yang diperuntukkan bagi setiap tahun.

Yayasan Terengganu telah memperolehi grant daripada Kerajaan Negeri mengikut pecahan tahun iaitu :-

Tahun	Jumlah Grant
2000	RM21,000,000.00
2001	RM14,000,000.00
2002	RM13,000,000.00

- KIST mula beroperasi pada tahun 2001. Sebelum daripada tahun tersebut ianya dikenali dengan nama Kelas Mulia Bestri SMKTAI-YT Kuala Berang (KMB-SMKTAI YT Kuala Berang).
- SOALAN 3 : Berapakah jumlah bantuan kebakaran yang diberikan kepada beberapa peniaga di Pasar Kedai Payang yang mengalami tragedi kebakaran baru-baru ini ?
- JAWAPAN : Jumlah bantuan kebakaran yang diberikan kepada beberapa peniaga di Pasar Kedai Payang yang mengalami tragedi kebakaran baru-baru ini ialah sebanyak RM300.00 seorang seramai 12 orang peniaga.
- SOALAN 4 : Sebidang tanah wakaf MAIDAM di Tok Jembal sedang dimajukan oleh pemaju dengan projek perumahan. Siapakah pemaju tersebut ?. Adakah projek tersebut diberi secara tender atau runding terus ?. Adakah pemaju telah menandatangani sebarang perjanjian dengan MAIDAM ?. Apakah terma-terma utama perjanjian tersebut iaitu tempoh pembangunan yang dipersetujui dan pulangan yang akan diperolehi oleh MAIDAM ?.
- JAWAPAN : Tanah MAIDAM berketerangan Lot 12620-12668 di Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu telah dimajukan secara usahasama sebagai projek perumahan yang mengandungi 92 unit rumah teres 1 tingkat dan 7 unit rumah kedai 2 tingkat.
- Projek ini telah diserahkan kepada Syarikat Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan MAIDAM dan Mesyuarat Majlis.
- Perjanjian telah ditandatangani diantara MAIDAM dan Syarikat Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. pada 28 November 2002.
- Perjanjian ini mengkehendaki pihak pemaju menyiapkan projek ini dalam tempoh 2 tahun dan menanggung semua kos berkaitan pembinaan dan tanah tidak boleh digadai untuk membiayai pembinaan.
- Sebagai balasan MAIDAM telah diperuntukkan 14 unit rumah teres 1 tingkat dan 3 unit rumah kedai 2 tingkat.
- SOALAN 5 : Difahamkan baru-baru ini sebuah anak syarikat PTB Holding Bhd. yang berkaitan dengan pemiagaan saham telah meminda Memorandum dan Artikel Penubuhannya untuk membolehkan pemegang-pemegang sahamnya membuat pinjaman dari anak syarikat tersebut. Apakah rasionalnya tindakan tersebut ?. Siapakah pemegang-pemegang sahamnya yang telah membuat pinjaman dari anak syarikat tersebut ?.
- JAWAPAN : Rasional pindaan Memorandum dan Artikel Pertubuhan syarikat tersebut adalah bagi membolehkan pendahuluan atau pinjaman dibuat kepada pemegang-pemegang saham. Pindaan kepada Memorandum dan Artikel

Pertubuhan tersebut telahpun diluluskan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur pada 19 Mac 2003.

Senarai pemegang-pemegang saham yang telah membuat pinjaman dari anak syarikat tersebut adalah seperti berikut :-

1. Permodalan Terengganu Berhad dan
2. Yayasan Islam Terengganu.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI**  
**WAKIL KEMASIK**

- SOALAN 1 : Kerajaan Negeri telah menolak cadangan Kerajaan Pusat untuk mengambil alih pengurusan air.
- i) Sebutkan jumlah pendapatan hasil air mengikut pecahan tahun semenjak tahun 2000.
  - ii) Berapakah yang telah diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi tujuan menyelenggara operasi bekalan air.
  - iii) Nyatakan kerugian akibat kebocoran paip air.
  - iv) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan kadar caj air.
- JAWAPAN : i) Jumlah pendapatan hasil air mengikut pecahan tahun semenjak tahun 2000 adalah seperti berikut :-

Tahun	Jualan (RM)	Kutipan (RM)
2000	66,052,948.35	64,678,293.35
2001	72,135,220.07	70,021,804.91
2002	67,858,299.46	71,185,214.17

Hasil jualan ialah jumlah penggunaan air yang dibilkan kepada pengguna atau yang diakaunkan manakala jumlah kutipan ialah hasil jualan yang berjaya dikutip pada tahun tersebut.

- i) Semua perbelanjaan penyelenggaraan operasi bekalan air ditanggung oleh SATU. Tiada peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri setakat ini.

- ii) Kehilangan air pada tahun 2002 secara puratanya adalah sebanyak 32.89% daripada jumlah pengeluaran air bersih. Peratusan ini menunjukkan kehilangan air bersih yang tidak terakaun (NRW) ialah sebanyak 43,040,265 meter padu atau RM12,817,255.52. Kadar (NRW) peringkat nasional pada 2001 adalah 44.4%.

Kehilangan air bersih adalah disebabkan oleh tiga faktor iaitu kebocoran paip air, kecurian air dan ketidaktepatan (kekurangan) bacaan meter air akibat kerosakan meter.

- iv) Sehingga pada hari ini, Kerajaan Negeri belum bercadang menaikkan kadar caj air di negeri ini.

SOALAN 2 : Sila sebutkan perkembangan operasi Kilang Papan Pesama Timber Corporation di Kemaman dan Pesaka Timber di Bukit Besi dan adakah benar Kerajaan Negeri bercadang untuk menutup kilang-kilang tersebut.

JAWAPAN : Operasi kedua-dua Syarikat, Kilang Papan Pesama Timber Corporation di Kemaman dan Pesaka Timber di Bukit Besi berjalan seperti biasa, seperti yang dirancangan oleh pihak pengurusan Syarikat selaras dengan strategi pemiagaan Syarikat keseluruhannya.

Pihak Syarikat akan terus merancang perkembangan aktiviti-aktiviti di kedua-dua Syarikat ini dari masa ke semasa, bersesuaian dengan keadaan ekonomi dan pasaran semasa supaya operasi Syarikat dapat mencapai keuntungan dan Syarikat mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat, khususnya rakyat setempat.

SOALAN 3 : Apakah Kerajaan Negeri Terengganu ada memohon pinjaman daripada Kerajaan Pusat semenjak tahun 2000 dan jika ada, sila sebutkan jumlah yang dipohon serta tujuan pinjaman tersebut.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah memohon sebanyak 6 pinjaman daripada Kerajaan Pusat semenjak tahun 2000 berjumlah RM127,488,741.00.

#### A. Pinjaman Untuk Mengimbangi Defisit Kerajaan Negeri

<u>Bil.</u>	<u>Projek</u>	<u>No. Pinjaman/ Tarikh Perantian</u>	<u>Jumlah Pinjaman (RM)</u>
1.	Membiayai Keperluan Bagi Menangani Masalah Y2K Kerajaan Negeri Terengganu.	111D/2000/003 29.03.2000	2,888,741.00

#### B. Pinjaman Bagi Projek Bekalan Air

<u>Bil.</u>	<u>Projek</u>	<u>No. Pinjaman/</u>	<u>Jumlah Pinjaman (RM)</u>
-------------	---------------	----------------------	-----------------------------

		<u>Tarikh Perjanjian</u>	
1.	Bina/Pasang Loji/Kolam Takungan Dan Paip Utama Besut.	111B/2001/045 07.02.2002	19,400,000.00
2.	Bina/Pasang Loji/Kolam Takungan Dan Paip Utama Dungun.	111B/2001/046 07.02.2002	25,000,000.00
3.	Bina/Pasang Loji/Kolam Takungan Dan Paip Utama Kuala Terengganu Peringkat III.	111B/2001/044 07.02.2002	47,000,000.00
4.	Bekalan Air Bersih Tasik Kenyir.	111B/2001/047 07.02.2002	13,200,000.00
5.	Membiayai Projek Membaikpulih Dan Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Negeri Terengganu.	111B/2002/001 28.06.2002	20,000,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>127,488,741.00</b> =====

- SOALAN 4 : Sila sebutkan kesalahan jenayah yang direkodkan di Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah pada tahun 2000 dan enam bulan pertama tahun ini.
- JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 5 : Sila senarai bangunan-bangunan kerajaan yang dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu dan dirasmikan oleh Kerajaan Pas hari ini.
- JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. ENCIK ROSOL BIN WAHID**  
**WAKIL AJIL**

SOALAN 1 : Kerajaan negeri telah menghantar rombongan untuk meninjau hudud dan pelaksanaan syariah di negara-negara Asia Barat. Nyatakan nama-nama negara yang telah dikunjungi berserta tarikh dan nyatakan juga kos setiap rombongan tersebut dan jumlah ahli/peserta yang mengikuti rombongan-rombongan itu.

JAWAPAN : Setakat ini hanya satu rombongan sahaja yang dihantar oleh Kerajaan Negeri untuk meninjau Pelaksanaan Hudud dan Qisas di Negara-Negara Asia Barat. Butir-butir lawatan adalah seperti berikut :-

1. **Senarai Ahli-ahli Rombongan**

- i. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Negeri  
(Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib)
- ii. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Pentadbiran Awam Negeri.  
(Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong)
- iii. Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri Terengganu  
(Y.A.A. Dato' Dr. Hj. Abdullah bin Abu Bakar)
- iv. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Terengganu  
(Tuan Hj. Yusof bin Abdul Rahman)
- v. Penolong Setiausaha Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah Dan Pelaksanaan Syariah Negeri  
(Tuan Hj. Yussof bin Ali)

Turut serta dalam rombongan ini ialah dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dan seorang Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dengan perbelanjaan sendiri. Mereka ialah :-

- i. EXCO Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan  
(Y.B. Tuan Hj. Mohamad bin Daud)
- ii. Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu  
Kawasan Kuala Berang  
(Y.B. Dr. Hj. Mamad bin Puteh)

- iii. Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu  
Kawasan Paka  
(Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat)

2. **Negara-Negara Yang Dilawati**

- i. Negara Sudan
- ii. Negara Nigeria, (Wilayah KANO)
- iii. Saudi Arabia (dibatalkan kerana masalah visa)
- iv. Mesir

3. **Jadual Lawatan/Perjalanan**

Tarikh	Masa/Perkara
10.3.2003	Jam 10.30 malam – rombongan bertolak dari KLIA ke Amman, Jordan.
12.3.2003	Jam 12.30 malam – rombongan bertolak dari Amman, Jordan ke Khartoum, Sudan.
15.3.2003	Jam 6.30 pagi – rombongan bertolak dari Khartoum, Sudan ke Wilayah Kano, Nigeria.
22.3.2003	Jam 10.45 pagi – rombongan bertolak dari Kano, Nigeria ke Khartoum, Sudan.
23.3.2003	Jam 8.00 pagi – rombongan bertolak dari Sudan ke Kaherah.
27.3.2003	Rombongan bertolak dari Kaherah, Mesir ke Amman untuk bertolak ke Kuala Lumpur.
29.3.2003	Rombongan bertolak dari Amman, Jordan ke Kuala Lumpur.
30.3.2003	Bertolak balik ke Kuala Terengganu.

4. **Perbelanjaan Yang Tertibat**

- i. Pendahuluan Diri yang Diluluskan RM120,888.00
- ii. Jumlah Perbelanjaan yang terlibat RM110,677.81 \*

Jumlah tersebut belum lagi ditolak dengan wang pulangan balik dari syarikat penerbangan Royal Jordanian untuk lima orang bagi penerbangan Khartoum ke Jeddah ke Kaherah. Rombongan terus terbang dari Khartoum ke Kaherah dengan membeli tiket lain. Penerbangan ke Jeddah dibatalkan kerana masalah visa.

SOALAN 2

TTH EXIM SDN BHD adalah agensi pelaburan dan pemasaran produk Negeri Terengganu. Nyatakan kejayaan agensi ini sejak tahun 2000 hingga sekarang dalam :-

- a. Berapa ramaiakah pelabur luar negara yang berjaya di bawa masuk ke Terengganu dari tahun 2000 hingga 2003.
- b. Nyatakan jumlah pelaburan asing (dalam Ringgit Malaysia) yang telah berjaya di bawa masuk ke Terengganu pada tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003.
- c. Siapakah Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tersebut (TTH EXIM Sdn Bhd).
- d. Apakah produk yang syarikat ini telah berjaya pasarkan ke peringkat antarabangsa dan berapakah nilainya.

JAWAPAN

- a. TTH Exim Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat pemasaran dan penjualan produk tempatan khususnya roselle dan ianya bukan agensi pelaburan bagi negeri Terengganu.
- b. Tiada kaitan dengan TTH Exim.
- c. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tersebut (TTH Exim Sdn. Bhd.)

**Ketua Pegawai Eksekutif**

1. En. Mohd Ismahali bin Mohd Ismail

**Ahli Lembaga Pengarah**

1. Haji Wan Nawawi bin Hj Wan Ismail
2. Haji Mohd Tahir bin Hj. Roos

- d. TTH Exim Sdn. Bhd. memasarkan produk-produk ke Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Brunei, China dan Indonesia. Nilai keseluruhan produk-produk yang diekspot ialah RM1.896 juta.

**Produk Berasaskan Roselle**

Kordial Roselle  
Tea Herbal Roselle  
Jem Roselle  
Halwa Roselle  
Jus Minuman Terus Roselle  
Roselle Kering

ii. **Produk Berasaskan Cip Buah-Buahan**

Cip Nangka  
Cip Pisang  
Cip Campuran Sayuran

iii. **Produk Berasaskan Perikanan**

Kerepek Ikan/Keropok

SOALAN 3 : Sejak dari tahun 2000 hingga sekarang nyatakan secara terperinci mengikut tahun berapa banyakkah kerajaan Terengganu telah menerima atau mendapat sumbangan/bantuan kerajaan Persekutuan dari sumber Wang Ehsan/Royalti Minyak/Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Dan nyatakan juga tujuan wang/ sumbangan tersebut dibelanjakan.

JAWAPAN : 1. Sejak tahun 2000 hingga sekarang, Kerajaan Terengganu tidak pernah terima atau mendapat sumbangan/bantuan Kerajaan Persekutuan melainkan mengikut undang-undang. Aliran kewangan antara Persekutuan dan Negeri di panggil "Pemberian" mengikut Artikel 109. Manakala Artikel 110 pula memperihalkan penyerahan cukai dan bayaran kepada Kerajaan Negeri oleh Persekutuan.

2. Segala hasil dan wang yang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan dan Undang-undang Persekutuan (Acts of Parliament) hendaklah dimasukkan ke dalam serta menjadi satu Kumpulanwang Persekutuan Disatukan Artikel 97. Buku Budget Persekutuan tidak memuatkan didalamnya sumber Wang Ehsan/Dana Khas Kerajaan Persekutuan melainkan Kod Royalti Petroleum yang diterima Kerajaan Persekutuan sebanyak 5% dibawah Perjanjian Kemajuan Petroleum 1974.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH**  
**WAKIL KUALA BERANG**

SOALAN 1 : Berkenaan hakmilik tanah Pulau Redang. Berapakah keluasan tanah yang diberi milik mengikut "title"? Sebutkan keluasan yang diluluskan kepada orang Melayu dan bukan Melayu?

JAWAPAN : Keluasan tanah yang diberimilik mengikut 'title' dan keluasan yang diluluskan kepada orang Melayu dan bukan Melayu adalah seperti berikut:-

i) Jumlah hakmilik berdaftar di PTG.

Pajakan Negeri		Geran Mukim		Hakmilik Sementara Daftar (HS(D))	
Bil. Hakmilik	Keluasan (ha)	Bil. Hakmilik	Keluasan (ha)	Bil. Hakmilik	Keluasan (ha)
4	5.21	4	15.22	16	295.41

Keluasan yang diluluskan kepada orang Melayu dan bukan Melayu.

Melayu - 2.73 hektar

Lain-lain Bangsa/Kerajaan/  
Badan Berkanun/Syarikat - 313.11 hektar

ii) Jumlah hakmilik berdaftar di Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.

Geran Mukim		Hakmilik Sementara (Mukim)	
Bil. Hakmilik	Keluasan (ha)	Bil. Hakmilik	Keluasan (ha)
130	153.73	33	30.42

Keluasan yang diluluskan kepada orang Melayu dan bukan Melayu.

Melayu - 473.96 hektar

Lain-lain Bangsa/Kerajaan/  
Badan Berkanun/Syarikat - 19.5 hektar

SOALAN 2 : Pembinaan sekolah-sekolah di Terengganu.

- JAWAPAN :
- a) Berapakah jumlah lokasi diluluskan sehingga kini di bawah pemerintahan baru?
  - b) Daripada jumlah tersebut itu, berapakah jumlah yang telah siap, berapa dalam pembinaan dan berapa pula belum dibina lagi?
  - (c) Berapa buah yang dibina oleh JKR dan berapa buah oleh PMC?
- (a) Jumlah lokasi diluluskan sehingga kini di bawah pemerintahan kerajaan baru adalah sebanyak 55 lokasi.
- (b) Daripada jumlah tersebut:-
- (i) Telah siap sebanyak 7 buah.
  - (ii) Dalam pembinaan sebanyak 39 buah.
  - (iii) Belum dibina sebanyak 9 buah.
- (c) Dibina oleh JKR sebanyak 5 buah dan 55 buah dibina oleh PMC.

SOALAN 3 : Sebutkan jumlah keluasan dan hasil premium balak tahunan bermula 1996 hingga 2002?

JAWAPAN : Premium balak yang dapat dikutip dari tahun 1996 hingga 2002 (mengikut penyata yang telah diaudit) adalah seperti berikut :-

1996	RM	11,149,652.55
1997	RM	17,685,567.43
1998	RM	5,748,790.28
1999	RM	4,838,961.30
2000	RM	18,890,534.37
2001	RM	24,386,150.37
2002	RM	39,324,148.41
		-----
	RM	122,023,804.71
		=====

SOALAN 4 : Berkenaan Empangan Kenyir I dan II.

- a) Berapakah keluasan tanah yang ditenggelami air setelah dibina Empangan Kenyir I?
- b) Berapakah keluasan tanah yang dijangka ditenggelami air apabila dibina Empangan Kenyir II?
- c) Sila nyatakan premium hasil balak yang telah diperolehi apabila Empangan Kenyir I dibina?

d) Sila nyatakan anggaran premium hasil balak yang akan diperolehi apabila dibina Empangan Kenyir II?

JAWAPAN :

- a) Keluasan yang ditenggelami air adalah 65,855 hektar.
- b) Kawasan tanah yang dijangka ditenggelami air adalah 16,599 hektar.
- c) Premium hasil balak yang dikutip berjumlah RM1.7 juta sahaja.
- d) Premium hasil balak yang akan diperolehi adalah berjumlah RM265 juta.

SOALAN 5 :

Berkenaan Bantuan Membaiki dan Membina Rumah oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan MAIDAM pada tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003.

- a) Berapakah jumlah yang terlibat?
- b) Berapakah kosnya?
- c) Berapa lagi permohonan yang belum diproses?
- d) Apakah dasar kerajaan dalam pemberian bantuan tersebut?

a)

	2000	2001	2002	2003 (Sehingga Julai)
Jabatan Kebajikan Masyarakat	102 buah	35 buah	105 buah	132 buah
MAIDAM	275 buah	295 buah	437 buah	401 buah

b)

	2000	2001	2002	2003 (Sehingga Julai)
Jabatan Kebajikan Masyarakat	RM300,000.00	RM95,000.00	RM187,150.00	RM324,100.00
MAIDAM	RM304,609.94	RM284,033.96	RM1,192,821.78	RM1,021,650.00

- c) Sehingga Julai 2003, permohonan yang belum diproses bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah sebanyak 90 buah sementara bagi MAIDAM pula ialah sebanyak 1435 buah.

- d. Dasar kerajaan adalah bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal yang selamat untuk didiami serta sempurna dan lengkap dengan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan tandas. Peserta PPRT atau mereka yang benar-benar miskin adalah layak untuk dipertimbangkan diberi bantuan membaiki/membina baru rumah menerusi peruntukan yang dikeluarkan oleh UPEN dan MAIDAM sekiranya mereka tidak mempunyai rumah atau menumpang di rumah orang lain.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI**  
**WAKIL RANTAU ABANG**

- SOALAN 1 :
- Berapakah sebenar keluasan tanah di Terengganu yang digunakan untuk penanaman tembakau mengikut pecahan daerah ?
  - Apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada pengusaha-pengusaha tembakau di Terengganu ?
  - Berapakah jumlah pengusaha tembakau yang terlibat ?
  - Apakah perancangan kerajaan untuk jangka masa panjang terhadap penanaman tembakau ini ?
  - Berapakah hasil yang berjaya dipungut oleh kerajaan dari penanaman tembakau mengikut pecahan tahun yang bermula dari 1998 hingga 2002 ?
  - Bagaimanakah kedudukan negeri Terengganu dalam senarai jumlah pengeluaran tembakau jika nak dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ?

**JAWAPAN**

1(a)

BIL	DAERAH	KELUASAN (HEKTAR)
1.	Besut	1,634.00
2.	Setiu	278.27
3.	Kuala Terengganu	290.03
4.	Marang	346.07
5.	Hulu Terengganu	5.30
	Jumlah	2,553.67

**Catatan:**

Daerah Dungun dan Kemaman tidak ada tanaman tembakau

- 1(b) Bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk kelulusan tanah untuk menjayakan Projek PPI/PPRT, TITT Rhu Tapai, Setiu seperti berikut:-

- (i) FASA 1 – Tanah kerajaan Lot No. 511. Rezab Jabatan Pertanian, Rhu Tapai, Setiu seluas 200 hektar.

Ruj. Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 35/1998 – Oktober 1998 melalui surat UPEN.TR.005/03/06 JLD.2 – 8 November 1998.

- (ii) FASA II - Kelulusan daripada Pentadbir Tanah Setiu membenarkan empat (4) lot berikut PT 3431 (97.50 hektar) PT. 3434 (28.00 hektar) PT 3432 (23.00 hektar) dan PT 3433 (21.00 hektar) – pelan No. Syit 25 – A/25B.

Melalui surat UPEN.TR.005/03/23 Jld. 2 (36) bertarikh 20 Oktober 1999

- (iii) FASA III - Persetujuan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 33/2001 – 21 November 2001 – Kelulusan 183 hektar di Rhu Tapai, Setiu melalui surat UPEN.TR.005/03/23 Jld. 4(38) bertarikh 27 November 2001.

- 1(c) Pengusaha tembakau yang dimaksudkan dan terlibat ialah peserta PPI/PPRT, TITT Rhu Tapai, Setiu.

Fasa I - 22 peserta

Fasa II - 28 peserta

Fasa III - 41 peserta

- 1(d) Sebagaimana digariskan dalam Pelan Induk Pertanian Negeri Terengganu Tahun 2001 – 2010.

Kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan lagi tanaman tembakau untuk masa ini, satu tanaman alternatif yang mempunyai nilai ekonomi yang setara akan dicari, aktiviti sediaan akan diteruskan bagi meningkatkan pengeluaran. Bagi projek-projek yang baru dibuka ianya akan digantikan dengan tanaman alternatif secara berperingkat dan dijangka selesai dalam tempoh sepuluh tahun.

- 1(e) Nilain Sumbangan Industri Tembakau kepada Penanam Pengawet Individu (PPI), Pengawet, Penanam dan lain-lain di Negeri Terengganu.

TAHUN	(RM JUTA)
1998	31.80
1999	23.70
2000	21.97
2001	25.13
2002	35.15
2003	30.80

Catatan:-

Termasuk Bantuan Khas RM2.50/kg. (Tahun 2001 dan 2002 sahaja)

- 1(f) Kedudukan Negeri Terengganu ditempat kedua daripada negeri-negeri yang dinyatakan seperti di bawah:-

Bil	Negeri	Pengeluaran Daun Kering (Juta Kg.)	Nilai (RM Juta)
1.	Kelantan	7.6	106.4
2.	Terengganu	2.2	30.8
3.	Kedah	0.9	12.6
4.	Perlis	0.7	9.8
5.	Pahang	0.1	1.4
Jumlah		11.5	161.0

SOALAN 2

- (a) Berapakah sebenarnya keluasan tanah di Terengganu yang diserahkan kepada KETENGAH untuk dimajukan mengikut pecahan daerah ?
- (b) Berapa peratuskah yang digunakan setakat ini oleh KETENGAH untuk sektor pertanian dan juga sektor perumahan daripada keseluruhan keluasan yang ada ?
- (c) Setakat manakah hubungan kerajaan negeri dengan KETENGAH dan apakah kuasa yang ada kepada kerajaan negeri ke atas KETENGAH ?

JAWAPAN

Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

- SOALAN 3 : (a) Berapakah jumlah kadar kelahiran dan kematian di Terengganu mengikut tahun yang bermula 1998 hingga Disember 2002 ?
- (b) Berapakah jumlah penduduk Melayu, Cina, India dan lain-lain di Terengganu mengikut perangkaan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2002 mengikut jantina ?

- JAWAPAN : (a) Kadar kelahiran dan kematian adalah sebagaimana jadual berikut:-

**KADAR KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1998 - 2002**  
**TERENGGANU**

Tahun	Kelahiran Kasar (Bagi Setiap Ribu)	Kematian Kasar (Bagi Setiap Ribu)
1998	23.0	4.2
1999	21.3	2.1
2000	26.6	5.1
2001	23.3	5.2
2002	21.7	7.2

- (b) Jumlah penduduk Terengganu mengikut etnik dan jantina adalah seperti berikut:-

**JUMLAH PENDUDUK TERENGGANU**

ETNIK	1970	1980	1991	2002
<b>MELAYU</b>	<b>379,211</b>	<b>511,014</b>	<b>714,572</b>	<b>895,996</b>
Lelaki	186,494	254,347	357,015	453,812
Perempuan	192,717	256,667	357,557	442,184
<b>CHINA</b>	<b>22,396</b>	<b>23,654</b>	<b>26,089</b>	<b>25,568</b>
Lelaki	12,103	12,687	14,049	13,408
Perempuan	10,293	10,967	12,040	12,160
<b>INDIA</b>	<b>2,144</b>	<b>2,487</b>	<b>2,665</b>	<b>1,923</b>
Lelaki	1,121	1,241	1,615	1,090
Perempuan	1,023	1,246	1,050	833

<b>LAIN-LAIN</b>	<b>1,173</b>	<b>4,453</b>	<b>22,918</b>	<b>21,792</b>
Lelaki	984	2,574	14,938	14,944
Perempuan	189	1,879	8,080	6,848
<b>JUMLAH</b>	<b>404,924</b>	<b>541,608</b>	<b>766,244</b>	<b>945,279</b>
Lelaki	200,702	270,849	387,517	483,254
Perempuan	204,222	270,759	378,727	462,025

- SOALAN 4 :
- (a) Berapakah pula jumlah pengidap HIV di Terengganu mengikut tahun 1998 hingga 2002 dan juga kadar kematian ?
- (b) Apakah punca utama yang mendorong kepada HIV di Terengganu mengikut keutamaan ?
- (c) Berapakah jumlah kes Denggi di Terengganu mengikut pecahan tahun dari 1998 hingga Disember 2002 dan pada kedudukan keberapakah berbanding kes yang sama dengan negeri-negeri lain diseluruh negara ?

JAWAPAN :

(a)

TAHUN	PENGIDAP HIV	PENGIDAP AIDS	KEMATIAN
1998	439	60	47
1999	430	75	60
2000	524	95	85
2001	765	69	47
2002	729	72	67
<b>JUMLAH</b>	<b>2887</b>	<b>371</b>	<b>306</b>

Pengidap HIV dan AIDS (1998 – 2002) – 3258 orang  
 Kadar Kematian = 9.39%

Secara keseluruhan (kumulatif) dari mula kes dikesan (1988) hingga 2002

Kes HIV - 5252 orang  
 Kes AIDS - 449 orang

Kematian - 437 orang

- (b)
1. Berkongsi jarum suntikan di kalangan penagih dadah - 89.75% (4714)
  2. Hubungan sex dengan orang yang telah dijangkiti - 5.29% (278)
  3. Dari ibu yang telah dijangkiti kepada bayinya - 0.57% (30)
  4. Tidak diketahui - 4.35% (229)

- c) Jumlah Kes Demam Denggi di Negeri Terengganu dari tahun 1998 hingga Disember 2002 dan kedudukannya berbanding dengan Negeri lain-lain di Malaysia.

TAHUN	BIL KES DENGGI YANG DISAHKAN	KEDUDUKAN
1998	1218	5
1999	87	13
2000	22	12
2001	122	12
2002	485	6

SOALAN 5 : Berapakah kadar sebenar di Terengganu mengikut pecahan tahun 1998 hingga Disember 2002 kemasukan kepada agama Islam dan juga kadar kes memohon untuk keluar dari Islam (murtad) ?

JAWAPAN : Masuk Islam tahun 1998 – 60 orang, 1999 – 94 orang  
2000 – 76 orang, 2001 – 72 orang dan  
2002 – 84 orang

Manakala permohonan keluar dari Islam - tiada

*Dicetak oleh:*  
PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.  
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel: 09-6664611 & 6664652 Fax: 09-6662611